Bil. 19

Isnin
23 Jun 2008




MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN RAKYAT

**PARLIMEN KEDUA BELAS**
**PENGGAL PERTAMA**
**MESYUARAT KEDUA**

# K A N D U N G A N


**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**
- Memperkenankan Akta-Akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**USUL MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA:**
Kenaikan Mendadak Harga Minyak, Makanan dan Komoditi Lain di Pasaran Dunia (Halaman 20)

**USUL-USUL:**
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 43)

Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 16(3) (Halaman 115)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**
**Kes Kemalangan Jalan Raya Melibatkan Kenderaan PDRM dan Chan Kam Weng (Simati)**
*- Y.B. Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)* (Halaman 115)

**Sistem Infra Untuk Mengatasi Masalah Banjir**
*- Y.B. Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)* (Halaman 116)



Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2008

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.

2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB

3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO

3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO

4. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Syed Hamid Albar, S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO

5. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO

6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO

7. " Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO

9. " Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO

10. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

11. " Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO

12. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

13. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO

14. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS

15. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO

16. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) – UMNO

17. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB

18. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA

19. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

20. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

21. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

22. " Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

23. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO

24. " Menteri Kesihatan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA

25. " Menteri Penerangan, Dato' Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

26. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC

27. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO

28. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*

29. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA

30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*

31. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A. Aziz – *Senator*

32. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

**TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

2. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

3. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

4. " Timbalan Menteri Kewangan I, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

5. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP

6. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

7. " Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

8. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

9. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

11. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

12. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

13. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

14. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO

15. " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA

16. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

17. " Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA

18. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA

19. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

20. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB

21. " Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

23. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO

24. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

25. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

26. " Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh – *Senator*

27. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

28. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO

29. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA

30. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

31. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB

32. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

33. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

34. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C. (Kuala Pilah) – UMNO

35. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO

36. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO

37. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*

38. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

**AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS

2. " Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO

3. " Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO

4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) – UMNO

5. " Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO

6. " Dato' Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO

7. " Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB

8. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi) – UMNO

9. " Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO

10. " Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO

11. " Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB

12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

13. " Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO

14. " Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO

15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS

17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO

18. " Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP

19. " Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA

20. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP

21. " Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS

22. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP

23. " Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA

24. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. " Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. " Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
28. " Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
29. " Dato' Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. " Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
32. " Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
35. " Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
36. " Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
37. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
38. " Dato' Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
39. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
40. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
41. " Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
42. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
43. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
44. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
45. " Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
46. " Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
47. " Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
48. " Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
49. " Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
50. " Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
51. " Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
52. " Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
53. " Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
54. " Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
55. " Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
56. " Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA

57. Yang Berhormat Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
58. " Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
59. " Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
60. " Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
61. " Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
62. " Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
63. " Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
64. " Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
65. " Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
66. " Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
67. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
68. " Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. " Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. " Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. " Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. " Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. " Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. " Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. " Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

**AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. " Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. " Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. " Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
11. " Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
12. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
13. " Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)

14. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. " Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. " Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. " Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. " Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. " Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
26. " Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. " Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. " Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. " Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. " Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. " Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan John Fernandez (Seremban)
11. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. " Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)

20. Yang Berhormat Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. " Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. " Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. " Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. " Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. " Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. " Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. " Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. " Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. " Tuan Haji Roslan Shaharum (Bukit Gantang)
18. " Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. " Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. " Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. " Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

**AHLI (Bebas)**

1. Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

# DEWAN RAKYAT

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Rakyat**
Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
Ikmalrudin bin Ishak

**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nurul'aini binti Wahab
Siti Norhazarina binti Ali
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri
Nur Hidayah binti Janudin
Nooruanizam binti Nasir
Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Siti Khadijah binti Md Nor
Hafizah binti Abu Samah

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 23 Jun 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

## PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

### MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perbekalan Tambahan (2007) 2008;
2. Akta Pencen (Pindaan) 2008; dan
3. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2008.

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

"4 Jun 2008

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008;
2. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2008; dan
3. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2008;

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA"

**Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 8 Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang penggunaan bahasa rasmi di dalam Dewan ini, yang setahu saya seperti mana diperuntukkan adalah bahasa kebangsaan. Peraturan 8, tetapi soalan dalam *order paper*, semuanya dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita ada dua peraturan mesyuarat yang telah diedarkan. Mungkin yang lain tidak dapat yang di dalam bahasa Malaysia. Okey sementara diedarkan *order paper* pada hari ini, boleh saya panggil pertanyaan pertama?

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**1.** **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

(a) apakah syarat-syarat serta kriteria yang diperlukan untuk memasuki institusi perguruan bagi pelajar lepasan SPM di mana ramai pelajar yang mendapat keputusan cemerlang gagal untuk memasuki ke institusi berkenaan; dan

(b) berapakah peratusan kuota pelajar yang telah memasuki institusi ini semenjak ia ditubuhkan.

**Menteri Pelajaran [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, kecenderungan lepasan sekolah dan graduan universiti menyertai profesion perguruan kini semakin meningkat dan persaingan calon yang memohon memasuki institut pendidikan guru secara langsung kian sengit.

Bagi sesi Julai tahun ini sahaja, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menerima 108,394 permohonan kursus perguruan lepasan SPM. Seramai 13,128 calon telah dipanggil temu duga untuk hanya 4,726 tempat yang ditawarkan. Maka saya telah minta proses penentuan calon menyertai latihan bidang berkenaan adalah ketat bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar komited, ikhlas, bersungguh-sungguh dan berpotensi sahaja dipilih. Tapisan proses pemilihan adalah berdasarkan kelayakan akademik 50%, pencapaian kokurikulum 10% dan kemahiran komunikasi 40%. Calon juga dikehendaki lulus ujian (INSAG) Inventori Sahsiah Guru yang merangkumi temu duga individu, temu duga kumpulan, pengetahuan am, ujian bertulis untuk pengkhususan bahasa, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab dan ujian amali bagi pendidikan jasmani dan juga pendidikan muzik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang tetapi gagal untuk memasuki institusi-institusi pendidikan guru adalah disebabkan tidak melepasi syarat-syarat pemilihan iaitu keputusan ujian sahsiah yang rendah, ulasan panel temu duga, tidak aktif dalam kokurikulum, tidak membawa sijil asal semasa temu duga. Mengenai kuota, tidak ada kuota yang diguna pakai atau diamalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pengambilan calon guru di IPG. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Saya memandang positif usaha pihak Kementerian Pelajaran dalam memantapkan kualiti latihan perguruan seperti memperketat syarat kemasukan ke program perguruan seperti KPL SPM.

**■1010**

Namun apakah lagi langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan kualiti latihan perguruan di negara ini dapat dilonjakkan dan mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, Yang Berhormat Bintulu. Sesungguhnya di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010 (PIPP) jelas bahawa satu teras, teras lima daripada enam teras yang telah pun diberikan

keutamaan ialah usaha kita untuk memartabatkan profesion perguruan. Satu aspek lagi ialah untuk kita memastikan bahawa maktab-maktab perguruan kita dinaikkan taraf kepada institut dan di dalam sesi Parlimen kali ini, insya-Allah kita akan membentangkan satu rang undang-undang yang sebahagian besarnya akan berkisar kepada usaha kita untuk menaik taraf institut-institut pendidikan guru di mana semua usaha kita untuk melihat kepada kurikulum, perjawatan dan juga pendekatan-pendekatan baru berhubung kait dengan pendidikan guru itu diambil kira dan sesuai untuk kehendak semasa.

Selain daripada itu penekanan kita berhubung kait dengan pendedahan di peringkat antarabangsa bersama-sama dengan institusi-institusi pendidikan guru yang sekarang ini mempunyai kepakaran dan juga kemahiran telah pun kita jalinkan dan jaringan itu akan kita perkukuhkan pada masa-masa yang akan datang dalam usaha kita hendak mengantarabangsakan institusi-institusi pendidikan yang kita harapkan itu. Insya-Allah dengan usaha-usaha sebegini kita dapat melonjakkan tahap dan juga persepsi orang ramai terhadap pendidikan guru sekali gus memartabatkan profesion perguruan itu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita masuk ke institusi perguruan - tidak lepas panel sahsiah. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jangan ganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya, Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang berhasrat menyaksikan institusi yang sudah berjumlah 23 buah itu dapat mengeluarkan graduan yang bertahap dunia. Itu memang hasrat kita. Dengan jumlah bilangannya seramai 4,726 pada setiap tahun ini, mengapa kita masih menghadapi masalah kekurangan guru di semua aliran terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan guru sandaran masih diperlukan untuk bertahun-tahun? Bolehkah Yang Berhormat memastikan semua pengambilan ini berdasarkan hanya kepada merit sahaja bukan kepada faktor yang lain dan bilakah kita dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru di negara kita ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, Yang Berhormat Kepong. Saya sebenarnya tidak tahu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebagai faktor-faktor lain, tetapi unjuran yang kita lakukan untuk penempatan guru-guru kita kadang kalanya berkisar kepada masalah dari segi *mismatch option* dan juga *mismatch* dari segi lokasi. Kalau kita hendak sebut berhubung kait dengan pecahan kaum dari segi pengambilan permohonan ia berkisar kepada jumlah yang memohon. Permohonan daripada calon-calon kaum Melayu jumlahnya kalau kita tengok untuk sesi kali ini ialah 79,973, bagi kaum Cina cuma 7,288 dan kaum India berjumlah 4,674. Daripada kaum Cina yang memohon, dipanggil dan layak mengikut syarat yang telah ditetapkan jumlahnya ialah seramai 2,524 dan jumlah yang mendapat tempat kemudiannya ialah 1,284. Jadi, dengan jumlah seramai 1,284 itu memanglah tidak mencukupi kalau dalam konteks sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina.

Mengenai guru-guru sandaran tidak terlatih tadi kementerian telah meluluskan pengambilan GSTT berdasarkan kekosongan semasa untuk mengatasi kekurangan guru di SJK(C). Bagi tahun 2008 sahaja sejumlah 3,095 GSTT telah diluluskan bagi mengisi kekosongan jawatan di sekolah-sekolah SJK(C) kita ini. Kelulusan ini dibuat bersandarkan jumlah kekosongan di setiap negeri sehingga 31 Januari 2008. Jadi, untuk jangka masa sederhana dan juga jangka masa panjang adalah penting untuk kita memastikan lebih ramai daripada kaum-kaum bukan bumiputera untuk memohon, dan keduanya dalam jangka masa pendek ini mungkin ia dapat diisi dengan usaha yang saya sebutkan berhubung kait dengan GSTT tadi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta satu soalan tambahan lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua soalan sahaja yang saya benar, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini hari pertama, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada dulu, awal-awal lagi pun dua soalan sahaja dibenarkan.

**2. Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan sedar keadaan inflasi dan kenaikan barang makanan yang tinggi pada masa kini, serta paras garis kemiskinan (PGK) sekarang diletakkan pada RM800 ke bawah terlampau rendah dan tidak munasabah untuk membiayai satu keluarga, bolehkah EPU memberi kadar peratusan kemiskinan di setiap negeri-negeri di Malaysia jika PGK dinaikkan kepada RM1,500.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pengiraan nilai paras garis kemiskinan ataupun PGK negara adalah berpandukan kepada metodologi yang khusus selaras dengan definisi PGK yang diguna pakai iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan setiap isi rumah memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat.

Komponen-komponen keperluan asas tersebut termasuklah makanan, pakaian dan perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti sewa tempat kediaman, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran serta rekreasi. Pendek kata PGK yang digunakan adalah pendapatan untuk perbelanjaan bagi keperluan minimum semata-mata serta betul-betul asas sahaja. Tidak ada sedikit wang pun yang untuk bermewah misalnya menghantar anak ke sekolah swasta atau kelas tuisyen, mendapat rawatan perubatan dari klinik swasta atau makan di luar rumah seperti di gerai-gerai adalah dianggap melebihi daripada keperluan asas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dinyatakan, kerajaan memang sedar kesan inflasi dan kenaikan harga barangan yang dihadapi oleh negara pada masa ini akan mempengaruhi perbelanjaan-perbelanjaan isi rumah. Namun PGK masih belum mengambil kira *norm on effect*, dengan izin kenaikan harga minyak tempoh hari. Walau bagaimanapun PGK akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira keadaan inflasi semasa.

Kerajaan tidak menafikan selain daripada rakyat yang miskin, yang termasuk dalam golongan PGK tadi, terdapat juga golongan berpendapatan rendah iaitu dalam kategori berpendapatan rendah melebihi PGK RM753 sebulan dan kurang daripada RM1,500 seperti yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika kita menggunakan tafsiran PGK dan juga orang berpendapatan rendah seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka jumlahnya ialah 24.3%. Namun suka saya menyatakan di sini bahawa selain daripada bantuan kebajikan yang diberikan untuk rakyat golongan miskin ini kerajaan juga tidak lupa kepada golongan yang berpendapatan rendah.

**■1020**

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah meningkatkan definisi golongan berpendapatan rendah kepada mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana jawapan itu, tetapi jawapan itu tidak secara menyeluruh. Adakah menteri mengetahui bahawa RM1,500 juga bukan pendapatan yang boleh hidup di kawasan bandar yang mempunyai suami isteri dan tiga orang anak. Jadi oleh itu saya meminta menteri untuk menerangkan kepada Dewan, mengapa tidak menteri menyokong kenaikan gaji yang RM1,500 sebagai satu usaha untuk menentukan masyarakat Malaysia dapat hidup dalam keadaan di bawah tahap kemiskinan yang dicadangkan oleh MTUC. Terima kasih.

**Tan Sri Amirsham A. Aziz:** Berkenaan dengan gaji minimum seperti yang Yang Berhormat mencadangkan sekarang ini dalam pertimbangan lagi. Saya belum dapat umumkan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah mengenai dengan kemiskinan tegar ini, kita sudah pun mewujudkan apa yang dipanggil sebagai *focus group* tetapi *focus group* ini lebih menumpu kepada mengenal pasti golongan miskin tetapi dari segi kaedah menyelesaikan masalah golongan miskin tegar ini iaitu dari segi meningkatkan pendapatan mereka, saya ingin tahu, apakah ada cara-cara baru yang sudah pun dikenal pasti supaya penumpuan kita bukan setakat hendak bagi bantuan RM200 sebulan tetapi meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar ini. Terima kasih.

**Tan Sri Amirsham A. Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada usaha-usaha untuk mengenal pasti golongan-golongan yang miskin tegar ini, kerajaan juga telah mengambil beberapa usaha untuk meningkatkan peningkatan pendapatan golongan itu. Ini adalah seperti menggunakan Amanah Ikhtiar iaitu mikro kredit untuk memberi peluang kepada golongan-golongan yang disebut tadi supaya dapat mereka berusaha untuk perniagaan kecil-kecilan. Berapa lagi usaha-usaha telah dibuat untuk memberi peluang-peluang berniaga seperti lesen-lesen perniagaan kecil juga telah dipermudahkan untuk memberi peluang kepada mereka. Terima kasih.

**3. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bagaimanakah kementerian boleh menyedarkan dan mendapat kerjasama daripada semua pihak seperti Majlis Tindakan Daerah, pihak berkuasa tempatan dan JKKK dalam usaha untuk memantau dan mengawal kenaikan harga barang dan pada masa yang sama mengajak rakyat agar tidak membazir.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melaksanakan pemantauan harga dan bekalan barang-barang, khususnya barang-barang perlu beserta tindakan penguatkuasaan melalui keanggotaan bahagian penguat kuasa kementerian dan usaha pemantauan ini juga dibantu oleh seramai 1,901 pegawai pemantau harga. Namun bagaimana ramai pun anggota pemantau dan penguat kuasa yang dikerahkan, usaha pemantauan ini harus juga dibantu oleh pelbagai pihak yang lain, mahupun kerajaan ataupun bukan kerajaan.

Di peringkat kerajaan, sebuah Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga Barangan telah sedia wujud. Pasukan petugas khas ini dianggotai oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), Kementerian Kesihatan, FAMA, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen, LKIM, LHDN dan juga SSM. Tujuannya adalah supaya dapat dikuatkuasakan undang-undang di bawah tanggungjawab agensi-agensi anggota pasukan petugas ini serta mengambil tindakan bersepadu terhadap mana-mana pihak peniaga atau pengeluar yang mengambil kesempatan dari kenaikan harga barangan di pasaran.

Saya mengambil maklum cadangan Yang Berhormat dari Ledang supaya pemantauan ini turut dibawa ke peringkat kampung dengan melibatkan juga pihak JKKK. Kementerian turut melaksanakan program-program pendidikan dan kesedaran kepenggunaan seperti Latihan Kepenggunaan Kepada Penghulu Dan Penggawa, Seminar Kepenggunaan Kepada Komuniti Bistari, *Roadshow* Kempen Pengguna Bijak, Seminar Kepenggunaan Kepada Rakan Pengguna dan seminar dan ceramah yang melibatkan JKKK, pihak berkuasa tempatan, NGO dan juga para pelajar sekolah.

Sehingga Mei 2008, sebanyak 101 program kepenggunaan telah dijalankan mewujudkan Program Rakan Pengguna dan sehingga 18 Jun tahun ini, seramai 31,102 orang telah menjadi ahli berdaftar. Ahli-ahli Rakan Pengguna ini bergerak secara sukarela dengan tujuan membantu kementerian mengawasi aktiviti peniaga di pelbagai peringkat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, harga barang kawalan telah pun ditetapkan. Maklumat harga yang jelas – tepung, gula, beras sampailah kepada beras

super tempatan dan lain-lain juga telah kita sedia maklum. Dari segi yang dikesan, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini bukan sahaja soal harga sama ada di bandar, di pekan, di desa, juga soal bekalan yang saya pantau. Sampaikan ada industri kampung...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Menjurus kepada soalan. Ada kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjangkan mukadimah, Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Industri kampung kemungkinan akan runtuh. Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah kerajaan juga bercadang untuk menambahkan bekalan dari segi edaran dengan melantik ataupun menubuhkan GLC seperti PERNAS dahulu untuk menjadi salah satu daripada pengedar utama bekalan barang-barang utama dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu pandangan yang memang sudah pun di dalam pertimbangan kementerian dan kerajaan kerana kita merasakan sangat kehilangan PERNAS yang telah diswastakan pada satu ketika dahulu di mana kita juga telah melihat rangkaian kedai-kedai Jimat umpamanya, telah membolehkan pengedaran barang-barang perlu ini dan barang-barang yang lain secara begitu jauh ke bawah sehingga ke peringkat kampung dan dengan demikian dapat sampai kepada pembeli dan pengguna.

Begitu juga saya rasa bahawa kita kehilangan peranan badan seperti LPN yang bertanggungjawab terhadap beras dan padi dan keadaan seperti ini menimbulkan cadangan ataupun situasi yang membolehkan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ledang untuk dipertimbangkan. Ianya masih lagi dalam peringkat pertimbangan dan rancangan dan insya-Allah kita akan melaksanakan pengedaran ini, khususnya barang-barang keperluan agar dapat sampai sebenarnya kepada sasaran iaitu golongan berpendapatan rendah sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di antara punca kenaikan harga barang ialah naiknya kos harga bahan bakar utama iaitu minyak. Jadi dalam memastikan supaya harga barang ini tidak terus membebankan pengguna, apakah strategi kerajaan untuk memastikan di masa akan datang supaya harga minyak boleh diturunkan kembali. Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, bagaimanakah pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian supaya stok barangan keperluan harian seperti minyak dan termasuk juga barangan simen yang kekurangan dalam pasaran, bukan sahaja harga barang yang mahal tetapi stoknya berkurangan. Jadi macam mana perkara ini dapat diatasi oleh pihak kementerian?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa sebenarnya ke arah untuk mewujudkan sebuah pasaran yang terbuka dan juga bebas dan tidak terlalu dikawal oleh pihak kerajaan, barangan seperti besi keluli dan simen sudah pun dikeluarkan daripada senarai barang-barang yang dikawal harganya.

**■ 1030**

Namun demikian, kami sedar bahawa adanya kekangan yang berlaku kerana proses untuk membolehkan pengimportan barang-barang utama binaan ini dapat dibawa masuk ke negara kita akan mengambil masa sedikit dan perhatian. Saya percaya bahawa keadaan dan situasi ini boleh diatasi dalam masa yang terdekat melalui pengimportan kepada bahan-bahan binaan yang utama.

Tentang soal pemantauan kepada bahan-bahan yang lain atau barang-barang keperluan yang lain, pemantauan itu dilakukan seberapa yang boleh dan semenjak bulan Jun ini kita telah pun melaksanakan apa yang dipanggil sebagai Ops Harga, iaitu bermula pada 9 Jun dan semenjak daripada 9 Jun sampai 16 Jun Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 28,031 pemeriksaan telah dijalankan meliputi pelbagai jenis premis. Di antaranya adalah pengilang, pengeluar, pemborong *hypermarket, supermarket, mini market,* kedai runcit, pasar malam, pasar awam, kedai-kedai menjual makanan dan sebagainya. Hasil daripada pemeriksaan ini, sejumlah 20 kes telah dihasilkan melalui kesalahan di bawah Akta

Kawalan Harga 1946 dan Akta Perihal Dagangan 1972 yang menggambarkan kesalahan mengenai harga. Jumlah nilai rampasan keseluruhannya adalah sebanyak RM9,952.81 sen dan jumlah kompaun dikeluarkan bernilai RM1,150.

Namun begitu, segala pemantauan yang diminta oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah dapat dilaksanakan hanya semata-mata dengan pemantauan oleh pihak kerajaan dan kementerian, dan sebab itu harus dilihat kembali kepada saya atau kepada kementerian, harus dilihat kembali kepada sistem pengedaran seperti mana yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Ledang, bahawa kalau dapat ditingkatkan efisiensi ataupun kekesanan sistem pengedaran ini, ia dapat dibawa ke peringkat yang paling bawah. Insya-Allah kita dapat mengatasi sedikit sebanyak bekalan barang-barang ini terutamanya barang-barang perlu di peringkat yang paling rendah sekali, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah.

Tambahan daripada itu, penjualan barang-barang keperluan ini dilakukan dengan margin atau keuntungan yang agak tipis, dan ini juga merupakan satu masalah yang dihadapi oleh pihak pengedar untuk mengambil manfaat sepenuhnya atau mereka tidak berapa minat untuk mengedarkan barang-barang ini. Oleh itu, beberapa soal haruslah dapat kita selesaikan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan tekanan kepada kenaikan harga barang-barang terutamanya barang-barang perlu, kerajaan masih terus memberikan subsidi kepada sektor pengangkutan. Bahawa kita memberi subsidi dari segi minyak diesel yang menjadi kegunaan utama dalam sektor pengangkutan barangan ini pada kadar RM1.43 sen. Bermakna bahawa sudah pun dikekalkan harga diesel pada paras yang lama kepada sektor pengangkutan barang.

Namun demikian, ada lagi kos-kos yang lain yang melibatkan atau membawa kepada keadaan kenaikan harga. Oleh itu, saya percaya dengan sokongan dan bantuan kerajaan melalui bentuk diesel yang bersubsidi ke hampir begitu banyak jenis pengangkutan barangan, ia sepatutnya dapat mengurangkan sedikit impak kepada kenaikan harga barang-barang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

**4. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan rancangan kerajaan dalam menangani risiko kekurangan makanan sedunia dan tindakan yang akan diambil demi menjaga kepentingan rakyat khasnya golongan tidak berada di negara kita.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, selepas Pilihan Raya Umum 2004, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memutuskan supaya pertanian diberikan nafas baru dan dijadikan sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi negara. Ini telah diterjemahkan dalam RMK-9 di mana konsep pertanian ini untuk mentransformasikan pertanian telah dimantapkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari masalah-masalah yang dihadapi dalam dunia baru-baru ini termasuklah kekurangan bekalan makanan dan juga peningkatan harga yang ketara, pihak FAO telah mengadakan mesyuarat tergempar pada awal bulan ini di mana langkah-langkah jangka pendek, jangka panjang telah pun dirumuskan. Jelas kepada kita bahawa masalah bekalan dan harga makanan yang dihadapi ini adalah satu isu yang besar dan kita bernasib baik, kerana penekanan dan fokus kepada pertanian telah mula diberikan sejak 2004 dan telah dimantapkan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi dasar Perdana Menteri untuk menjadikan pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi negara adalah amat tepat sekali. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Oleh itu, langkah-langkah telah pun diambil untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat. Yang terpenting ialah RM4 bilion yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan negara. Daripada jumlah tersebut, lebih RM3 bilion telah pun diperuntukkan. Antara lain untuk menyediakan stok timbal melebihi RM1 bilion peruntukannya. RM800 juta untuk meningkatkan pengeluaran padi,

RM513 juta untuk memberikan insentif pengeluaran kepada penternak, nelayan dan petani dan RM725 juta untuk memastikan bahawa harga beras di pasaran tempatan berada pada tahap yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan mengambil langkah-langkah ini ialah untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat khususnya pengguna dan juga pengeluar. Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk memperluaskan kawalan harga. Kalau dulu yang dikawal cuma beras 15% tempatan. Kawalan telah diperluaskan meliputi 5% dan 10% beras hancur, di mana harganya ditetapkan pada RM2.70 sen bagi 10% dan RM2.80 sen bagi 5%. Kalau tanpa kawalan ini, sudah pasti harga beras akan meningkat lagi. Jadi ini mencerminkan keprihatinan kerajaan untuk memastikan rakyat khususnya golongan miskin terpelihara taraf hidup mereka.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah dan Sarawak, kerajaan telah membuat keputusan untuk menyediakan peruntukan RM406 juta bagi memastikan bahawa harga di Sabah dan Sarawak seragam sama dengan harga di Semenanjung. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin bukan saja kepada pengguna di Semenanjung tapi di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah yang diambil ini, kerajaan berharap bahawa pengguna akan dapat diringankan beban mereka. Pengeluar pula melalui insentif yang diberikan termasuk bantuan kepada penanam padi, kita mengharapkan beban yang ditanggung akibat kenaikan kos input dapat dikurangkan. Sudah pasti kerajaan tidak dapat hendak menampung sepenuhnya ataupun 100% kenaikan harga bagi pengguna dan juga pengeluar termasuk petani. Tetapi yang penting sebagai sebuah kerajaan yang amat prihatin, kita telah bersungguh-sungguh untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat dan kita berharap dengan itu rakyat akan dapat meneruskan kehidupan mereka dalam keadaan yang agak selesa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Soalan tambahan. Berhubung kait dengan soalan ini, Yang Berhormat Telok Intan dan saya semalam ada pergi ke Hutan Melintang, di mana beratus orang telah keluar dengan masalah mereka. Oleh kerana 40% nelayan-nelayan di Perak dan Selangor tidak keluar ke laut, disebabkan kenaikan harga diesel yang begitu tinggi di Kuala Kedah dan lain-lain tempat. *Unconscionable.* Masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan pun tidak diselesaikan begitu lama. Masalah sama ada undang-undang yang *draconian*, sama ada mengenai lanun-lanun, sama ada mengenai birokrasi, korupsi Jabatan Perikanan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Adakah... Ya, ini bersabit dengan soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjang-panjang Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Makanan dan memastikan cukup makanan dan adil dan menjaga kepentingan orang yang tidak berada. Adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk turun ke padang untuk berdialog dengan mereka dan selesaikan masalah mereka, khasnya menimbang soal rebat diesel untuk nelayan-nelayan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

**■1040**

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa bukan sahaja nelayan tetapi penternak dan petani yang lain menghadapi beberapa isu dan masalah. Itu sebabnya sebagai sebuah kerajaan yang prihatin kita telah mengumumkan peruntukan RM4 bilion bagi menangani masalah bekalan makanan juga harga makanan ini. Bagi nelayan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sudah buat keputusan mengambil kira sedikit kenaikan harga diesel daripada RM1.00 kepada RM1.43 bagi nelayan.

Kerajaan telah mengambil dua langkah. Yang pertama bagi setiap awak-awak yang mengusahakan bot nelayan mereka akan diberikan RM200 seorang. Ini untuk menampung kenaikan harga minyak. Yang keduanya bagi pengusaha mereka akan

diberikan bagi setiap kilogram sepuluh sen akan diberikan bantuan kepada mereka. Dengan langkah-langkah ini kita yakin bahawa kerajaan akan dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh mereka. Sebelum ini kerajaan membelanjakan kira-kira RM2 bilion untuk membantu para nelayan dan mengambil kira beberapa laporan penyelewengan yang berlaku.

Kerajaan telah membuat keputusan bagi membendung penyelewengan ini untuk menaikkan sedikit harga minyak diesel supaya perbezaan antara minyak di Malaysia dengan negara jiran khususnya negara Thailand dapat dikurangkan. Kita difahamkan hari ini di negara Thailand, harga minyak diesel sekitar RM4.00 satu liter hampir RM4.00. Di Malaysia bagi nelayan RM1.43. Oleh kerana jurang yang besar antara harga di Malaysia dengan negara luar maka ini telah mendorong beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menyeludup. Itu sebabnya mengapa kerajaan membuat keputusan untuk menaikkan sedikit harga minyak diesel daripada RM1.00 kepada RM1.43 tapi ini lebih rendah dari RM2.58 yang dikenakan kepada pengguna-pengguna lain.

Jadi berkaitan dengan persoalan Yang Berhormat sama ada kerajaan turun ke padang. Semua anggota pentadbiran kerajaan sentiasa turun ke padang untuk berjumpa nelayan. Saya sudah berjumpa dengan nelayan di Pulau Pinang dan baru-baru ini di Sarawak dan insya-Allah kita akan cuba menangani isu-isu masalah yang dihadapi oleh mereka termasuklah tadi Yang Berhormat berkata bahawa di kawasan tersebut kekurangan diesel. Insya-Allah saya bersama-sama kementerian berkenaan akan cuba menangani isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa krisis kekurangan bekalan makanan sedang melanda dunia. Saya hendak tahu adakah kerajaan benar-benar yakin bahawa Malaysia tidak akan berdepan dengan krisis makanan ini dan adakah Malaysia mempunyai kapasiti untuk menampung permintaan makanan mengikut keperluan rakyat sekiranya berlaku krisis. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi isu masalah akhir-akhir ini ialah mengenai beras dan ini telah dapat kita tangani sebahagian besarnya. Mungkin di beberapa kawasan tertentu kadang-kadang ada sedikit-sebanyak masalah tapi secara umumnya kita telah berjaya untuk memastikan bekalan beras itu berada di pasaran. Jadi kita cukup yakin dengan langkah-langkah kita untuk menambah *stock pile*. Umpamanya kita merancang untuk menambah *stock pile* beras daripada sekarang 2000 metrik tan kepada 500,000 metrik tan sebagai contoh. Lima kali ganda peningkatan dalam *stock pile*.

Maka kita cukup yakin bahawa dengan itu bekalan beras akan berada di pasaran. Lain-lain makanan ikan, daging, ayam dan lain-lain kita dapati tidak ada masalah besar. Ayam umpamanya kita mengeluarkan bekalan yang mencukupi dan kita juga telah pun mengambil tindakan untuk melonggarkan pasaran iaitu apabila terdapat kekurangan yang ketara di pasaran tempatan maka import akan dibenarkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita yakin dengan langkah-langkah yang telah pun diperkenalkan oleh kerajaan dan peruntukan yang besar disediakan maka Kerajaan Barisan Nasional mampu untuk menangani isu yang kita hadapi pada hari ini dan kita ada kemampuan, kita ada kapasiti dan pegawai-pegawai kita pun sudah digembleng dan buktinya hari ini kita tidak berhadapan dengan masalah yang serius berbanding dengan negara-negara lain.

Bekalan makanan mencukupi cumanya harga memang meningkat tetapi kerajaan melalui kawalan yang dikenakan langkah-langkah yang diperkenalkan termasuklah beras, gandum dan lain-lain barangan maka kita yakin bahawa kita berkemampuan untuk menangani isu-isu yang berbangkit daripada kekurangan makanan dan juga kenaikan harga barangan pada hari ini. Terima kasih.

**5. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang keberkesanan program pemulihan penagihan dadah di Pusat-pusat Serenti seluruh negara.

**Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kinabatangan. Untuk makluman Yang Berhormat, statistik yang diperolehi daripada Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) menunjukkan jumlah kes penagih dadah berulang yang dikesan menunjukkan kadar penurunan yang ketara.

Pada tahun 2004 seramai 18,892 orang jumlah penagih dadah yang dikesan daripada 30,672 orang adalah terdiri daripada penagih dadah berulang. Jumlah tersebut terus berkurangan kepada 17,419 orang pada tahun 2005, 12,430 orang pada tahun 2006 dan 7,810 orang pada tahun 2007. Penurunan jumlah kes penagih berulang yang dikesan ini merupakan satu *indicator* yang *significant* dalam menunjukkan keberkesanan program pemulihan penagihan dadah di pusat-pusat serenti seluruh negara. Penagihan dadah berulang merupakan penagih dadah yang pernah dan telah menjalani program pemulihan di Pusat-pusat Serenti sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesan terhadap penghuni didapati positif dan mereka dapat dipulihkan sepanjang tempoh mereka berada di pusat serenti. Walau bagaimanapun, bekas-bekas penagih memerlukan sokongan keluarga dan sosial yang berterusan iaitu masyarakat untuk mengelakkan kepulihan dan mengelakkan mereka dari menagih semula apabila telah dibebaskan dan memasuki semula kepada masyarakat. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Bunyi jawapan sedap Tuan Yang di-Pertua tetapi realitinya tidak sebegitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah berbahas Yang Berhormat. Soalan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan berbahas. Kenyataannya bukan begitu sebab hari-hari ramai yang menjadi penagih. Yang sudah masuk dalam pusat ini pun, bila keluar keinginan dan ketinggian nalurinya untuk menagih lebih tinggi daripada yang mula-mula dahulu. Bermakna matlamat kita mewujudkan berpuluh-puluh pusat serenti tidak tercapai. Gagal!

Jadi apa pendekatan yang baru yang difikirkan oleh kerajaan dan kementerian bagi memastikan bahawa modal insan negara kita ini tidak menagih dadah. Bermakna kita mengharapkan masa depan negara ini kepada mereka. Apa pendekatan yang lebih berkesan memastikan mereka yang menagih dipulihkan, yang belum menagih tidak menagih?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Biasa dengar suara kuat daripada Yang Berhormat Kinabatangan dan saya kira menunjukkan keprihatinan beliau terhadap usaha-usaha bagi menangani masalah dadah. *[Tepuk]*

Jadi kita menyambut baik seruan Yang Berhormat untuk kita meningkatkan lagi usaha-usaha ke arah pencapaian tapi saya terpaksa bergantung kepada angka-angka. Jadi kalau Yang Berhormat ada angka yang di sebaliknya yang sahih yang boleh disahkan mari kita sama-sama menjadikan dia sebagai isu Yang Berhormat dan juga masyarakat kita untuk menangani satu isu yang penting bagi negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri tentang keberkesanan langkah-langkah yang kerajaan laksanakan untuk mencegah masalah dadah termasuk penggunaan pusat serenti. Memang statistik yang diberi tadi tentang *regarding addiction,* dengan izin, memang satu *indicator* untuk menilai keberkesanan pusat serenti tapi boleh saya dengan izin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan tentang *indicator* yang lain iaitu bolehkah kita dapat untuk tahun-tahun yang disebut tadi jumlah tangkapan yang dibuat oleh pihak berkuasa untuk yang berkaitan dengan dadah tangkapan dan jumlah dadah yang dirampas sebab itu juga memberi gambaran kepada Dewan, apakah sebenarnya kedudukan masalah yang tadi dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Kinabatangan tadi. Terima kasih.

■ **1050**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa angka yang saya boleh berikan, tetapi dari segi jumlah dadah yang telah kita berkas, itu saya tidak ada angka dan saya akan memberikan secara bertulis.

Kalau kita tengok pada tahun 2004, untuk bawah seksyen 39(B), tangkapan ialah 1,835 orang dan untuk seksyen 39(A) ialah 3,611 orang, untuk lain-lain seksyen pemilikan kecil-kecilan, 27,761 orang jadi jumlahnya 33,207. Pada tahun 2005, jumlahnya - saya bagi jumlah keseluruhan 43,106 orang. Pada tahun 2006 - 43,733, pada tahun 2007 ialah 54,437.

Jadi ini menunjukkan dari segi tangkapan apabila kita bercakap berkenaan penagihan, ini adalah kumpulan yang berbeza walaupun bekalan bertambah tetapi mengikut angka yang kita ada; kalau kita ambil pusat serenti pun, kapasiti kita 9,500. Pada hari ini di pusat serenti hanya ada 7,400 sahaja.

Ini adalah angka rasmi tetapi mengikut Bangsa-bangsa Bersatu, angka-angka rasmi ini kena menggunakan angka untuk di*multiply* ataupun kita kena kali dua atau kali empat mengikut Bangsa-bangsa Bersatu. Ini yang kita ambil ada angka-angka yang berdaftar. Terima kasih.

**6. Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan sedia mengkaji semula pendekatan Islam Hadhari yang dikecam oleh para ulama yang menyifatkannya bertentangan dengan ajaran Islam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, pendekatan atau manhaj Islam Hadhari yang dipraktikkan membawa maksud pendekatan pemikiran yang membawa fokus pada kehidupan untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Islam yang lebih kontemporari. Ia mempunyai peradaban yang unggul bagi menghadapi cabaran alaf baru seperti ledakan teknologi maklumat, dunia tanpa sempadan, ekonomi global, budaya materialisme, krisis identiti, jati diri serta penjajahan pemikiran.

Pendekatan Hadhari tidak menolak pentingnya aspek ritual dalam pembinaan tamadun kerana pandangan hidup, sistem nilai, kestabilan jiwa dan kemajuan rohaniah merupakan tunggak kepada pembinaan tamadun yang luhur.

Ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam, malah langkah Selangor dan Pulau Pinang sebenarnya tidak menolak Islam Hadhari. Saya telah *check* Hansard yang telah dilontarkan dalam Dewan Undangan Negeri, mereka telah menyebut tidak mengizinkan yang maknanya sama.

Namun demikian, mereka tidak menolak isi kandungan dan pendekatan yang dijalankan di peringkat negeri. Ertinya Islam Hadhari diterima pelaksanaannya di semua peringkat. Bahkan di peringkat antarabangsa, ulama-ulama menerima pendekatan Islam Hadhari tanpa ragu-ragu dan sangsi dengan penzahiran sokongan melalui beberapa konvensyen dan wacana keilmuan yang berkaitan dengannya.

Memandangkan Program Pendekatan Islam Hadhari merupakan program yang murni dan amat membantu dalam usaha untuk memajukan negara, maka kerajaan berpendirian bahawa Program Pendekatan Islam Hadhari akan diteruskan seperti yang telah dirancang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pernah mendengar Ketua Agama Kristian iaitu Pope John Paul sebagai contoh ada Kristian Hadhari, Dalai Lama pula ada Buddha Hadhari. Kemudian yang paling baru adalah kenyataan kalaulah maknanya kami yang mengatakan atau ulama yang dikatakan pembangkang yang mengatakan Islam Hadhari ini mengelirukan.

Yang paling baru adalah seorang mufti, seorang mufti yang mengatakan bahawa membuang masa dan kita mengambil masa yang banyak untuk menerangkan tentang kekeliruan Islam Hadhari ini. Jadi oleh itu, adakah kerajaan bersedia untuk menerima pemikiran dan pandangan mufti ini supaya mengkaji semula, supaya kembali kepada pendekatan dan ajaran Islam yang asal, yang jelas. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Itu yang kita mahu, adakah kerajaan bersedia untuk menerima pandangan seorang mufti yang autoritinya, keilmuannya, manhaj pemikirannya diterima pakai kerajaan sehingga beliau dilantik sebagai mufti. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, di manakah 10 prinsip itu yang bertentangan dengan Rukun Islam atau Rukun Iman, mana dia bagi tahu. *[Tepuk]*

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Boleh beri - ini soalan saya. Tanya buat apa.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sila duduk. Saya belum habis lagi, sila duduk.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Tanya kena jawablah.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Yang Berhormat Kubang Kerian jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kubang Kerian duduk dulu.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tidak habis lagi, duduk dulu. Okey, kalau mufti yang berkenaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, kalau umpamanya menjawab, jawab. Jangan tanya dia kerana itu akan menimbulkan perbahasan. *[Tepuk]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tanya tetapi saya tidak perlu jawapan sekarang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tak pa, nanti dia bagi jawapan bertulis.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, mufti berkenaan saya temui. Beliau tidak menolak isi kandungan Islam Hadhari, yang dipertikaikan oleh Selangor, oleh Pulau Pinang, oleh mufti berkenaan ialah istilah Islam Hadhari.

Isinya tidak langsung bertentangan dan beliau tidak mempertikaikan prinsip itu. Oleh kerana ianya, *[membaca sepotong ayat al-Quran]* ianya adalah relevan dan kontemporari maka ini kontemporari. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita berbincang menjawab soalan itu di luar Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Ayat tidak betul tu.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Waalaikumussalam. Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita banyak menghabiskan masa kerana mempertikaikan satu pendekatan yang begitu baik yang dianjurkan oleh kerajaan.

Islam Hadhari bukan ajaran baru, bukan mazhab baru, ia tidak bertentangan dengan Ahlil Sunah Wal Jemaah. Dia mengajar kita mengamalkan seluruh amalan-amalan mulia yang dianjurkan oleh agama Islam kita yang mulia.

Soalannya Yang Berhormat Menteri, kenapa ramai yang mempertikaikan ini, apakah kerana sayang agama atau hanya untuk mencari pengaruh politik; untuk membingungkan orang dalam usaha untuk menagih sokongan. Ini kerana sesetengah pihak, agama ini dibuat alat untuk mencari pengaruh. Inilah yang menjadikan fikiran kita berkecamuk yang menyebabkan rakyat kadangkala terkeliru dengan hujah-hujah yang sengaja mengelirukan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebenarnya Hadhari, kerana Yang Berhormat Sri Gading faham, tidak seperti mana yang di sana itu.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 35(2).

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia Yang Berhormat 35(2)?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua apabila melihat Ahli-ahli Parlimen yang bangun untuk bertanya soalan, boleh tak kepala itu pusing banyak sikit sebab Tuan Yang di-Pertua tidak nampak saya, jangan tengok terus sahaja. Saya sengaja letak di belakang.

Jadi saya harap tengok itu tengok sambil Tuan Yang di-Pertua buat senaman tengkuk. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Banyak kali juga Yang Berhormat Pasir Mas nampak oleh mata saya, tetapi pada pagi ini mungkin kepala itu berpusing. Bersabarlah Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Ada parti yang duduk belakang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas itu tidak boleh ubah ke, tempat kosong belakang. *[Ketawa]* Cadangan yang baiklah. Terima kasih.

**7. Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana Bank Negara mengawal kadar faedah pinjaman antara bank di negara ini dan kaitannya dengan kaedah Bank Negara mengawal kadar inflasi di negara ini.

**Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi mencapai objektif Dasar Monetari, Bank Negara Malaysia menentukan kadar dasar semalaman ataupun *Overnight Policy Rate* (OPR) dan Bank Negara menjalankan operasi monetari melalui memberi pinjaman atau membeli sekuriti-sekuriti dari bank-bank. Dengan demikian memberi signal kepada industri bank tentang kadar polisi faedah kepada bank-bank. Bank-bank juga akan menggunakan perubahan dalam OPR ini untuk menentukan kadar deposit yang bank-bank bayar kepada pendeposit dan juga untuk menentukan kadar pinjaman melalui BLR, *base lending rate* dengan izin atau dengan kadar pinjaman tetap.

Sekiranya kerajaan dan Bank Negara berpendapat bahawa inflasi adalah satu isu yang harus ditangani, OPR akan dinaikkan dan dengan kenaikan OPR, kadar deposit akan dinaikkan oleh bank dan kadar pinjaman akan dinaikkan oleh bank. Akan tetapi kadar OPR dan polisi monetari oleh Bank Negara Malaysia hanya berkesan dalam keadaan-keadaan tertentu. Sekiranya keadaan inflasi wujud oleh sebab penggunaan yang berlebihan atau yang disebut selalu sebagai *demand-pull,* dengan izin maka dengan kenaikan kadar faedah, inflasi dapat diturunkan.

Akan tetapi dalam masa di mana inflasi berlaku kerana kos barangan naik atau yang disebut selalu sebagai *cost-push,* peningkatan dalam kadar faedah tidak akan memberi kesan yang banyak sebab kos harga telah naik dan kos ini tidak dapat diturunkan oleh kenaikan harga. Pada masa kini, kadar inflasi di Malaysia pada tempoh lima bulan

pertama ialah 2.9% berbanding dengan Indonesia 10.38% untuk bulan Mei dan Thailand 7.6% pada bulan Mei. Filipina 9.6% dan Vietnam 25.2%. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun kerajaan melaporkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara adalah pada kadar yang sihat iaitu 6%, saya masih mendengar rintihan daripada rakyat bahawa mereka masih tidak merasakan keadaan ekonomi baik dan mereka terus dibebankan dengan kenaikan inflasi.

Soalan tambahan saya, memandangkan kawalan inflasi menjadi teras kepada dasar ekonomi negara selepas ini, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan kebebasan kepada Bank Negara untuk menentukan kadar faedah untuk mengawal inflasi seperti di Amerika Syarikat dan di Britain, untuk memperkuatkan sistem *check and balance* dalam pengurusan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Isu tentang kebebasan Bank Negara Malaysia telah lama dibincangkan dan polisi, dasar yang ditentukan oleh kerajaan ialah Bank Negara Malaysia memang bebas dalam sistem kerajaan. Bank Negara bukan satu institusi yang bebas di luar kerajaan iaitu polisi-polisi Bank Negara Malaysia memang bebas dilaksanakan tetapi harus dilaksanakan dalam suasana untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi. Itu yang penting sekali. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang kebebasan di mana beliau menyatakan tadi bebas di dalam tetapi tidak bebas di luar. Macam mana kita boleh mengimbangi atau *reconcile* perkara ini kerana kalau kita lihat trend antarabangsa ialah untuk memberi kebebasan kepada bank negara atau *reserve bank* supaya kita ada satu lagi *monetary instrument* atau *monetary tools* untuk mempergiatkan ekonomi dan mengawal inflasi.

Di samping itu tentang keadaan inflasi yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Adakah ia mencerminkan keadaan sebenar? Kalau kita lihat daripada inflasi, ia adalah berteraskan satu wajaran atau *basket of goods,* di mana ia merangkumi atau ia terdiri daripada barang-barang harga kawalan dan tidak mencerminkan harga yang sebenarnya.

Kita boleh lihat keadaan ini berlaku Tuan Yang di-Pertua dalam kenaikan bahan binaan. Kalau kita lihat daripada *producer price index,* sungguhpun kadar inflasi amat rendah tetapi ia naik dengan begitu tinggi. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan pada satu masa menyatakan kadar inflasi sekadar 2.9% tetapi pada masa lain membenarkan kenaikan projek-projek sampai 6% seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Isu tentang kebebasan Bank Negara. Dalam banyak hal Bank Negara bebas membuat keputusan tentang kadar faedah dan lain-lain berasaskan kepada *Central Banking Act,* atau Akta Bank Pusat. Bank-bank pusat masih tertakluk kepada Kementerian Kewangan dan juga Kabinet, ini sistem sekarang. Dari segi falsafah wujud juga bank-bank pusat di dunia yang diberi kebebasan secara mutlak oleh suatu akta dan juga ada negara-negara lain yang memberi kebebasan tetapi juga ada had-had ke atas kebebasan ini. Oleh sebab mereka mahu bank pusat itu membuat keputusan dalam satu rangka supaya dapat memastikan bahawa dasar-dasar bank pusat tidak bercanggah dengan dasar kerajaan.

Berhubung dengan isu inflasi, memang ada satu pendapat bahawa kadar inflasi yang diumumkan oleh kerajaan tidak melambangkan realiti dalam market, ada satu pendapat. Kita kini mengkaji untuk mengatasi *basket of goods* untuk membuat perubahan dalam *basket of goods* supaya lebih melambangkan kos sebenar.

Kadar inflasi Malaysia adalah lebih rendah Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan negara lain sebab kesan kawalan harga oleh kerajaan ke atas barang-barang keperluan asas seperti tepung gandum, gula, beras, roti, barang petroleum seperti petroleum diesel, LPG. Barang kawalan harga mencakupi 17.5% daripada wajaran indeks harga pengguna dan bukan keseluruhan. Jadi lebih daripada 80% produk-produk dalam *basket* tidak termasuk dalam produk-produk di bawah harga kawalan. Terima kasih.

**8. Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyak aliran keluar Pelaburan Langsung Asing pada tahun 2007 dan apakah faktor-faktornya.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2007, aliran keluar Pelaburan Langsung Asing ialah sebanyak RM307 juta. Ini melibatkan empat buah syarikat milik asing yang membuat keputusan untuk berpindah ke satu ialah Thailand, keduanya ialah ke Vietnam dan dua buah syarikat lagi ke negara China.

**■ 1110**

Faktor-faktor yang telah pun menyebabkan pemindahan itu antara lain ialah penurunan permintaan bagi hasil produk yang mereka keluarkan di pasaran domestik. Keduanya ialah kerana syarikat tersebut ingin mengambil kesempatan daripada kos buruh yang dikatakan lebih rendah di negeri penerima dan ketiganya ialah kenaikan kos operasi syarikat di Malaysia. Bidang-bidang yang terlibat ialah dalam sektor tekstil – 2 buah syarikat, sektor kaca – 1 dan di dalam sektor elektronik – 1.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentunya Yang Berhormat Menteri sedar bahawa negara hanya mampu mendapat FDI dalam laporan *Investment Brief UN Conference of Trade and Development,* UNCTAD 2007 hanya sekadar 1.7% daripada seluruh FDI yang masuk ke negara Asia. 1.7% dari yang masuk lebih kurang USD 550 bilion. Mutakhir ini kita mendengar kerajaan lebih mementingkan pertumbuhan dengan izin GDP atau KDNK yang dipacu oleh *domestically driven* termasuklah swasta dan juga *government spending, G factor* dalam GDP. Apakah ini pengakuan bahawa kita sudah lagi tidak mampu menyaingi negara-negara khususnya seperti China dan India dan hari ini termasuk Vietnam dan Thailand. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006, UNCTAD juga meletakkan Malaysia di tangga 62 jatuh 56 tangga berbanding 1995 dan dalam kajian yang dibuat dalam Bank Dunia...

**Seorang Ahli:** Soalan!

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini soalannya. Dalam kajian yang dibuat oleh Bank Dunia, kajian ini juga diakui oleh UBS dan juga *French International Institute* menunjukkan bahawa antara dua faktor utama yang menyebabkan demikian di samping apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi adalah beban perundangan, *ease of doing business index* dengan izin dan juga kekurangan buruh mahir dan separuh mahir. Dalam faktor yang kedua sebentar tadi yang saya sebutkan, apakah langkah-langkah konkrit yang telah dilakukan bagi mengatasi kelemahan kedatangan FDI ini dan apakah kita sedang menyaksikan satu keadaan yang lebih parah dalam masa yang terdekat ini khususnya kerana kita sudah kehilangan daya saing ataupun *competitiveness* dengan izin. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd.Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang telah pun dicatatkan oleh Yang Berhormat tadi adalah laporan daripada pihak badan antarabangsa di samping beberapa fakta yang telah dinyatakan tadi kononnya sudah berlaku peralihan pelaburan kita ke negara-negara asing seperti di China ataupun di India, di Vietnam ataupun di Thailand. Sebenarnya daripada angka yang disebutkan tadi kita mempunyai angka kita yang terkini. Kalau kita sebutkan ... sebagai contoh pada tahun yang lepas, jumlah pelaburan yang diterima oleh Malaysia adalah RM59.9 bilion. Pada Januari hingga April 2008 sahaja, iaitu untuk suku tahun 2008 ini sudah menjangkau RM23.9 bilion dan kita jangka pada tahun ini akan lebih daripada yang kita terima pada tahun 2007 dan angka-angka ini menunjukkan peningkatan dan bukan penurunan. Ini kadang-kadang ada perbezaan Yang Berhormat apa yang dilaporkan di peringkat sana dengan kenyataan yang kita keluarkan di sini.

Jadi fakta yang kita keluarkan oleh MITI ini seharusnya dianggap sebagai fakta yang rasmi dan walaupun dikatakan tadi mereka keluar di sana kerana ada tarikan-tarikan tertentu sebagai contoh di negara China dikatakan, kerana ada kemudahan-kemudahan seperti tenaga kerja yang dikatakan jauh lebih murah. Saya juga boleh membuktikan beberapa buah syarikat yang sudah berhijrah ke sana mengambil keputusan untuk pulang

semula termasuklah ke Pulau Pinang sebagai contoh kerana mereka melihat walaupun kos buruh agak murah, tetapi banyak kos yang nyata dan tidak nyata yang jauh lebih tinggi dari Malaysia. Keduanya adalah soal logistik dan infrastruktur yang tidak selengkap di Malaysia. Ini waktu perkiraan mereka di peringkat awal tidak jelas, tetapi apabila sudah ditempatkan di sana maka kos-kos ini jauh lebih besar daripada apa yang mereka jangkakan di peringkat awal.

Saya bagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua, syarikat Dyson yang mengeluarkan *vacuum cleaner* yang terbesar di dunia menempatkan operasi di Johor dan pihak ketua eksekutif datang berjumpa dengan saya sebulan yang lalu menyatakan mereka terpaksa tutup operasi di Nanjing di China dan membesarkan operasi mereka di Johor dan ini membuktikan bahawa antara sebab adalah kerana ada tarikan yang kuat walaupun dilihat secara zahirnya banyak pelaburan masuk ke sana tetapi sebahagian besar sudah merasa beban kos yang jauh lebih tinggi.

Pejabat kita yang bertempat di negara China, MIDA sebagai contoh telah mengenal pasti hampir 300 buah syarikat Korea yang sudah pun melabur di negara China membuat fikiran kedua untuk berhijrah ke tempat-tempat lain Vietnam, Malaysia dan lain-lain lagi. Jadi saya ingin menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, dengan inisiatif yang telah pun kita ambil untuk mengekalkan tahap *attraction* kita, penarikan minat pelabur asing. Kita telah pun mengambil beberapa inisiatif bagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sama ada kita dapat mengurangkan lagi kos membuat perniagaan di dalam negara Malaysia ataupun dengan izin *cost of doing business* dan inisiatif ini telah pun kita mulakan apabila kerajaan bersetuju untuk menubuhkan PEMUDAH iaitu sebuah jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh wakil daripada pihak swasta dan juga pihak kerajaan yang juga dipimpin oleh Ketua Setiausaha Negara.

Banyak perakuan yang telah dibuat dan saya kira semuanya dapat membantu mempercepatkan proses, bukan setakat kelulusan, tetapi kos untuk menguruskan urusan-urusan perdagangan, lesen, untuk mendapatkan bahan-bahan mentah penurunan duti-duti bagi barang-barang yang diperlukan sebagai *intermediate goods* dengan izin. Jadi inisiatif ini kita masih buat, di samping itu kita juga menawarkan *customize incentive*, insentif-insentif tertentu untuk pelaburan-pelaburan besar di bawah Jawatankuasa Kabinet yang dipimpin oleh Timbalan Perdana Menteri. Jadi kesemuanya telah pun kita ambil kira dan saya kira dengan inisiatif ini saya tidak rasa begitu bimbang kalau dengan sebab itu Malaysia sudah tidak lagi menjadi tempat yang menarik untuk pelabur-pelabur asing dan inisiatif ini akan kita teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada masalah aliran keluar ini, ada juga beberapa kes iaitu pelabur asing yang sudah bersedia untuk masuk tetapi kerana ada saingan daripada pihak lain negara jiran khususnya Singapura jadi mereka tidak jadi untuk masuk, saya mengambil contoh WPI, Disney World akhirnya tidak jadi walaupun di peringkat awal bersetuju. Jadi apakah kita ada satu mekanisme untuk berhadapan dengan saingan Singapura ini. Apabila dia tahu ada syarikat besar masuk, maka barulah dia hendak memenuhi pelbagai janji supaya mereka ini tidak jadi masuk ke negara kita. Apakah cara begini juga dilakukan oleh pihak MITI.

**Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd.Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita sedar ini bukan baru sejak saya kira kita melancarkan Dasar Perindustrian kita, negara jiran kita adalah negara pesaing. Lebih-lebih lagi di mana situasi keadaan di mana pelaburan dunia hari ini begitu sekali dikehendaki oleh negara-negara yang sedang maju membangun seperti Malaysia ini maka akan ada soal persaingan itu timbul. Memang kerajaan sedari bahawa ada beberapa kes tertentu yang telah pun menyebabkan mereka membuat keputusan tidak melabur di Malaysia. Tetapi kita sudah pun mengambil satu langkah dan ini kita tidak perlu hendak mengumumkan secara terbuka apakah strategi dan inisiatif termasuk apa yang saya sebut *customize incentive* atau insentif-insentif tertentu. Syarikat-syarikat yang datang ke kawasan kita ini biasanya menggunakan strategi kalau Malaysia tidak menawarkan begini maka mereka akan berpindah ke negara yang lain.

Jadi itu sebagai satu *bargaining,* cara untuk mendapatkan satu layanan yang terbaik. Kita sedar perkara itu dan saya ingin maklumkan di sini sebuah jawatankuasa khusus yang dipengerusikan oleh timbalan menteri telah pun kita tubuhkan untuk melihat

kes-kes yang dianggap projek-projek pelaburan strategik yang bukan hanya melibatkan pelaburan besar, tetapi penting untuk meningkatkan tahap pelaburan dalam negara kita.

**■1120**

Ini telah pun kita sediakan dan kita ambil kira kalau adalah perkara-perkara yang disebut Yang Berhormat dari Batu Pahat tadi iaitu bagaimana caranya kita hendak pastikan mereka dapat terus sampai atau pun melabur di dalam negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn.

**9. Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa lama pesakit kena tunggu untuk mendapat rawatan di hospital kerajaan dan bagaimana dengan perkhidmatan hospital swasta. Baru-baru ini, terdapat pesakit yang mengadu bahawa mereka terpaksa menunggu hingga 3 jam untuk mendapat perkhidmatan seperti x-ray di hospital swasta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri sila.

**Menteri Kesihatan [Dato' Liow Tiong Lai]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan berazam untuk mencapai matlamat masa menunggu yang telah ditetapkan iaitu 30 minit untuk pesakit-pesakit luar umum di klinik-klinik kesihatan dan hospital.

Masa menunggu untuk pesakit di jabatan kecemasan dan trauma adalah bergantung pada saringan yang dibuat oleh paramedik yang bertugas di jabatan tersebut. Saringan yang dibuat dikategorikan kepada merah, kuning dan hijau. Untuk saringan merah, pesakit akan dilihat dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menggalakkan hospital swasta untuk mengawal masa menunggu sebagai salah satu langkah untuk memberi kepuasan dan keselesaan kepada pesakit. Buat masa ini, akta dan peraturan-peraturan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta mewajibkan orang yang bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengadakan satu pelan mekanisme ketidakpuasan pesakit.

Pesakit atau warga pesakit boleh mengemukakan aduan kepada pegawai perhubungan pesakit yang telah dikenal pasti oleh hospital swasta terlibat sekiranya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan. Pesakit tersebut juga boleh membuat aduan kepada Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Alor Gajah.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** Terima kasih kepada Menteri Kesihatan yang telah memberi jawapan yang ringkas. Soalan saya ialah tidak boleh dinafikan satu sebab utama yang menyebabkan tempoh menunggu lama oleh pesakit-pesakit khususnya di klinik-klinik dan hospital kerajaan ialah kekurangan pegawai perubatan khususnya kekurangan pakar perubatan.

Tidak boleh dinafikan juga, ada ramai rakyat Malaysia termasuk pelajar-pelajar yang telah dihantar melalui bantuan MARA, JPA dan sebagainya sekarang ini berkhidmat di luar negara kita termasuk di Eropah, Amerika Syarikat, Singapura sebagai *specialists* dengan izin, sebagai pakar-pakar perubatan yang amat dihormati oleh masyarakat di sana.

Kita selalu ada peluang berbincang dengan mereka, bertanya kenapa mereka tidak pulang kepada negara kita? Antara alasan ialah:-

(i) ada pakar-pakar perubatan yang kelayakan mereka tidak diiktiraf oleh kerajaan negara kita termasuk di Amerika Syarikat. Sungguhpun mereka berkhidmat di Mayo Clinic dan sebagainya, apabila dia hendak balik, dia tidak diiktiraf oleh kerajaan kita; dan

(ii) tempoh perkhidmatan dengan kerajaan yang *compulsory service* dengan izin. Mereka kata mereka bukan tidak mahu berkhidmat dengan kerajaan, tetapi mereka tidak biasa dengan birokrasi di kerajaan iaitu ada pengarah ini, ada pengarah itu. Apa mereka

hendak ialah mereka bersetuju untuk dengan izin *community service* yang dihadkan satu tempoh untuk mereka berkhidmat di klinik-klinik kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** Soalan saya ialah:-

(i) kenapa kerajaan tidak mengiktiraf kelayakan-kelayakan tersebut khususnya mereka dari negeri-negeri *non-Commonwealth*; dan

(ii) bolehkah kita buat *compulsory service* itu dengan lebih fleksibel supaya kita boleh galakkan mereka pulang dan dengan itu selesai kes kekurangan pakar-pakar perubatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah yang telah membangkitkan kekurangan doktor pakar dalam negara kita. Memang kita menghadapi kekurangan doktor yang besar di negara kita dan Kementerian Kesihatan telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan perkhidmatan pakar dalam negara kita.

Dua persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat berhubung dengan pengiktirafan doktor-doktor pakar kita di luar negara. Memang mengikut JPA mahupun MMC, doktor-doktor yang pergi ke universiti-universiti yang diiktiraf oleh negara kita, mereka balik tidak ada masalah.

Bagi mereka yang pergi ke universiti yang tidak diiktiraf oleh negara kita, maka apabila mereka balik, mereka masih boleh berkhidmat dengan kita tetapi perlu mengambil satu peperiksaan. Setelah mengambil dan lulus peperiksaan tersebut, maka mereka boleh berkhidmat dengan kerajaan dan berkhidmat dalam negara kita.

Bagi soalan yang kedua berhubung dengan kelonggaran, berhubung dengan *compulsory service.* Memang kita telah pun memberi kelonggaran dari segi pakar-pakar daripada luar negara terutama sekali rakyat Malaysia yang telah berkhidmat lama di luar negara. Kita menarik mereka balik kerana ini adalah satu usaha kerajaan untuk menarik mereka balik ke negara kita.

Oleh itu, kita memberi kelonggaran. Bagi pakar-pakar yang telah berkhidmat lama, telah melebihi umur 45 tahun, mereka boleh balik ke negara kita tidak perlu menjalani *compulsory service* tiga tahun di hospital kerajaan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapakah masa tunggu sekarang di hospital kerajaan kerana beliau pernah mengatakan *target* nya ialah 30 minit berbanding dengan menteri yang dahulu ialah 90 minit.

Saya pernah pergi ke hospital kerajaan juga, saya rasa kadang-kadang tunggu sampai dua jam. Tidak boleh habis. Memang Yang Berhormat Alor Gajah telah *point out the right things* bahawa kekurangan pegawai perubatan merupakan suatu faktor yang besar.

Mereka kata bahawa menteri hendak kurangkan masa menunggu tetapi tidak tambah kakitangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, tiga minit lagi. Nanti tidak dapat jawab Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Memang saya rasa ada kekeliruan dari segi pemahaman masa menunggu. Saya umumkan masa menunggu untuk pesakit luar umum, *general outpatient* yang batuk-batuk, demam panas. Itu kita boleh capai matlamat kita kerana mereka bukan berjumpa dengan doktor pakar. Mereka berjumpa dengan doktor biasa.

Bagi masa menunggu untuk doktor pakar memang lebih lama. Memang 30 minit kita akan tidak dapat capai. Akan tetapi bagi doktor biasa mulai bulan Mei, satu bulan yang kita laksanakan pencapaian masa menunggu pesakit luar di klinik kesihatan, kita telah mencapai tahap 51.4% di *all the clinics through the country*.

Bagi hospital 33%. Kita masih lagi berusaha gigih untuk mengadakan lebih banyak kaunter, mengadakan lebih banyak doktor termasuk kita menarik doktor-doktor dari swasta.

Kita panjangkan masa sampai selepas waktu kerja, kita *extend* sampai sebelah malam. Ini adalah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa masa menunggu dapat dipendekkan dan perkhidmatan untuk pesakit dapat dipertingkatkan.

Saya rasa kita akan terus memperbaiki. Memang dari segi pengisian doktor pada sekarang hanya 60% kapasiti di hospital kerajaan yang diisi oleh doktor-doktor dalam negara kita. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Dato' Ngeh Kooo Ham tidak dapat hadir pada mesyuarat untuk kali ini kerana beliau sedang menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri Perak. Maka itu, soalan ke-10, tidak dapat saya kemukakan untuk dijawab oleh menteri.

Sekarang, soalan ke-11. Yang Berhormat Tuan Razali bin Haji Ibrahim.

***[Soalan No. 10** – Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) tidak hadir]*

**11. Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan bercadang atau bersedia untuk mempertingkatkan usaha piawaian perkhidmatan awam melalui penubuhan Ombudsman sebagai satu institusi bebas untuk menerima dan menyelesaikan aduan-aduan orang awam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada lagi seminit untuk menjawab.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]:** Tuan Yang di-Pertua, pada ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan institusi Ombudsman sebagaimana yang terdapat di beberapa negara lain.

Walau bagaimanapun, Biro Pengaduan Awam (BPA) memainkan peranan yang sama seperti Ombudsman melalui peraturan pentadbiran. Kebelakangan ini, kepercayaan rakyat terhadap BPA menunjukkan trend yang memberangsangkan berdasarkan jumlah aduan yang diterima.

**■ 1130**

Pada tahun 2006, BPA telah menerima sebanyak 4,640 aduan dan diikuti pula pada tahun 2007 sebanyak 5,347 aduan. Bagi tahun 2008 setakat 31 Mei sebanyak 3,401 aduan telah diterima oleh BPA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi soal jawab telah pun berakhir, sekarang ini jam menunjukkan 11.30 pagi.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**Kenaikan Mendadak Harga Minyak, Makanan dan Komoditi Lain di Pasaran Dunia**

**11.30 pg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan ini mengambil ketetapan seperti berikut:

"**Bahawa Dewan ini,**

**Prihatin** akan kenaikan mendadak harga minyak, makanan dan komoditi lain di pasaran dunia, yang merupakan fenomena global di luar kawalan kerajaan.

**Menyedari** bahawa fenomena kenaikan harga ini membawa impak negatif yang besar kepada kesejahteraan rakyat serta kemajuan ekonomi negara.

**Memahami dan menyokong** langkah kerajaan untuk menstruktur sistem subsidi minyak dan gas yang menjejas kewangan kerajaan dan tidak dapat ditanggung tatkala harga minyak di pasaran global terus meningkat tinggi, agar beban ke atas ekonomi negara dapat dikurangkan dan subsidi dapat diagihkan dengan lebih saksama kepada mereka yang benar-benar memerlukannya yakni golongan miskin dan berpendapatan rendah dan sederhana.

**Menyokong** langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan beban ke atas rakyat yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak, makanan dan komoditi agar kesejahteraan hidup rakyat terus terjaga.

**Menyedari** keazaman dan usaha kerajaan untuk terus mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan memperjuangkan agenda pembangunan nasional walaupun persekitaran di peringkat global semakin mencabar.

**Bahawa** Dewan yang mulia ini menyeru kesemua lapisan rakyat Malaysia termasuk pekerja dan pengusaha agar tabah dan bersatu padu dalam menghadapi cabaran global ini serta memelihara keamanan, kestabilan dan kesejahteraan kita bersama".

Tuan Yang di-Pertua, fenomena kenaikan harga ini berlaku pada skala yang belum pernah terjadi sebelum ini dan merebak ke banyak negara. Lebih 30 negara di serata dunia mengalami rusuhan berkaitan harga dan bekalan makanan. Sebagai negara perdagangan terbuka yang mengimport pelbagai barangan, fenomena ini telah menyebabkan tekanan inflasi di negara kita juga terutamanya bagi barangan makanan. Ini secara langsung menghimpit kesejahteraan dan taraf hidup rakyat terutama yang miskin dan berpendapatan rendah. Aktiviti ekonomi dan sektor swasta juga menerima impak negatif disebabkan kos operasi dan pengeluaran meningkat.

Kerajaan memandang serius fenomena ini dan menyedari bahawa ianya menggugat kesejahteraan hidup rakyat serta kemajuan ekonomi negara yang mapan. Namun begitu kenaikan harga di peringkat global ini adalah di luar kawalan kerajaan. Kerajaan juga tidak mempunyai sumber atau keupayaan untuk melindungi ekonomi negara daripada bahana kenaikan harga global ini. Selaras fenomena ini, beban subsidi kerajaan untuk barangan petroleum dan makanan, terutamanya juga turut meningkat.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, subsidi petrol dan diesel di pam dijangka meningkat daripada RM8.8 bilion pada tahun 2007, tahun lepas kepada RM27 bilion pada

tahun ini. Ini merupakan beban kewangan yang besar yang tidak mampu ditanggung kerajaan.

Walau bagaimanapun kerajaan bertekad terus menjamin kesejahteraan hidup rakyat terutamanya golongan miskin serta berpendapatan rendah dan sederhana. Dalam melaksanakan objektif ini kerajaan dengan hati yang berat terpaksa mengambil langkah-langkah tidak popular seperti penstrukturan semula subsidi minyak di pam dan gas yang telah membawa kepada kenaikan harga petrol, diesel, gas dan elektrik di peringkat domestik.

Tiada kerajaan di dunia ini yang tidak mahu menjadi popular di mata dan hati rakyat. Kerajaan ini boleh membiarkan legasi subsidi ini untuk diselesaikan oleh pemimpin atau generasi masa akan datang. Namun sistem subsidi yang tidak efisien memberi impak negatif yang besar terhadap daya saing dan daya maju sesebuah ekonomi dalam jangka masa yang panjang.

Oleh itu sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan berpandangan jauh, keputusan telah diambil ke arah menjamin kesejahteraan hidup bukan sahaja bagi generasi masa kini tetapi juga bagi generasi-generasi yang akan datang.

Kerajaan sedar akan keperitan dan kesusahan yang dialami oleh segenap lapisan rakyat dalam menangani masalah kenaikan harga ini. Oleh itu kerajaan akan memberi keutamaan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi pada harga yang terendah. Ke arah mencapai objektif ini, kerajaan bakal menanggung lebih RM4 bilion untuk subsidi makanan termasuk beras, minyak masak, tepung dan lain-lain.

Kerajaan juga telah mewujudkan Dasar Jaminan Makanan Nasional dengan meningkatkan bekalan beras menerusi penubuhan Skim Skop Pengimbal, meluaskan kawasan penanaman padi terutamanya di Sabah dan Sarawak serta meningkatkan produktiviti melalui penambahbaikan infrastruktur pertanian serta penggunaan klon yang lebih baik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Pada masa yang sama kerajaan terus peka kepada keperluan golongan miskin dan berpendapatan rendah. Skim Jaringan Keselamatan Sosial atau *Social Safety Net* dengan izin yang dilancarkan pada tahun 1990 akan terus diperkukuhkan dan diperluaskan dengan pelbagai bantuan. Di antara bantuan yang diberikan adalah bantuan kepada kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya, pesakit kronik dan bantuan anggota palsu.

Program-program ini merupakan tambahan kepada dasar-dasar sedia ada seperti pelajaran dan perkhidmatan kesihatan yang terdapat secara murah dan percuma. Sesungguhnya kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawab sosialnya ketika menghadapi krisis kenaikan harga yang melanda negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan pemberian subsidi adalah bagi golongan miskin serta mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Penstrukturan semula sistem subsidi minyak dan gas adalah berdasarkan pencapaian objektif ini.

Di kala harga minyak di pasaran dunia meningkat tinggi, sistem subsidi minyak di pam sebelum ini kurang memberi manfaat kepada golongan sasaran utama. Ianya lebih menguntungkan golongan berada yang mempunyai kenderaan mewah atau lebih lagi mereka yang mempunyai lebih daripada satu kenderaan.

Ini adalah berbanding dengan golongan sasaran utama yakni golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang hanya menggunakan kenderaan berkapasiti kecil ataupun motosikal. Perbezaan harga ketara di antara harga pasaran dan harga yang di subsidi di pam. Ini juga menggalakkan penyeludupan kepada sektor komersial dan industri yang tidak layak memperoleh subsidi tersebut. Apa yang lebih meruncingkan lagi ianya menggalakkan penyeludupan ke negara-negara jiran di mana subsidi tersebut turut dinikmati oleh golongan yang bukan warganegara Malaysia.

Gejala penyeludupan ini menafikan objektif kerajaan untuk menyasarkan manfaat subsidi produk petroleum hanya bagi golongan pengguna kenderaan persendirian, isi rumah dan pengangkutan awam termasuk bot penumpang serta nelayan.

Selaras dengan ini penstrukturan semula sistem subsidi minyak di pam dan gas telah diperkenalkan. Bagi sistem subsidi minyak di pam, penstrukturan semula ini melibatkan kenaikan harga petrol di pam sebanyak 78 sen kepada RM2.70 sen seliter manakala harga diesel di pam pula dinaikkan sebanyak RM1.00 kepada RM2.58 sen seliter.

Namun selaras dengan objektif kerajaan untuk meringankan beban rakyat, pampasan tunai telah diperkenalkan yakni RM625 setahun bagi kereta persendirian kurang daripada 2000cc dan RM150 setahun bagi motosikal persendirian kurang daripada 250cc setahun. Selain itu trak pikap dan jip persendirian yang berkapasiti kurang daripada 2500cc turut diberi pampasan tunai sebanyak RM625 setahun.

Walaupun kenaikan harga minyak di pam kali ini adalah tinggi berbanding sebelum ini, namun kerajaan berharap pampasan tunai yang diberikan itu akan membantu meringankan beban kewangan pengguna kenderaan.

Kadar pampasan tunai RM625 bagi kenderaan dan RM150 bagi motosikal, telah ditentukan berdasar penggunaan kenderaan di peringkat *entry level* yang berjalan sebanyak 50 kilometer sehari atau 15,000 kilometer setahun. Tambahan lagi liputan pampasan tunai ini adalah luas. Terdapat lebih 6.1 juta kenderaan di bawah 2000cc dan lebih 7 juta motosikal di bawah 250cc.

**■1140**

Ini bermakna lebih 95% daripada kenderaan dan motosikal persendirian di negara ini menikmati pampasan tunai tersebut. Sistem subsidi ini juga adalah lebih adil dan saksama kerana kesemua yang layak mendapat jumlah pampasan tunai yang sama. Ini berbeza daripada keadaan sebelum ini di mana pengguna minyak yang tinggi mendapat manfaat subsidi di pam yang jauh lebih tinggi berbanding dengan pengguna minyak yang rendah.

Pada masa yang sama kenderaan yang berkapasiti 2000cc ke atas dan motosikal berkapasiti 250cc ke atas yang majoritinya digunakan oleh golongan yang lebih berada tidak layak untuk mendapat pampasan tunai tersebut. Oleh itu, sistem subsidi ini lebih menjurus kepada usaha untuk menjamin kesejahteraan dan taraf hidup golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan menyedari juga bahawa langkah untuk menaikkan harga minyak di pam ini akan meningkatkan tekanan inflasi.

Minyak diesel merupakan antara komponen kos utama bagi sektor pengangkutan yang memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan produk dan perkhidmatan di negara ini. Jika sektor pengangkutan dibebani oleh kos minyak yang meningkat tinggi, maka sudah tentu pertambahan kos ini akan disalurkan kepada pengguna terakhir. Oleh itu, kerajaan telah mengekalkan harga diesel untuk pemegang *fleet card* pada kadar RM1.43 seliter. Pemegang *fleet card* termasuk operator bas, operator kenderaan pengangkutan, operator teksi dan lain-lain. Di mana sistem *fleet card* ini meliputi lebih 270,000 kenderaan berkenaan.

Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun meluluskan kuota sebanyak 4 bilion liter setahun untuk sistem *fleet card* ini. Kementerian ini juga sedang merancang untuk meningkatkan lagi kuota tersebut dengan mendaftarkan lebih banyak kenderaan yang layak di bawah sistem *fleet card* dengan memberi keutamaan kepada kenderaan pengangkutan awam. Dengan langkah ini tekanan inflasi berikutan kenaikan harga minyak akan dapat dikurangkan dan tidak seteruk yang disangka.

Penstrukturan semula subsidi gas pula telah membawa kepada peningkatan tarif elektrik bagi Semenanjung Malaysia. Namun untuk meringankan beban rakyat, penggunaan isi rumah di bawah 200 kilowatt-hour (kWh), sebulan atau bil kurang daripada RM43.60 sebulan, tidak mengalami apa-apa peningkatan. Ini meliputi lebih 59% daripada pengguna isi rumah yang majoritinya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Pada masa yang sama, takrif elektrik dinaikkan secara progresif untuk isi rumah di mana pengguna tinggi dikenakan pada kadar yang tinggi. Selain itu, peningkatan tarif elektrik bagi isi rumah adalah lebih rendah berbanding peningkatan yang dikenakan bagi sektor komersial dan industri.

Oleh itu, sama juga seperti penstrukturan sistem subsidi minyak di pam, penstrukturan subsidi gas turut menjurus kepada mengekalkan kesejahteraan hidup rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Banyak kesangsian Tuan Yang di-Pertua, yang timbul hasil daripada langkah kerajaan untuk menstrukturkan semula sistem subsidi minyak dan gas ini. Banyak pihak berpendapat bahawa sebagai negara pengeluar minyak dan pengeksport minyak bersih, maka Petronas dan kerajaan sepatutnya dapat menanggung bebanan subsidi yang lebih tinggi berikutan peningkatan harga minyak dunia yang mendadak.

Alhamdulillah, sebagai sebuah negara pengeksport minyak dan komoditi utama lain seperti kelapa sawit, ekonomi Malaysia telah mendapat manfaat yang besar daripada peningkatan harga komoditi di pasaran dunia. Selaras dengan peningkatan harga minyak di pasaran dunia, keuntungan Petronas telah meningkat dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM86.8 bilion pada tahun 2007.

Namun begitu, bagi tahun 2007 sahaja, Petronas telah menyumbang RM53.2 bilion kepada kerajaan dari segi cukai, royalti dan dividen. Jika dibuat perbandingan, jumlah ini merupakan 35% daripada perbelanjaan Bajet Tahunan Kerajaan bagi tahun 2007. Selain itu, untuk tahun 2007, Petronas juga telah menanggung subsidi berjumlah RM15.6 bilion untuk membekalkan subsidi gas kepada sektor tenaga dan bukan tenaga. Ini bermakna Petronas sudah pun banyak menyumbang kepada perbelanjaan tahunan serta subsidi kerajaan.

Oleh itu, adalah tidak berpatutan jika Petronas, terus dan turut diminta untuk menanggung kos subsidi yang lebih tinggi. Selain menyumbang kepada Bajet Tahunan Kerajaan, sebahagian daripada keuntungan Petronas wajar juga dilaburkan kembali untuk mengembangkan operasinya, lebih-lebih lagi bila masa rizab minyak negara kecil dan semakin menurun. Petronas merupakan salah satu Syarikat Multinasional Malaysia yang berjaya di persada antarabangsa. Di mana ianya telah berjaya menubuhkan operasi di lebih 33 buah negara. Kemapanan Petronas sebagai sebuah Syarikat Multinasional bergantung ke atas kebolehannya untuk mencari peluang operasi serta perniagaan yang baru yang berpotensi.

Oleh itu, ianya memerlukan dana pelaburan besar untuk memastikan hasil khazanah minyak negara dapat dimanfaatkan untuk generasi anak cucu kita pada masa hadapan. Tambahan lagi kos pengeluaran minyak di setiap rantaian bekalan industri petroleum juga telah meningkat tinggi dan oleh itu Petronas memerlukan dana pelaburan yang lebih besar untuk terus mengembangkan operasinya.

Malaysia juga adalah pengeluar minyak yang kecil di dunia ini. Dengan keluaran tidak sampai 1% daripada keluaran minyak dunia sehari. Pada masa yang sama hanya 70% sahaja keluaran minyak mentah Malaysia dihasilkan oleh Petronas, mana kala bakinya oleh syarikat asing melalui kontrak perkongsian pengeluaran atau *production sharing contract* (PSC).

Dari segi pemasaran produk petroleum domestik pula, Petronas hanya membekalkan hanya 42% daripada keseluruhan pasaran runcit di pam. Maka adalah tidak munasabah bagi Petronas untuk menanggung beban subsidi minyak yang dipasarkan oleh syarikat-syarikat minyak asing. Penggunaan khazanah minyak negara secara berhikmah adalah lebih penting bagi memandangkan Malaysia mempunyai rizab minyak dan gas yang kecil berbanding negara-negara pengeluar minyak utama. Rizab minyak Malaysia hanyalah 5.4 bilion tong berbanding dengan Arab Saudi yang mempunyai 250 bilion tong. Tambahan lagi, Malaysia dijangka akan menjadi pengimport minyak bersih pada tahun 2014. Oleh itu, rizab minyak negara perlu digunakan secara optimum dan produktif agar negara memperoleh pulangan yang maksimum dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, jika sistem subsidi tidak distruktur semula, tahap defisit bajet kerajaan akan melambung tinggi kepada lebih 6% untuk tahun ini. Demi menanggung

beban subsidi yang semakin besar,ini merupakan tahap defisit yang tinggi berbanding 3.1% yang telah disasarkan bagi tahun 2008. Tahap defisit yang tinggi boleh ditampung oleh kerajaan dalam jangka masa yang pendek.

Namun ianya harus dilaksanakan oleh kerajaan bila masa negara menghadapi pula kemelesetan ekonomi. Sebagai contoh, defisit bajet pada tahun 2000, adalah 5.5%. Tahap ini diperlukan agar perbelanjaan kerajaan dapat memangkinkan pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak di kala ekonomi negara ketika itu, menghadapi impak negatif krisis kewangan Asia.

Walau bagaimanapun, pada masa kini negara belum menghadapi kemelesetan ekonomi. Oleh itu, kerajaan perlu mengekalkan tahap defisit yang rendah untuk memberikan fleksibiliti kepada kerajaan bila masa negara mengalami kemelesetan ekonomi. Risiko kemelesetan ekonomi pada masa kini adalah tinggi. Selain daripada krisis kenaikan harga ini, Amerika Syarikat masih dibelenggu krisis sub-prima dan diramal akan mengalami kemelesetan ekonomi tidak lama lagi. Kemelesetan ekonomi di Amerika Syarikat ini dijangka akan merebak ke merata dunia.

Dengan ini adalah lebih baik jika kita bersedia menghadapi kemungkinan ini dengan mengukuhkan pengurusan fiskal kerajaan demi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal teguh dalam mengharungi cabaran global kelak. Dana yang diperoleh kerajaan daripada Petronas, perlu digunakan oleh kerajaan untuk meneruskan agenda pembangunan nasionalnya. Yakni pembinaan infrastruktur dan pelaksanaan program seperti yang direncanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Ini adalah penting untuk memastikan keupayaan negara terus dibangunkan agar pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara tidak terbantut dalam jangka masa panjang. Dalam hal ini kerajaan perlu mengimbangi di antara objektif pemberian subsidi dan agenda pembangunan negara. Pemberian subsidi yang berterusan akan mengurangkan keupayaan kerajaan untuk menggunakan hasil kewangan bagi menampung keperluan yang lebih penting seperti pendidikan, kesihatan, perumahan rakyat, keselamatan dan pembangunan luar bandar serta bantuan secara langsung kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah.

**■1150**

Sebagai kerajaan yang beramanah dan berpandangan jauh, ianya bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk memangkin aktiviti ekonomi demi kesejahteraan segenap lapisan masyarakat. Kewujudan peluang perniagaan, peluang pekerjaan dan peluang pelaburan serta penyediaan kemudahan asas rakyat yang mencukupi merupakan keutamaan kerajaan untuk menjamin kemajuan negara dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu adalah lebih optimal jika dana kerajaan digunakan ke arah ini daripada dibelanjakan untuk tanggungan subsidi semata-mata. Kerajaan juga komited untuk memastikan hasil kemakmuran negara dikongsi bersama oleh segenap lapisan rakyat. Langkah-langkah yang diambil akan terus memastikan supaya tiada golongan yang ketinggalan dalam kita mengejar agenda pembangunan negara.

Selaras dengan hasrat ini, penstrukturan semula sistem subsidi ini bertujuan mengalihkan sebahagian besar beban kenaikan harga kepada mereka yang lebih mampu. Dalam hal ini kerajaan sendiri masih menanggung sebahagian besar kos subsidi bagi rakyat. Selain itu, industri kelapa sawit telah dikenakan levi berlebihan keuntungan memandangkan harga minyak sawit di peringkat global telah melonjak tinggi. Penjana Kuasa Tenaga Bebas atau IPP yang terus menikmati keuntungan yang tinggi juga dikenakan levi yang sama. Hasil yang diperoleh oleh levi berkenaan disalurkan semula kepada kerajaan untuk dibelanjakan ke arah kebajikan rakyat. Tambahan lagi sektor komersial dan industri dikenakan tarif elektrik dan gas yang lebih tinggi berbanding isi rumah agar mereka turut sama menanggung beban penstrukturan semula subsidi gas.

Penstrukturan semula ini juga melibatkan harga gas yang lebih tinggi buat industri-industri besar yang kebanyakannya pengeksport, dan oleh itu mendapat manfaat daripada kenaikan harga barangan di pasaran global. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak alpa dengan tahap subsidi yang tinggi dan berterusan. Walaupun pahit, kita semua harus menyesuaikan diri dengan senario harga barangan yang tinggi serta tahap subsidi yang lebih rendah,

kecuali untuk mereka yang benar-benar layak dan memerlukannya. Selain itu, tahap subsidi yang tinggi memberi gambaran daya saing yang palsu untuk sektor komersial dan industri negara. Ini kerana kos pengeluaran dan perkhidmatan berada pada tahap yang lebih rendah dan bukan pada harga pasaran sebenar. Ini akan memberi kesan yang buruk kepada daya saing dan daya maju negara dalam jangka masa yang panjang, jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang tidak mengamalkan pemberian subsidi yang tinggi.

Kita tidak boleh terus bergantung di sebalik subsidi sebagai asas untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, negara Thailand tidak memberikan subsidi kepada sektor perindustriannya, tetapi ianya masih mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Dalam kita melangkah ke arah menjadi negara maju yang perlu bersaing di peringkat antarabangsa, sistem subsidi perlu dirombak secara berperingkat agar ekonomi negara benar-benar menjadi lebih efisien dan kompetitif. Kerajaan menyedari bahawa sistem subsidi pada masa kini tidak optimal dan perlu ditambah baik secara berterusan. Dalam hal ini, penstrukturan semula sistem subsidi minyak dan gas yang telah dilaksanakan itu merupakan langkah pelopor ke arah sistem yang lebih efisien dan efektif.

Sebelum ini kerajaan keberatan untuk melaksanakan penstrukturan semula sistem subsidi kerana ianya tidak popular dan akan diputar belit oleh pelbagai pihak untuk tujuan tersendiri. Namun demi masa depan negara, kerajaan tidak ada alternatif selain menstruktur semula sistem subsidi minyak dan gas. Dalam masa dan keadaan yang susah ini, kerajaan dan rakyat perlu berganding bahu untuk sama-sama menghadapi cabaran perubahan ekonomi dalam bentuk harga yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, saya mengajak semua lapisan rakyat, para peniaga dan pengilang supaya sama-sama melaksana peranan masing-masing untuk mengatasi kemelut ini. Rakyat mestilah merancang perbelanjaan secara berhemat, berjimat cermat dan mengelakkan pembaziran.

Kepada para peniaga, saya menyeru supaya jangan menangguk di air keruh dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya sehingga membebankan rakyat. Sebaliknya peniaga dan pengilang perlu meningkatkan daya saing dan produktiviti masing-masing bagi memastikan harga dan bekalan barang keperluan adalah terkawal, kerajaan akan terus memantau dan meningkatkan penguatkuasaan sewajarnya untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

Kerajaan juga menyeru kerjasama daripada rakyat untuk bertindak rasional dalam menangani krisis ini dengan menolak demonstrasi dan protes umum yang berkaitan dan krisis kenaikan harga ini. Demonstrasi dan protes yang dianjurkan tidak akan menguntungkan sesiapa, malah ianya hanya akan merombak keyakinan terhadap ekonomi dan kestabilan politik negara. Akhirnya kita sendiri yang akan rugi jika aktiviti ekonomi dan pelaburan terbantut akibat ketidakstabilan tersebut. Kerajaan menyedari dan memahami dengan mendalam kesemua isu dan impak kenaikan harga petroleum dan barangan ini serta kesannya terhadap masyarakat.

Sehubungan itu, kerajaan akan terus berusaha sedaya upaya untuk menangani cabaran krisis kenaikan harga ini dan menjamin kemakmuran ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat secara berterusan. Menyedari akan hakikat tersebutlah, maka kerajaan kini amat menyedari bahawa kita perlu melakukan persiapan dan persediaan awal secara lebih rapi bagi menghadapi kemungkinan berlakunya kemelesetan ekonomi pada masa depan. Adalah perlu bagi kerajaan untuk memikirkan dari sekarang bagaimana kita perlu bersiap sedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan dan cabaran tersebut. Oleh itu, kerajaan sendiri sudah pun bermula mengambil langkah-langkah berjimat cermat, dan ingin turut mengajak semua pihak termasuk rakyat agar juga mengamalkan sikap yang sama. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada yang menyokong?

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya mohon membangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat Muar.

**11.56 pg.**

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Auzubillahiminasyaitanirajim, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah.

*[Dewan riuh seketika]*

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan mesyuarat. Usul itu belum disokong lagi sudah ada ucapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini penyokong Yang Berhormat. Dalam Peraturan 31 tidak mengatakan menteri mesti menyokong. Mana-mana orang kerajaan boleh menyokong Yang Berhormat, termasuk *Backbencher*. Sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Sokong dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Dia menyokong usul itu, dia duduk lepas itu berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya faham Yang Berhormat. Amalan yang tidak tertakluk dalam peraturan boleh diubah bila-bila masa oleh Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. Ini bukan amalan Yang Berhormat, itu bukan konvensyen pun. Jadi usul ini boleh disokong oleh orang yang hendak menyokong. Peraturan 31 Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Muar.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Saya hendak mengucapkan tahniah, syabas kepada kerajaan kerana kerajaan yang beramanah sahaja yang berani buat perkara yang bertanggungjawab. *[Tepuk]*

Saya mengharapkan perkara ini dapat kita perbahaskan dan kita lihat dalam hati yang lapang dan fikiran yang terbuka. Di awal usul, dinyatakan dengan secara jelas bahawa perkara ini bukanlah satu perkara yang kita boleh kawal kerana ia merupakan satu fenomena global. Kita tahu bahawa apabila pengumuman dibuat, kita berada di kawasan masing-masing, kita berjumpa dengan rakyat, rakyat merintih kerana harga minyak dikatakan terus meningkat naik tetapi harga barang juga terus naik, rakyat yang merasai. Sebab itu saya nyatakan bahawa hanya kerajaan yang amanah sahaja, yang berani menjalankan tugas yang bertanggungjawab seperti ini dan dalam perkara ini, kita perlu bekerjasama dan bersatu.

Saya ingin menyatakan begini kerana kita lihat sebelum kita cerita tentang subsidi, kita kena lihat bahawa simpanan minyak dunia 1,100 bilion sahaja. Ada banyak perkara yang perlu kita lihat.

Semalam, Raja Arab Saudi dalam ucapannya mengatakan bahawa Kerajaan Arab Saudi bersetuju untuk menambah 9.7 juta *barrel* kepada pasaran dunia, tetapi beliau menyatakan bahawa itu belum tentu menjamin harga pasaran minyak dunia akan turun. Apa yang perlu kita buat kalau Arab Saudi yang mengeluarkan 10 juta tong sehari, tetapi digunakan oleh Amerika Syarikat sebanyak 20 juta tong, apa yang boleh kita buat?

Beliau juga mengatakan bahawa harga minyak ditentukan oleh *tax* yang dikenakan oleh kerajaan masing-masing dan permintaan yang tinggi oleh negara-negara yang sedang membangun, tetapi antara perkara yang kita boleh buat iaitu dengan memberi sokongan kepada dasar yang akan menguntungkan masa depan negara.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Sebab itu pada saya, sebagai sebuah negara yang mengeluarkan 650,000 tong sehari, yang dieksport 120,000 tong sehari, tidak banyak sangat perkara yang boleh kita mainkan. Disebut tadi RM53 bilion diberikan kepada pendapatan negara dari pendapatan Petronas. Bagaimana kita gunakan?

**■1200**

Sebab itu isu hari ini pada saya dibentangkan sangat baik bagaimana kita boleh melihat subsidi ini dan bagaimana kita boleh lihat cara ia digunakan. Soalnya bukan kita sebagai pengeluar minyak tetapi bagaimana lebihan yang ada dapat kita agihkan kepada rakyat. Pada saya secara umumnya subsidi mewujudkan satu perkara yang tidak efisien dan tidak seimbang dari segi pengagihan. Ini satu perkara yang kita kena terima. Selama 25 tahun mungkin ekonomi Malaysia berada dalam keadaan yang baik tetapi selepas itu kita berada dalam suasana yang artifisial. Artifisial kerana banyak sangat perkara yang kita buat untuk merangsang ekonomi negara terdapat juga sebegitu besar jumlah subsidi.

Minyak kita subsidi, barang makan kita subsidi. Mungkin betul kita mahu menarik minat pelabur datang tetapi subsidi yang diberikan ini tidak lagi mencerminkan daya saing sebenar negara. Yang ini kita kena lihat sama ada kita ingin menarik pelabur supaya datang tetapi hasil pengeluaran kita sebenarnya artifisial. Adakah betul pengeluaran negara kita ini, daya saing negara kita ini memang murah? Sebab itu pada saya banyak perkara kita boleh jimatkan. Subsidi ini pada saya boleh diberikan kepada empat iaitu tenaga utiliti, makanan, buruh terutamanya buruh asing murah dan kesejahteraan rakyat.

Kesejahteraan rakyat tidak boleh kita kompromi, kesejahteraan rakyat dalam soal pendidikan, dalam soal kesihatan, dalam soal perumahan, dalam soal kemiskinan perlu kita utamakan dalam kita mengagihkan subsidi. Sebab itu pada saya, apabila saya sebut tentang betapa artifisialnya daya saing negara, saya merujuk kepada pengeluaran. Sebab itu pada saya kalau dulu FDI datang ke negara kita lewat tahun 70-an dia membawa bersama dengan perpindahan teknologi. Kemudian mewujudkan peluang pekerjaan.

Hari ini tidak ada lagi *transfer of technology,* dengan izin, apatah lagi peluang pekerjaan. Sebab itu apabila dicadang tentang gaji minima, siapa dapat faedah? Adakah dengan menetapkan RM1500 umpamanya sebulan, 2 juta buruh asing dapat faedah. Kita kena tetapkan sasaran bila buruh asing murah ini perlu dihentikan. Baru kita boleh timbang tentang gaji minima. Supaya yang dapat gaji minima ini bukan buruh asing. Bayangkan 2 juta, saya rasa buruh asing negara ini ada lebih ramai daripada masyarakat kaum India.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Menteri boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini peringkat menyokong Yang Berhormat. Duduk dulu, dengar dulu. Kita bagi peluang.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Sebab itu memang cantik kalau dicadangkan gaji minima sebab barang naik tetapi kita kena tengok satu persatu siapa yang dapat faedah. Jika tidak ia akan lagi sekali memberi faedah kepada bukan kumpulan sasar.

Jadi pada saya, hari ini GDP mungkin tinggi di negara kita tetapi hasilnya pemilikannya selain daripada Petronas dan Sime Darby saya rasa dimiliki oleh orang lain. Sebab itu kebergantungan kepada buruh asing ini perlu dilihat. Buruh asing ini juga pada saya merupakan satu subsidi yang mana daya saing negara tidak lagi *competitive* sebab tidaklah mencerminkan apa yang sebenar berlaku dalam kos satu-satu pengeluaran. Kilang-kilang kita mendapat faedah daripada subsidi minyak sebelum ini dan saya difahamkan apabila minyak dunia mencecah USD135 setong, kerajaan terpaksa menyediakan subsidi sebanyak RM2 bilion sebulan. Yang mana kita tahu kalau tahun 2007 RM2 bilion diperuntukkan untuk jalan kampung.

Bagaimana perkara ini boleh berlaku kalau kita teruskan subsidi minyak RM2 bilion satu bulan hanya kerana harga naik USD135 setong. Perkara ini perlu dihentikan, kerajaan yang popular mungkin akan terus memberikan subsidi tetapi kerajaan yang beramanah dan saya rasa masa depan negara jauh lebih penting daripada kita memberikan satu yang popular. Sebab itu penarikan subsidi yang saya sebutkan tadi perlu kita lihat secara segera.

Perkara-perkara subsidi makan, subsidi tepung yang turut dinikmati oleh kilang-kilang yang turut dinikmati oleh orang-orang asing, subsidi minyak, subsidi takrif elektrik ini semua perlu dilihat semula supaya apabila kita meletakkan daya saing negara di tahap yang sebenar, sudah tentu banyak penjimatan dari segi subsidi dapat kita jimatkan dan selepas itu nanti kita boleh bincang bagaimana kita hendak digunakan subsidi ini supaya hanya dapat diraih, dinikmati oleh rakyat negara ini sahaja.

Namun begitu saya percaya penarikan subsidi secara tergesa-gesa, secara serta merta akan memberi kesan yang tidak berapa baik kepada ekonomi negara sebagai contoh mungkin kos kehidupan rakyat meningkat, kadar pengangguran akan meningkat sebab pelabur-pelabur mula mencari tempat lain. Kemudian kadar jenayah juga turut meningkat sebab tidak ada kerja. Perkara-perkara ini boleh berlaku dalam keadaan serta merta tetapi kalau kita dapat melihat cara bagaimana kita dapat memulangkan penjimatan kepada rakyat, insya-Allah kita dapat menampung sebab kekosongan pekerjaan akan diisi oleh orang tempatan.

Gaji perlu dinaikkan, kerajaan kena menimbang apabila sudah tidak ada lagi kebergantungan kepada buruh asing maka tempat-tempat ini akan diisi oleh anak-anak tempatan dan masa itulah kita perlu meningkatkan gaji minima supaya kumpulan menengah akan kita lebarkan, kumpulan miskin akan menjadi kecil, kumpulan yang terlalu kaya juga akan menjadi kecil barulah kualiti hidup akan meningkat kerana kumpulan menengah yang begitu besar, insya-Allah perkara-perkara yang selama ini dijadikan isu oleh mana-mana pihak dapat kita selesaikan.

Akan tetapi dalam perkara-perkara kesejahteraan rakyat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan perlu diteruskan melihat kepada penjimatan yang dapat dilakukan oleh kerajaan selepas pemberhentian subsidi ini dapat disalurkan terus kepada rakyat Malaysia. Umpamanya kalau ada rakyat yang berjaya membuktikan bahawa dalam dia berjimat cermat dia menggunakan air yang kurang, dia menggunakan *electricity* yang kurang maka kerajaan boleh bagi *rebate* kerana saya percaya memberi terus kepada rakyat akan mewujudkan kos pentadbiran dan kos sistem penyampaian berbanding *rebate*.

Sebab itu pada saya kalau kita boleh kita beri terus kepada institusi yang membekalkan air, membekalkan elektrik mungkin tidak perlu sangat kita fikirkan tentang pentadbiran rakyat kena ambil duit dan sebagainya. Ini juga disebut oleh banyak peringkat mungkin dari segi *road tax*, dari segi cukai jalan boleh dilihat secara *rebate* makna tidak diberi secara tunai kerana perkara ini ada dalam dana kerajaan dan pembayaran tidak perlu dibuat oleh rakyat. Perkara yang seterusnya kita kena tahu bahawa daya saing ini penting. Ada perkara-perkara yang boleh kita lihat untuk menambah pendapatan rakyat.

Saya ingin menyentuh bahawa mungkin ada ramai rakan-rakan saya di sini juga ada menyebut, saya ambil contoh pemberian AP umpamanya. Kalau satu kereta dibawa masuk ada keuntungan RM10, RM30 ribu diberikan kepada individu sudah sampai masanya saya rasa kerajaan boleh menimbangkan perkara ini untuk diberikan kepada LTAT umpamanya, koperasi-koperasi umpamanya, PUNB, PNB, KWSP sudah boleh menjaga AP-AP ini supaya dana yang berbilion ringgit terus kepada kerajaan.

Kemudian kerajaan dapat pendapatan tambahan tanpa ada niat untuk menyentuh mana-mana pihak yang telah menikmati AP. Saya tahu AP akan diberikan kepada syarikat yang boleh atau dilantik sebagai agen tetapi pada saya, ini dana yang sepatutnya dinikmati oleh semua orang dan saya rasa syarikat yang telah sedia ada ini sudah berdiri sendiri tanpa bergantung kepada AP kerajaan atau mungkin kerajaan boleh mengenakan satu bayaran tertentu bagi setiap AP yang dikenakan kerana pada saya seperti Petronas setiap rakyat Malaysia berhak untuk menikmati apa yang diperoleh daripada satu-satu AP.

Kemudian kita kena lihat pula kepada beberapa cadangan yang ingin saya bawa, kalau kita boleh setuju bahawa kita tidak lagi *competitive* kita tarik balik sebahagian besar subsidi yang telah kita beri ini untuk memastikan rakyat teramai dapat faedah kita kena lihat cara pelaksanaan dan penguatkuasaan.

Pertama pada saya mana-mana rakyat dalam kita menyokong usul ini, menyokong tindakan kerajaan, semua orang berbincang tentang meningkatkan mutu jaringan pengangkutan awam.

Saya tidak perlu panjang lebar menjelaskan perkara ini kerana kalau kita tengok negara lain pun semua ada kereta tetapi simpan rumah sebab tol mahal, minyak mahal, *parking* mahal tetapi hendak dapat *rebate* cukai pendapatan dia beli juga kereta, tetapi bila dia pergi kerja dia naik pengangkutan awam sebab pengangkutan awam di negara-negara ini sangat efisien dan kita sebenarnya semakin jauh ke belakang.

■ **1210**

Kedua, kita boleh melihat umpamanya tol. Bila kita cerita fasal tol, yang popular dan mudah, jangan naik tol. Ha, itu sedap bercakap, sebab, jangan naik tol, rakyat akan dapat faedah. Kepada saya, apabila kita ada perjanjian konsesi, setiap kali kita tidak naikkan tol, kerajaan kena bayar pampasan dan itu duit rakyat.

Apa yang kita kena buat, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Apabila tiba waktu tol hendak naik, janganlah kita naikkan tol kenderaan persendirian. Ini kerana rakyat yang menggunakan tol ini tidak ada untung. Namun kenderaan perdagangan kena tahu, ini sudah dijanjikan, bila tiba masa akan naik, maka yang kenderaan perdagangan ini naiklah terus.

Jikalau dia tidak hendak naik, dia boleh guna jalan lama. Apabila dalam perniagaan, dia guna lebuh raya kita, dia akan dapat jimat dari segi masa. Penjimatan dari segi masa ini ada nilai kewangannya dan mereka jugalah yang selalu rosakkan jalan di *highway* ini.

Jadi, kepada saya tidak salah kerana itu sudah diberitahu. Ada perjanjiannya, maka mereka perlu akur, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Biarlah rakyat tidak bayar tol yang dinaikkan, tetapi kenderaan perdagangan kena terus membayar seperti jadual yang disediakan. Ini kerana akhirnya kenderaan perdagangan yang membawa barangan atau membawa orang akan mendapat faedah daripada penjimatan masa tersebut. Kemudian kita ada juga cara bagaimana hendak menambahkan pendapatan.

Kenapalah kita tidak mengenakan bayaran kepada kenderaan-kenderaan luar yang masuk ke negara kita? Kerana ada banyak barang makanan kita atau minyak kita sebelum ini yang ada subsidi. Kalau enam juta kereta masuk dari Singapura setahun dikenakan bayaran, dia hendak beli barangan kita pun tidak mengapalah, sebab, dia sudah dikenakan bayaran apabila masuk ke negara.

Cara mana hendak kutip, cara mana hendak simpan, siapa yang patut kendalikan, kepada saya bukan soal. Sebab dari segi pertukaran mata wang asing, bukan banyak sangat dia kena bayar. Kita pergi ke negara dia, kita kena bayar.

Yang ini pun kepada saya perlu disegerakan supaya rakyat lihat kita menjaga kepentingan rakyat, bukan menjaga kepentingan orang luar. Kemudian ada lagi perkara yang perlu kita buat. Penjimatan ini perlulah dilabur bukan kepada hanya barang-barang, tetapi pengeluaran barang-barang makanan, kerana ia akan menjamin keselamatan. Keselamatan bagaimana? Kita punya perancangan mungkin boleh bertahan selama 9 bulan, RM200 juta dari segi *trade* perbezaan mungkin tidaklah banyak. Namun begitu, apabila kita melabur, apa juga boleh jadi? *Recession* ataupun *depression* di peringkat dunia kerana *depression* kalau tidak silap saya kali terakhir pada tahun 1930-anlah. Kalau berlaku suasana ini, dia ada *double impact*.

Sekarang ini harga minyak, harga barang makanan pun naik, tetapi kalau kita dapat labur duit kita seperti yang dilaksanakan oleh kerajaan hari ini, dia akan dapat menjamin *stock pile* kita banyak. Ini perlu kita buat dan dalam masa yang sama, kita perlu labur penjimatan ini kepada menghasilkan latihan kepada pekerja-pekerja tempatan.

*Human capital* dan barang makanan adalah satu perkara yang menjadi kekuatan kita di Malaysia, yang kadang-kadang ada negara lain tidak dapat buat sebab tidak ada tanah yang lebih. Ini kita kena lihat, pelaburan itu biarlah tepat kepada kumpulan sasar, juga tepat kepada aktiviti yang hendak dijalankan.

Kemudiannya, saya hendak memberi cadangan untuk Jawatankuasa Tanah Negara atau Majlis Tanah Negara. Duduk berbincang melihat berapa banyak tanah terbiar dalam negara kita ini untuk dibangunkan. Ini kerana mana-mana tanah yang terbiar tidak ada hasil, ia sangat merugikan. Kalau kita dapat bersetuju, subsidi perlu dialih, maka kita ada penjimatan dan penjimatan ini perlu kita lihat bagaimana hendak digunakan. Saya hendak cadangkan gunalah kepada mana-mana tanah yang terbiar untuk dibangunkan.

Kemudiannya, ada satu lagi perkara saya rasa tidak ada berapa banyak perkara yang tinggal, tetapi dari segi NGV. Kita perlu mencari alternatif lain kalau negara kita mungkin gas ada lagi 30 tahun, itu merupakan satu aset.

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun telah membuat pengumuman bahawa kita kena melihat kepada tenaga-tenaga alternatif seperti nuklear. Kita ada solar, hidro kita ada, angin kita ada, nuklear kita ada, tetapi saya hendak menjurus hanya kepada NGV.

Hari ini semua orang mengeluh, hendak pasang NGV mahal. Selepas pasang mahal, hendak beratur isi NGV pun lambat. Dikatakan 200 stesen NGV patut dibina pada tahun 2008. Kepada saya ini bukan soal, kena buat. Siapa yang bertanggung jawab, kena buat. Kalau tidak, galakan yang kerajaan ingin berikan tidak akan sampai dan tidak akan berjaya. Apabila tidak berjaya, yang disalahkan kerajaan. Ini kita tidak mahu dengar. Mana-mana agensi perlu laksanakannya, termasuk juga Proton.

Saya mengalu-alukan keputusan Proton untuk melahirkan kereta yang ada NGV terus. Kerana ini pelaburan sekali, penjimatan yang dapat rakyat buat, tetapi kalau ada NGV, ada kereta Proton yang ada NGV, tetapi boleh hendak isi sebab hendak isi memakan masa dua, tiga hari, maka ia akan menjejaskan usaha kerajaan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Kemudian, kita boleh melihat pula kepada cara bagaimana pengagihan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kepong, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Hah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak mengapa Yang Berhormat. Belum lagi masa untuk berbahas, Yang Berhormat. Ya, belum lagi Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Penjelasan. Penjelasan, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak mengapa Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Kita ada satu hari sahaja Yang Berhormat. Banyak lagi yang hendak berucap. Sila Yang Berhormat Muar.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya pun suka kalau ada yang bertanya, sebab dalam kita mencadangkan penjimatan, kalau kita hendak suruh rakyat bawa basikal pun, sebab perlu untuk penjimatan jimat-cermat ataupun untuk kesihatan, saya sokong, bagus. Namun, kalau kita hendak bawa basikal hanya untuk gimik politik, ia amat menyedihkan. *[Tepuk]* Itu kita kena lihat. Dalam kita mencadangkan, kita jangan sangat terbelenggu dengan politik. Saya bagi contoh, saya bagi contoh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kinabatangan, duduklah dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masalahnya, dia bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya bagi peraturan Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia sudah bagi. Kalau dia tidak bagi, tak bolehlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kinabatangan, duduk dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ikut Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order*. Bolehkah kita dapatkan satu nasihat, dari mana, apa peraturankah yang kata, kita tidak boleh minta penjelasan? Sama ada menteri kemukakan ataupun menyokong atau perbahasan? Bila-bila pun boleh penjelasan, terpulang kepada orang yang buat ucapan itu. Tidak ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya bersetuju Yang Berhormat. Baik, baik, duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tidak ada peraturan mesyuarat yang kata bahawa, tidak ada penjelasan. Mana satu peraturan mesyuarat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Memang tidak ada peraturan yang mengatakan, Yang Berhormat. Namun kalau kita melihat Peraturan 31, perbahasan jangan dimulakan hampir habis penyokong membahaskan.

Jadi di dalam sini, memberi imbasan bahawa saya mempunyai budi bicara untuk sama ada memberi ataupun tidak memberi dalam mempersoalkan ataupun mencelah dalam peringkat ini, Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Sebab itu...

**Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang jelas dengan Peraturan 31 ini? Peraturan 31(1), berbunyi: "Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat, sesuatu usul atau pindaan, tidak akan dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua, jika usul atau pindaan itu telah disokong". Saya bangkitkan daripada awal lagi tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Saya sudah baca itu, Yang Berhormat. Sebelum saya masuk pun, saya sudah baca. Saya fikir Yang Berhormat. Saya fikir satu hari sampai pukul 4.30 petang, kita hendak bahas.

Jadi, saya terima surat banyak menyatakan hendak terlibat dengan perbahasan. Jadi, kalau kita banyak sangat mencelah pada peringkat ini, banyak yang tidak akan terlibat pada peringkat perbahasan. Jadi, saya sudah bagi notis dengan Yang Berhormat Muar tadi, minta boleh mencelah, tetapi saya akan tegurkan orang yang mencelah. Saya ada notis bagi kepada Yang Berhormat Muar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, mencelah itu membahaskan. Dalam Dewan ini kita berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, biar dia habis menyokong dahulu, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Muar.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu di awal tadi, saya rasa memang semua orang berminat. Dari itu, saya minta juga supaya kita berada dalam suasana yang terbuka supaya apa yang kita buat ini benar-benar mencerminkan rasa kasih kita kepada negara.

Oleh sebab itu, perkara-perkara ini sebenarnya saya suka kalau ada yang suka hendak bertanya dan saya yakin dan saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Ramai orang yang hendak memberi pandangan dan saya lihat setiap kali saya memberi cadangan, Yang Berhormat Menteri mencatat.

Saya rasa ini lebih baik daripada kita terlalu sangat berbahas untuk sesuatu perkara. Ini kerana di akhirnya nanti, Yang Berhormat Menteri mewakili kerajaan yang ada, terpaksa menjawab keseluruhannya. Pada ketika itulah, cadangan-cadangan yang mungkin kepada kita betul, tidak dapat dilaksanakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soal menteri menjawab keseluruhan, itu hak menteri.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Yang Berhormat hendak bertanya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan. Saya tidak berapa setuju dengan Yang Berhormat Muar punya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, tidak ada dialog, Yang Berhormat. Yang Berhormat Muar punya dialog.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Menteri boleh jawablah dengan apa yang dibangkitkan. Kita berbahas sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Betul Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading itu.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Oleh sebab itulah saya kata, saya pun sanggup menjawab, tetapi saya hendak menghabiskan yang ini dahulu. Saya rasa, cadangan-cadangan yang ada bukan daripada saya seorang, ramai yang akan beri cadangan, yang menyokong dan tidak menyokong. Kalau ada yang hendak bertanya, diberi masa, saya rasa saya akan beri laluan.

Sebagai penghujung, selepas kita bersetuju bahawa subsidi menjadi soal, bukan tentang kita pengeluar minyak, bukan kerana kita tidak mahu menurunkan harga, tetapi subsidi ini bagaimana hendak digunakan?

**■1220**

Oleh sebab itu bagi saya ada kesan-kesan positif yang boleh kita dapati. Pertamanya, kalau kita boleh melakukan perkara ini maka tidak ada lagi kebergantungan kepada buruh asing. Ia memberi peluang kepada rakyat tempatan mengisi ruang-ruang dua juta yang ditinggalkan dan kita akan mengelakkan pembaziran kerana harga kita harga pasaran. Jadi, kita tidak perlu risau tentang penyeludupan. Kalau ada yang masuk menyeludup pun dia tahu, dia jual memang harga pasaran. Masalahnya pada hari ini terlalu banyak subsidi maka berlaku penyeludupan. Kalau ada penyeludupan maka kita kena sediakan pula penguatkuasaan. Sudahlah yang patut terima tidak terima tetapi terpaksa pula berbelanja untuk menguatkuasakan agar barang-barang yang kita subsidi kononnya untuk rakyat dibawa keluar sebab harga kita terlalu murah selepas diadakan subsidi.

Kemudiannya pula dari segi kos pentadbiran. Oleh sebab itu saya pernah mencadangkan kos pentadbiran ini seperti di Kementerian Kesihatan hanya 2% sahaja hasil kutipan fi yang dikenakan kepada pesakit dapat dikutip semula. Bagi saya 2% daripada jumlah yang dilaburkan ini kerajaan boleh tanggung sebab kalau tidak ada fi ini, kalau orang yang datang tidak bayar RM1 atau RM5 hendak jumpa pakar, bukannya kita halau balik pun, kita terima juga, tetapi pengendalian untuk pembayaran ini boleh kita alihkan dan itu akan menjimatkan kos pentadbiran.

Begitu juga dari segi pengangguran dan dari segi kadar jenayah. Saya bersetuju, Yang Berhormat Menteri selalu menjawab bahawa kadar jenayah buruh asing ini sangat rendah iaitu 1% - *remote cases*. Namun kadang-kadang apabila dia berada di kampung-kampung kita ia mempengaruhi pemikiran orang tempatan kerana mereka masih tidak lagi tidak tahu nilai dan cara kehidupan rakyat Malaysia. Oleh itu percayalah, kalau kita hanya boleh benarkan sektor-sektor tertentu, buruh murah ini tidak ada dan RM1,500 gaji minimum, insya-Allah kadar jenayah yang disumbangkan oleh buruh asing ini akan dapat kita tangani.

Akhirnya sekali Tuan Yang di-Pertua, dalam usul yang dibawa oleh kerajaan, kerajaan menyebut di akhir selepas kita menyedari beberapa perkara, tumpuan kumpulan sasar mempertingkatkan ekonomi membangun dan merangsang terus pembangunan negara di akhirnya itu ada satu ajakan daripada kerajaan untuk masalah yang dihadapi oleh dunia hari ini dipikul bukan sahaja oleh kerajaan tetapi oleh syarikat-syarikat besar, orang yang kaya, pemimpin masyarakat, Ahli Parlimen dan rakyat teramai supaya kita beralih cara kehidupan yang selama ini terlalu mewah kerana kita tidak perasan pemberian yang terlalu besar oleh kerajaan supaya kita dapat mewujudkan satu daya tahan sebenar negara. Bagi saya ujian yang ada ini cukup kecil jika dibandingkan dengan ujian yang terpaksa ditanggung oleh pemimpin, rakyat sebelum ini dan insya-Allah itu nanti menjadikan negara

kita terus aman, membangun dan kesejahteraan di kalangan rakyat terus terpelihara.

Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat dari Bagan.

**12.24 tgh**.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam usul yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya mengambil bahagian dan menyatakan dengan jelas bahawa kami membantah usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri. *[Tepuk]*

Kami menentang usul ini atas sebab-sebab berikut. Pertama, sungguhpun kami boleh bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa memang kerajaan prihatin dan menyedari tentang kenaikan mendadak harga minyak dan juga fenomena kenaikan harga ini tetapi kami rasa bahawa kerajaan memang tidak memahami dan tidak sedar tentang impak dan masalah yang dihadapi oleh rakyat ekoran kenaikan harga minyak yang diumumkan sebelum ini.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga minyak sebanyak 40% - 63% merupakan satu rekod kenaikan yang tidak pernah dilihat sebelum ini. Kalau kita hendak bangga bahawa Malaysia sudah masuk dalam *Guiness Book of World Records* kerana kenaikan harga yang paling tinggi di antara semua negara di dunia.

Saya tahu bahawa Yang Berhormat Menteri tersenyum kerana beliau memang tahu bahawa kenaikan minyak adalah paling tinggi kalau dibandingkan dengan negara lain. Mana ada negara-negara Barat atau negara lain yang mempunyai ekonomi yang membangun, ekonomi yang maju menaikkan harga minyak sebanyak 63%! Cuma Malaysia sahaja yang boleh mencapai dan mencipta rekod sedemikian. Janganlah sebut tentang negara-negara seperti Myanmar, *please*! Jangan sebut negara Myanmar, kita tidak mahu bandingkan dengan Myanmar. Jumlah 63% ini telah mencerminkan bahawa kerajaan tidak mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat dan kita boleh melihat kesan yang dihadapi oleh rakyat ekoran kenaikan mendadak sebanyak 63% ini.

Pertama ialah kenaikan harga barangan. Secara langsung ekoran daripada kenaikan harga minyak ialah kenaikan harga barangan. Berikutannya juga ialah kenaikan harga petrol. Bila kita bercakap tentang tangki penuh, sebelum ini mungkin bagi kereta-kereta jenis Kancil untuk tangki penuh adalah sebanyak RM30 ataupun lebih tetapi sekarang ini sehingga RM70 hingga RM75. Oleh kerana kenaikan mendadak seperti ini terpaksa membelanjakan wang yang lebih iaitu sebanyak RM30 lagi bagi setiap kali untuk memenuhkan tangki.

Kalau kita lihat dari segi perbelanjaan petrol untuk setiap bulan, kita boleh lihat bahawa tambahan perbelanjaannya ialah sekurang-kurangnya RM200 sebulan. Ini bukanlah satu jumlah yang kecil. Kalau kita melihat tentang masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga ia adalah lebih tinggi daripada itu. Apakah reaksi daripada pihak kerajaan? Kalau sekadar memberikan rebat sebanyak RM625 setahun, saya rasa ia memang tidak mencukupi. Macam mana rebat sebanyak RM625 setahun boleh membantu bagi golongan yang makan gaji dan juga peniaga-peniaga kecil.

Oleh sebab itulah saya sebutkan tadi bahawa memang kerajaan nampaknya tidak dapat memahaminya tentang apa yang telah berlaku selama ini. Oleh kerana tidak dapat memahami macam mana boleh kami menyokong langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan beban ke atas rakyat yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak, makanan dan komoditi agar kesejahteraan hidup rakyat terus dijaga. Bagaimana kesejahteraan rakyat boleh terus terjaga bila harga minyak sudah naik begitu tinggi ini?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Batu Pahat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Biar saya habiskan dulu, nanti saya tidak dapat habiskan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Apabila saya habiskan ucapan, saya akan bagi. Di sini kita hendak lihat, adakah beban kewangan ini dapat dikongsi bersama? Kita hendak bertanya, pertamanya, Yang Berhormat Menteri telah menyebut tentang gas subsidi yang diberikan. Betul, ia perlu dibuat penstrukturan semula, tetapi mengapakah penstrukturan semula tidak merangkumi *Independent Power Producer* (IPP), dengan izin atau Penjana Kuasa Bebas?

Janganlah sekadar senyum sahaja, kita hendak lihat tindakan. Kita lihat Yang Berhormat Menteri senyum, tetapi yang senyum lebih lebar ialah IPP kerana mereka tidak kena langsung! *[Tepuk]* Sekarang ini semua rakyat jelata bermuka masam dan muram tetapi yang tersenyum lebar bukan sahaja Petronas tetapi juga IPP. Di sini kita tidak faham, seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan yang diberikan oleh Petronas bahawa subsidi gas yang diberikan oleh Petronas sehingga sekarang ialah melebihi RM60 bilion di mana sebahagian besar diberikan kepada IPP.

Bagi tahun lepas, kalau mengikut angka yang diberikan oleh Petronas, IPP mendapat RM6.5 bilion bagi subsidi gas, tenaga hanya RM5 bilion sahaja daripada keseluruhan RM15.3 bilion subsidi gas yang diberikan oleh Petronas kepada semua sektor.

■ **1230**

Kita hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kerana itu isu penting. Kalau seperti yang disebutkan tadi oleh penyokong bahawa beban itu mesti sama-sama dijinjing, yang kita lihat yang di...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang dijinjing.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang dijinjing ini hanya rakyat jelata, tetapi yang kena cantas ialah rakyat jelata. Yang terlepas ialah IPP. *So* kita hendak tanya mengapa subsidi masih terus diberikan kepada IPP. Mengapa IPP tidak dapat dikurangkan dan di sini kalau kita lihat dari aspek bekalan gas, bekalan gas pun kebanyakan diberikan khas kepada IPP dan Tenaga. Mengikut anggaran yang diberikan sebelum ini bahawa daripada bekalan gas yang diberikan oleh Petronas, 65% telah diberikan kepada Petronas dan juga IPP. 15% diberikan kepada syarikat-syarikat usaha sama bersama dengan Petronas. Hanya 12% diberikan untuk pengguna-pengguna lain termasuk kerajaan-kerajaan negeri, sedangkan 8% dieksport keluar ke negara Singapura.

Saya hendak tanya, bolehkah bekalan gas yang sekarang diminta oleh banyak kerajaan negeri, bolehkah bekalan gas kepada IPP dikurangkan supaya bekalan ditambah untuk kerajaan-kerajaan negeri dan dengan secara langsung dapat mengurangkan juga subsidi gas yang diberikan kepada IPP.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak faham mengapa daripada RM60 bilion lebih ini di mana kita tidak tahu berapa banyak daripada keseluruhan jumlah ini. Hanya angka yang saya boleh dapat ialah angka tahun lepas tetapi lebih daripada RM60 bilion subsidi gas yang telah diberikan selama ini. Mengapa ia digunakan untuk menyokong keuntungan-keuntungan IPP di Bursa Malaysia yang telah mencatat keuntungan berbilion-bilion ringgit.

Saya rasa kalau kerajaan benar-benar ikhlas dan benar-benar jujur ingin meringankan beban dan sama-sama menjinjing beban ini, saya harap bahawa gas subsidi yang diberikan oleh IPP ini bolehlah dikurangkan. Kalau tidak dihapuskan, sekurang-kurangnya diringankan. Kalau ini tidak dilakukan, saya rasa semua yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri hanyalah menanam tebu di bibir sahaja. *[Ketawa][Tepuk]*

Di samping itu, saya juga ingin bertanyakan mengapakah sehingga sekarang, kalau kita lihat sumbangan Petronas, betul bahawa Petronas telah mencapai keuntungan

sebanyak RM570 bilion sejak ia ditubuhkan. Daripada jumlah ini, lebih daripada 68% telah disalurkan kepada Kerajaan Pusat, tetapi sungguhpun begitu rakyat tidak dapat menikmati manfaat dan faedah daripada keuntungan dan pendapatan yang diperolehi oleh Petronas.

Kita hendak tanya jika sekiranya kerajaan betul-betul hendak pastikan bahawa hasil minyak dapat dikongsi bersama oleh rakyat, mengapakah kerajaan tidak boleh meminta atau menyalurkan pendapatan yang diperolehi oleh Petronas ini kepada rakyat jelata. Mengapakah kerajaan tidak boleh, seperti yang kita cadangkan berkali-kali sebelum ini – berikan kepada rakyat Malaysia, setiap keluarga RM6,000 setahun atau RM500 sebulan. Ini bukan satu permintaan yang melampau kerana kalau kita lihat dari segi anggaran perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Petronas atau kerajaan ialah kira-kira RM30 bilion sahaja iaitu kurang daripada RM43.4 bilion daripada subsidi keseluruhan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan tahun ini.

Sekiranya wang ini boleh disalurkan, kalau kerajaan cakap bahawa kita tidak ada pilihan kerana kenaikan harga minyak di pihak antarabangsa, kita terpaksa naikkan harga minyak, baik. Jadi mengapa dalam keadaan sedemikian bila terdesak untuk menaikkan harga minyak, mengapa 27 juta rakyat Malaysia susah tetapi satu syarikat di Malaysia boleh senang dan boleh dengan, izin, *laughing all the way to the bank.* Adakah ini adil? Adakah ini saksama? Adakah ini munasabah?

Oleh itu saya sekali lagi meminta pihak Kerajaan Pusat salurkan keuntungan yang diperolehi oleh Petronas kepada setiap keluarga yang susah di mana kalau pendapatan mereka kurang daripada RM6,000 sebulan, berikanlah mereka RM6,000 setahun. *[Tepuk]* Kalau ini dilakukan, saya percaya tsunami politik pada 8 Mac tidak akan berlaku.

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** Minta laluan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekejap lagi.

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** Laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekejap lagi. Ini ada satu kesan sampingan yang sangat penting. Dengan izin, kalau *if the work has a fiscal stimulus effect*...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...kalau wang ini dapat disalurkan kepada rakyat jelata dengan lebih...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...RM30 bilion yang dapat dibelanjakan oleh rakyat dan mereka tidak akan bawa ke negara lain.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tidak akan bawa ke negeri lain untuk pergi *holiday overseas* dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Pasir Salak bangun.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Mereka tetap akan belanjakan di pasaran tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Pasir Salak bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini merupakan satu *fiscal stimulus effect* yang dapat menggerakkan ekonomi negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Pasir Salak bangun, Yang Berhormat Bagan. Pasir Salak.

**Seorang Ahli:** Bagilah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ucap tahniah kerana anak telah kahwin. *[Ketawa]* Itu sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Soalan, soalan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Batu Pahat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 14(1). Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, hendak minta *ruling*. Oleh kerana perbahasan ini sampai 4.30, kemudian kita tangguh untuk makan dan mula 2.30, saya tidak nampak ramai boleh berucap kalau Tuan Yang di-Pertua tidak buat *ruling* berapa lama seorang boleh berucap. Saya hendak minta keadilan sebab selepas ini ada celah-mencelah. Jadi saya minta *ruling* daripada sekarang supaya setiap Ahli Dewan dilayan dengan sama, dengan masa yang sama. Kalau 10 minit, 10 minit. Kalau setengah jam, setengah jam. Saya minta *ruling* daripada sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat. Terima kasih. Ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya sudah cam daripada awal lagi, Yang Berhormat. Itu saya larang semasa menyokong tadi, tidak payah mencelah. Sekarang masa perbahasan pun, orang tidak bagi pencelahan juga. Jadi Yang Berhormat, saya oleh kerana ada permohonan untuk menetapkan masa, saya tetapkan tiap-tiap seorang berbahas 15 minit. Sila Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya sudah baca hasrat Tuan Yang di-Pertua untuk tidak bagi jalan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ucapan saya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Ketua Menteri Pulau Pinang, boleh bagi laluan?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya hendak habiskan ucapan saya. Di sini kita lihat secara langsung...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada kelaslah. Tidak ada standard.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...keazaman dan usaha kerajaan untuk terus mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi kerana kalau kita lihat dari aspek inflasi yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, kerajaan selalu menitikberatkan bahawa kadar inflasi pada tahun lalu hanya 2% sahaja, namun kami memahami kekecewaan rakyat jelata kerana angka 2% atau 2.9% untuk lima bulan ini tidak mencerminkan keadaan sebenar.

Kadar tol melonjak sebanyak 60% pada tahun lalu dan juga sebanyak 50% tahun ini. Harga petrol dan barangan berkaitan pun telah naik lebih daripada 20% sebelum mengambil kira peningkatan 40% pada 4 Jun tahun ini. Mengikut siasatan media, harga makanan dan barangan kegunaan biasa telah pun meningkat kira-kira 20% dan kalau kita lihat di beberapa tempat, ia mungkin naik melambung dengan lebih tinggi lagi.

Lebih penting lagi dalam peningkatan harga barangan mengikut kadar inflasi 2% yang sering dibangkitkan oleh kerajaan, saya rasa tidak seimbang dengan kenaikan harga-harga projek. Seperti yang saya telah sebutkan tadi, bahawa kalau harga barangan hanya naik 2%, kita lihat harga bahan binaan yang lain naik lebih menakutkan lagi.

**■1240**

Kalau kerajaan begitu simpati dengan pihak-pihak tertentu dengan membolehkan mereka menaikkan kontrak atau nilai kontrak mereka sampai 60%, mengapakah kerajaan

tidak simpati dengan masalah rakyat. Dengan tidak sekurang-kurangnya meningkatkan atau menaikkan gaji mereka. Yang kita lihat hanya harga barangan dibenarkan naik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Hanya harga kontrak-kontrak tertentu dibenarkan naik dengan begitu tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh sikit?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Akan tetapi dari segi pendapatan yang diperoleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh? Satu saja. Okey, terima kasih Yang Berhormat Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia minat dengan Sri Gading saja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Seorang Ketua Menteri yang baiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya tertarik dengan cadangan yang begitu "muluk" kata orang Indonesia. Yang begitu cantik. Molek sangat. RM6,000 dibagi kepada setiap rakyat negara ini. Yalah, setiap keluarga. Maknanya jumlahnya berbilion-bilion. Saya difahamkan oleh Menteri Kewangan semalam bahawa pendapatan kita seluruhnya mengikut catatan saya RM168 bilion.

Daripada RM168 bilion inilah, pembangunan sebanyak RM40 bilion, pengurusan; RM48 bilion, pendidikan; RM35 bilion dan kesihatan; RM11 bilion. Setelah tolak ini, baki RM7 bilion ini akan diagih-agihkan kepada 29 kementerian.

Apakah masuk akal kalau kita nak bagi kepada tiap-tiap keluarga RM6 bilion. Ini memang menarik rakyat. Rakyat memang akan bertepuk tampar, memang suka. Memang baik DAP, memang indah DAP, memang cantik DAP tetapi benarkah benda ini boleh dilaksanakan. Marilah kita Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Bagan hendaklah menghadapi situasi yang begitu getir, yang bukan saja dihadapi oleh negara ini bahkan seluruh dunia, marilah kita bersifat realistik sikit supaya tidak mengelirukan rakyat. Tidak perlu kita mengelirukan rakyat waktu genting sebegitu ini. *[Tepuk]* Kerajaan dan kita semua termasuk pemimpin-pemimpin parti politik pembangkang, kita bertanggungjawab bagi menghadapi suasana yang sebegini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Sri Gading keliru ini.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat dari Sri Gading tidak sedar keuntungan yang diperoleh oleh Petronas setiap tahun. Petronas memperoleh RM80 bilion setiap tahun. Macam mana wang ini digunakan itu menjadi satu persoalan penting. Saya rasa lebih baik wang ini disalurkan terus kepada rakyat jelata untuk membelanjakannya demi menyara hidup ahli keluarga. Lebih baik daripada ia disia-siakan untuk gejala rasuah dan juga aktiviti-aktiviti yang tidak berkepentingan rakyat. *[Tepuk]*

Petronas kita nak tanya. Adakah Petronas menghormati atau akur kepada prinsip akauntabiliti dan ketulusan dalam penyata kewangannya. Ia tidak sebut langsung macam mana wang digunakan. Ia tidak sebut langsung apabila dia menganjurkan dia punya *banquet* atau dia punya aktiviti. Dia buat semua dalam hotel-hotel terkemuka. Dia tidak sebut mengapa dia ada *private jet*. Mengapa tidak boleh duduk MAS. *First class.* Tambang *first class.* Tidak payah ikut sama kita duduk AirAsialah. Tidak payah ikut sama

kita duduk ekonomi. Tambang ekonomi. Saya percaya menteri-menteri pun belum duduk tambang ekonomi. *[Dewan riuh]*

Saya tidak minta. Ini terpulang kepada menteri-menteri. Kalau boleh duduk sama dengan saya, tambang ekonomi, saya rasa saya akan mengalu-alukan kamu semua. Akan tetapi kita hanya minta Petronas kalau boleh janganlah bazirkan wang rakyat. Petronas kalau boleh sokonglah syarikat penerbangan kita sendiri. Sokonglah MAS. Kalau tidak mahu duduk tambang ekonomi, duduklah tambang kelas pertama pun tidak apa.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di sini seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini, *Malaysian Philharmonic Orchestra.*

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Lebih baik kita gugurkan nama *Malaysian.* Tambah balik *Petronas Philharmonic Orchestra* kerana tidak ada sifat keMalaysiaan dalam MPOB ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan pergi Hong Kong naik apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sungguhpun lebih RM500 juta telah dibelanjakan sehingga sekarang, tapi kita tidak lihat satu pun penjelasan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Duduk, duduk.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Macam mana Petronas menggunakan wang rakyat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada kelas.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Menggunakan hasil minyak tanpa kepentingan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bila kita cadangkan untuk bagikan wang Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita hanya cadangkan bahawa rakyat boleh mendapat faedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Panjang lagi ucapan Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tidak, tidak panjang. Ini kerana hasil minyak ialah milikan rakyat. Yang Berhormat Sri Gading, saya faham kerana dia telah di *brainwash* oleh dia punya pemimpin-pemimpin.

**Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad [Mukah]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Macam rakyat sebelum ini dia *brainwash* tetapi lepas mereka sedar, mereka tahu tidak boleh pakai lagi. Itu sebab tsunami politik berlaku. Itu sebab saya jadi Ketua Menteri. *[Tepuk]*

**Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad [Mukah]:** Sombongnya.

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** Jangan sombonglah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah hakikatnya Tuan Yang di-Pertua. Itulah hakikatnya kerana kalau kita lihat macam mana hasil minyak digunakan, memang kita mampu. Seperti yang saya sebut tadi. Kalau Petronas boleh untung RM80 bilion, mengapa tidak boleh bagi tidak sampai separuh pun. RM30 lebih bilion. RM35 bilion pun tidak sampai separuh.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tadi sudah jawab. RM57 bilion bagi kepada kerajaan. Tidak faham lagikah. Bagilah laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad [Mukah]:** Cukup masa.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban yang dihadapi oleh rakyat. Itulah saya nak minta bahawa kalau kita lihat dari aspek inflasi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ketua Menteri macam inikah? Apa ini Ketua Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita cakap dengan penuh perasaan kerana kita tahu masalah rakyat yang dihadapi sekarang ialah bukan yang dicerminkan di sini. Hanya perkataan saja. Tidak. Itu adalah satu realiti. Mereka betul-betul susah. Kalau saya tidak suarakan, saya tidak menunaikan tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat Bagan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya harap perkara ini harus dijadikan satu perkara lumrah kerana memberikan wang kepada rakyat bila rakyat susah bukanlah sesuatu yang ganjil. Ia pernah dilakukan di Thailand. Ia juga pernah dilakukan di Singapura. Yang Berhormat tidak tahu.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bos sedia di Singapura. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di Singapura pun, Kerajaan Singapura telah bagi 2,500 Dolar Singapura kepada keluarga miskin. Di Thailand pun serupa. Apakah ganjil, luar biasa kalau Kerajaan Malaysia bila mampu, kalau tidak mampu tidak payah cakap. Akan tetapi bila mampu, tunjuklah sikap penyayang dan prihatin kepada rakyat.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Minta laluan. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Saya tidak pernah tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini yang terakhir kerana ini kawan baik saya. Ini yang terakhir ya.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Saya nak tanya. Kerajaan Pulau Pinang bercadang untuk memberi geran tetap kepada semua tanah-tanah di Pulau Pinang yang masih mempunyai geran pajakan. Dengan pendapatan yang lebih ini, adakah Kerajaan Pulau Pinang akan memberi wang ini kepada rakyat daripada masuk kepada tabung kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini Kerajaan Pulau Pinang pun belum dapat wang tapi telah umumkan kita cuba bantu keluarga miskin dengan memberikan mereka wang ihsan sebanyak RM100. *[Dewan riuh]*

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Selangor tidak bayar tunai pun. *[Dewan riuh]*

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** BN dah bagi. BN dah bagi lama dah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Akan tetapi yang penting... ini kerana mengapa keadaan kewangan di negeri Pulau Pinang kurang elok saya ingat tanyalah diri sendiri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tanyalah rakan-rakan dulu. Semua wang semua sudah terbang.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu yang jadi masalah Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Jangan janji.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah sebabnya kalau kita nak bersihkan kita menghadapi masalah. Saya ingat saya minta maaf. Saya sudah bagi dan saya nak habiskan ucapan saya supaya semua ahli-ahli wakil rakyat yang lain dapat peluang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sikit saja.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sudah banyak kali bagi peluanglah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Baru sekali tadi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Okey, satu saja. Pendek ya isinya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan Padang Serai.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Masa dah habis.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan, saya ucap terima kasihlah. Saya mendengar satu hujah yang cukup baik sekali pada pagi ini. *[Tepuk]* Inilah, inilah yang kita nanti-nanti.

**■ 1250**

Pendapatan Petronas RM80 bilion dan kos-kos pengeluaran minyak, saya percaya minyak ada satu *end cost* dan saya juga dengar khabar *end cost* minyak itu 50 sen ke bawah sahaja. Petronas Malaysia boleh untung daripada eksport. Jadi *end cost* minyak itu kurang dari 50 sen, apa salah kerajaan memberi balik kepada rakyat yang menggunakan minyak itu. Jadi saya sokong penuhlah cadangan Yang Berhormat Bagan RM6,000 setahun itu. Saya sokong penuh.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai. Itulah sebab beliau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...dipilih menjadi wakil...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Gulung Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di sini, gulung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya gulung. Sudah panjang Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Masa ada 10 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak ada.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Dekat sejam sudah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya sudah *set timing* Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, ya. Sebagai satu rumusan kita harus memulihkan keyakinan dan kepercayaan rakyat kepada sistem urus tadbir kerajaan sebagai pembela rakyat. Sekiranya kerajaan yang berjiwa rakyat tidak boleh membantu atau memberikan bantuan bila mereka perlukan itu bukanlah sebuah kerajaan yang baik.

Di sini saya ingin meminta Kerajaan Barisan Nasional sungguhpun parti lawan, saya pun harapkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang sekarang menjadi Kerajaan Pusat boleh menjadi sebuah kerajaan baik. Ianya hanya boleh menjadi sebuah kerajaan baik dengan memberikan wang yang diperolehi oleh Petronas. Berikanlah bersama-sama kepada rakyat. Itu akan menunjukkan satu petanda bahawa iktibar 8 Mac telah diambil kira oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Di samping itu kalau ini boleh dilakukan saya rasa ia akan memberikan satu harapan yang baru kepada rakyat. Harapan yang baru bahawa kita dapat berkongsi bersama-sama tentang masalah yang dihadapi oleh kita. Apabila keadaan baik kita menikmatinya bersama tapi apabila kita menghadapi kesusahan marilah kita menanggungnya bersama-sama. Itu akan memberikan satu nafas dan harapan baru kepada rakyat Malaysia khususnya golongan muda dan akhirnya ialah perlunya kita mewujudkan sebuah masyarakat penyayang.

Saya telah sebut tadi dan saya ingin ulanginya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Bahawa dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, dalam keadaan inflasi yang naik melambung tinggi rakyat sekarang benar-benar susah. Benar-benar susah. Tunjukkanlah sedikit keprihatinan kerajaan dengan memberikan bantuan seperti yang kita cadangkan. Ini bukan susah kerana ini bukan wang pemimpin-pemimpin. Ini ialah wang rakyat. Petronas bukanlah milikan satu buah syarikat, bukanlah milikan Pengerusi Tan Sri Hassan Merican ini milikan 27 juta rakyat Malaysia. *[Tepuk]*

Itulah permintaan 27 juta rakyat Malaysia. Berikanlah hak bahagian yang saksama pulangkannya kepada kita memenuhi bahawa ini adalah sebagai *stakeholders* di anak bumi kita. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Marang.

**12.53 tgh.**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan kekesalan kerana usul ini terlalu lewat dikemukakan di Dewan Rakyat ini setelah kerajaan terlebih dahulu mengisytiharkan kenaikan harga bahan bakar yang mempengaruhi kenaikan harga barang-barang yang mengekang kehidupan rakyat. Apabila usul ini dikemukakan terlalu lewat setelah kerajaan bertindak maka sewaktu Ahli Parlimen mahu dijadikan *rubber stamp* untuk mengiakan apa sahaja yang diputuskan oleh kerajaan.

Sebarang kesan daripada kenaikan harga minyak, inflasi yang membebankan rakyat bukan sahaja dipikul oleh kerajaan, dipikul oleh penyokong-penyokong kerajaan ia akan dipikul sama oleh seluruh rakyat dan rakyat semuanya menderita. Tidak ada guna media digunakan untuk mencari rakyat-rakyat yang jahil tentang ekonomi untuk menyokong tindakan kenaikan harga minyak. Semua pihak menyedari betapa kenaikan harga minyak mempengaruhi keperluan rakyat. Ini kerana semua kos yang melibatkan keperluan rakyat; pertanian, pembinaan dan lain-lain menggunakan bahan bakar. Sudah tentu akan membawa satu kesan yang sangat dahsyat yang bukan sahaja boleh mengancam

kehidupan, bahkan boleh menyebabkan menularnya jenayah dan mengancam keselamatan negara itu sendiri.

Harga minyak mentah di pasaran dunia telah meningkat sebanyak 400% di dalam masa 36 bulan yang terakhir. Kerajaan telah menaikkan harga petrol dan diesel untuk pasaran runcit Malaysia bagi menangani kenaikan pasaran minyak mentah dunia. Sudah tentu kenaikan ini mengakibatkan kadar inflasi Malaysia akan meningkat begitu tinggi berdasarkan pengamatan ahli ekonomi dan seluruh perasaan rakyat, kos sara hidup penduduk meningkat. Kesan langsung ialah penurunan kualiti hidup dan berkurangnya kuasa beli rakyat sedangkan harga barangan keperluan serta perkhidmatan telah dan akan terus meningkat bagi menampung kenaikan bahan bakar ini.

Sepatutnya dengan kenaikan harga minyak antarabangsa syarikat minyak yang dimiliki oleh kerajaan Petronas mendapat keuntungan yang besar. Malaysia sebagai negara *nett exporter* minyak mentah menerima habuan besar daripada kenaikan harga minyak dunia.

Data yang dikeluarkan oleh kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia dan Perbendaharaan Negara serta data-data dari Petronas sendiri menunjukkan semenjak dunia dilanda krisis harga minyak mentah yang melambung Malaysia menikmati pulangan yang semakin tinggi.

Negara kita mengeluarkan 650,000 hingga 700,000 tong minyak mentah sehari bergantung kepada keluaran semasa. Malaysia menggunakan lebih kurang 400,000 tong minyak mentah sehari. Ini bermakna negara kita mengeksport bersih lebih kurang 250,000 tong sehari.

Minyak mentah keluaran Malaysia diklasifikasikan sebagai tapis *black oil*. Minyak mentah yang berkualiti tinggi tetapi sebenarnya tidak digunakan di pasaran tempatan sebaliknya dieksport untuk pasaran luar negara pada harga yang mencecah 30% lebih tinggi dari harga minyak mentah yang digunakan di dalam negara.

Sebelum tahun 2004 minyak mentah Malaysia dijual pada kadar 30 dolar satu tong. Hari ini harga pasaran bagi minyak mentah global berkisar di pasaran lebih 130 dolar satu tong. Ini bererti pendapatan negara menerusi segala bentuk cukai juga meningkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sudah habiskah belum? Ada lagi?

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Belum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sambung selepas ini Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat pada sesi pagi kita tangguhkan dahulu dan kita akan mula semula pada 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membuat usul.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan usul oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Selasa, 24 Jun 2008."

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

*[Perbahasan disambung semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Marang untuk meneruskan perbahasan, lapan minit Yang Berhormat.

**2.33 ptg.**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Soalannya siapakah yang untung dengan kenaikan harga minyak global? Jawapannya tentu sekali negara-negara pengeluar minyak termasuklah Malaysia.

Malaysia sebagai negara *nett exporter* minyak mentah menerima habuan besar daripada kenaikan harga minyak dunia. Data-data yang dikeluarkan oleh kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia dan Perbendaharaan serta data-data dari Petronas sendiri menunjukkan semenjak dunia dilanda krisis harga minyak mentah yang melambung, Malaysia menikmati pulangan yang semakin tinggi. Negara kita mengeluarkan 650 hingga 700 ribu tong minyak mentah sehari bergantung kepada keluaran semasa. Negara kita menggunakan lebih kurang 400 ribu tong minyak mentah sehari. Ini bermakna negara kita mengeksport bersih lebih kurang 250 tong sehari. Walau bagaimanapun, minyak mentah keluaran Malaysia diklasifikasikan sebagai tapis *blend,* minyak yang bermutu tinggi. Minyak yang begini rupanya tidak digunakan di pasaran tempatan, sebaliknya dieksport untuk pasaran luar negara pada harga yang mencecah 30% lebih tinggi dari harga minyak mentah yang digunakan di dalam negara. Sebelum 2004, minyak mentah Malaysia dijual pada kadar USD30 satu tong.

Hari ini harga pasaran bagi minyak mentah global berkisar diparas lebih USD131 tong. Ini bererti pendapatan negara menerusi segala bentuk cukai juga meningkat. Harga minyak di negara kita dikendalikan oleh Petronas dan beberapa syarikat pengeluar minyak antarabangsa. Syarikat-syarikat pengeluar ini mendapat keuntungan amat besar dalam harga pasaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan, apabila negara mengeluarkan 650 hingga 700 ribu tong minyak mentah sehari, kegunaan dalam negara pula hanyalah 400 ribu tong sehari, negara mengalami lebihan 250 ke 30 ribu tong sehari untuk dieksport ke

luar negara. Memandangkan kegunaan minyak mentah dalam negara tidak memerlukan minyak mentah berkualiti tinggi, maka 450 ribu tong minyak mentah yang dikhaskan untuk kegunaan dalam negara ditukar pasaran dengan 400 ribu tong minyak berkualiti rendah.

Pertukaran ini juga menguntungkan negara kerana minyak mentah negara dari kelas tapis *blend* yang harga lebih tinggi dari minyak mentah yang diperlukan oleh negara. Ini bermakna negara sama ada mendapat lebih banyak atau mendapat pulangan kewangan bersama minyak yang dikeluarkan.

Dan dimaklumkan bahawa negara kita mengeksport minyak secara kontrak. Bermakna dengan secara kontrak itu sudah tentu apabila dia telah dimeterai dalam masa tempoh sebelum kenaikan harga minyak, maka dia tidak memberi kesan daripada kenaikan minyak yang berlaku terkini.

Kebelakangan ini rakyat diberitahu bahawa sumber Petroleum Malaysia akan berakhir dan negara akan menjadi pengimport bersih bahan bakar ini. Ini dijadikan alasan oleh kerajaan untuk menaikkan harga minyak dan seterusnya menarik subsidi bahan bakar bagi menyediakan rakyat dengan harga semasa apabila negara mula mengimport minyak untuk kegunaan tempatan.

Walau bagaimanapun, dalam laporan Petronas 2006 ada mencatatkan bahawa sumber minyak mentah Malaysia cukup sehingga tahun 2024. Pemangku Pengerusi Petronas, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Dato Sri Mohd. Hassan Marican pula, menjelaskan kepada media bahawa pada tahun 2011, Malaysia akan menjadi *nett importer* Petroleum kerana permintaan dalam negara akan melebihi keluaran minyak mentah negara. Ini bererti permintaan dalam negara akan melebihi 700 ribu tong sehari. Akan tetapi pada tahun 2011 dan seterusnya, negara akan masih mampu mengeluarkan 700 ribu tong minyak mentah sehari dan itu tidak dinafikan oleh beliau.

Berdasarkan laporan Petronas 1980, melaporkan bahawa simpanan minyak mentah Malaysia semakin bertambah dan bukannya berkurangan. Dalam tahun 1980 dilaporkan bahawa simpanan minyak mentah Malaysia adalah sebanyak 3 bilion tong, namun semenjak itu kita telah mengeluarkan lebih 4 bilion tong dan hari ini kita masih mengeluarkan sebanyak 650 hingga 700 ribu tong setiap hari selama 365 hari, dan pada kadar ini boleh bertahan selama 20 tahun lagi. Adalah menjadi kewajipan kepada kerajaan menunjukkan contoh pengorbanan kepada rakyat bukan memaksa rakyat untuk berkorban terlebih dahulu.

**■1440**

Apa lagi sumber petroleum adalah satu amanah juga disebut perbahasan ini ataupun usul ini dikemukakan untuk menonjolkan kerajaan beramanah, dalam masa yang sama kerajaan hendaklah sedar bahawa sumber alam semula jadi seperti petroleum itu adalah amanah.

Hendaklah dikendalikan untuk kepentingan umum lebih daripada kepentingan kerajaan, sebagaimana bagi orang Islam disebut oleh Allah di dalam Al-Quranul Karim dalam Suratul Haj... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud: “Apa-apa hasil negara yang dihasilkan di dalam sesebuah negeri, maka hasil itu bagi Allah dan Rasul yakni bagi kepentingan umum. Bagi mereka yang memerlukan pertolongan di kalangan keluarga orang-orang miskin, anak yatim dan orang musafir yang memerlukan bantuan supaya harta negara tidak berpusing di kalangan orang-orang yang tertentu sahaja.”

Apa yang membimbangkan kita, hasil kurniaan Tuhan ini berpusing di kalangan orang-orang yang tertentu sahaja. Kita merasa bimbang tidak berlakunya *check and balance,* dengan cara yang adil daripada Petronas. Ini satu hal yang membimbangkan kita, apa yang penting bagi kerajaan dalam mengendalikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Gulung, ya. Saya mengharapkan di sana sudah ada penyelewengan yang berlaku pada masa-masa lalu, sebagai contoh hasil kekayaan tidak menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat, tetapi

dimonopoli oleh kalangan-kalangan yang tertentu, oleh kroni-kroni pelbagai projek dan malang bagi kita melihat negeri yang paling miskin adalah negeri yang menghasilkan minyak seperti Sabah, Sarawak dan Terengganu.

Kadar kemiskinan di negeri ini lebih rendah daripada negeri lain. Di sana menunjukkan sudah tidak ada amanah dan tidak adil dalam mengendalikan urusan kekayaan ini. Saya bimbang hal-hal yang seperti ini akan berterusan dan akan berulang dan oleh kerana itu kerajaan hendaklah mengambil satu tanggungjawab yang besar dan kerajaan mesti bersedia untuk berkorban, kerajaan sendiri berkorban dengan mengendalikan rizab minyak yang ada untuk sumber alternatif yang lebih baik.

Kita jangan mengharapkan sumber minyak selama-lama, tetapi sumber lain hendaklah dikendalikan bukan dengan cara bakhil, tidak berani mengeluarkan sumber itu, sumber itu dikeluarkan dan dikendalikan untuk sumber alternatif yang lain dengan tidak membebankan rakyat dan tidak menyakitkan rakyat. Saya bimbang hal-hal yang seperti ini bukan sahaja menekan masalah kehidupan, akan membawa kepada tumbuhnya gejala sosial, rompak, menyamun, menipu dan berbagai-bagai hal boleh berlaku.

Oleh kerana itu, saya bimbang apa lagi undang-undang yang ada ini sudah rapuh dan dasar ekonomi kerajaan dalam mengendalikan kenaikan minyak antarabangsa juga rapuh, dan ini boleh menenggelamkan kita semua bukan sahaja pihak kerajaan, termasuk pihak pembangkang. Pihak pembangkang dan pihak kerajaan.

Oleh itu kita tidak boleh bermain-main dalam isu ini. Kerajaan mesti serius dan mesti ikhlas, dan saya meragui keikhlasan kerajaan dalam mengemukakan usul ini kerana terlalu lewat, terlalu lambat setelah timbulnya tekanan daripada rakyat. Ini menunjukkan kerajaan tidak bijak dalam mengendalikan suasana ekonomi yang menekan kehidupan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini kerana terdapat tiga perkara yang penting di dalam usul tersebut, iaitu usul untuk:

(i) menstrukturkan semula subsidi minyak;

(ii) langkah-langkah baru kerajaan untuk mengurangkan bebanan rakyat; dan

(iii) yang cukup penting ialah harapan untuk mengajak semua pihak supaya bersama-sama menghadapi cabaran global yang cukup rumit ini.

Saya rasa ini adalah penting sebenarnya kerana kita pun lihat setiap hari dalam CNN memang diakui ini adalah cabaran global, maka sebab itu kita mestilah bersama-sama dan tidak timbul sebenarnya dan saya yakin kerajaan sebenarnya tidak adapun sebarang usaha untuk mementingkan diri, tetapi ialah untuk mementingkan rakyat, sebab itulah adanya penstrukturan semula subsidi minyak ini.

Sebab itulah saya hairan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan sebentar tadi, yang seolah-olah tidak mahu faham apa yang telah pun diperjelaskan dan cuba membangkitkan perkara yang boleh mengelirukan, iaitu antaranya ialah untuk memberikan wang tunai kepada rakyat RM27 juta yang berpendapatan RM6,000 ke bawah dalam keadaan kita hendak menstrukturkan semula sistem subsidi ini.

Tujuannya ialah supaya biar rakyat yang berhak dapat, yang kaya ini yang dapat juga subsidi tidak dapat termasuklah orang asing. Jadi sebab itulah kita hairan, kenapa apabila kita cabar tadi kalau Pulau Pinang banyak duit bagilah duit kepada rakyat, kenapa tidak boleh sedangkan Selangor sampai sekarang pun tidak tertunai janji-janji mereka... *[Disorak]* Ha, itulah! Tidak boleh ditegur, marah, sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah dimaklumkan berkali-kali bahawa subsidi, keuntungan Petronas ini ialah RM86.8 bilion tolak dengan RM52.3 bilion beri kepada kerajaan dalam bentuk royalti dan sebagainya untuk tujuan pembangunan.

Kemudian RM7.8 bilion lagi untuk bayar cukai asing termasuklah kepentingan minoriti, tinggal ada RM26 bilion. Apakah RM26 bilion ini kita hendak serah terus kepada rakyat sewenang-wenangnya, sedangkan Petronas juga perlu melabur lagi untuk mencari minyak dan sebagainya untuk kepentingan negara?

Sebab itulah saya hairan, kenapa tidak mahu difahami perkara ini dan sebab itu yang lebih penting ialah perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh saya, yang saya sebut tadi, iaitu penstrukturan semula sistem subsidi ini yang mana tujuannya seperti mana yang saya sebut tadi, iaitu kita ingin melakukan penjimatan, tidak ada orang yang tidak berhak yang dapat dan rakyat yang berhak sepatutnya yang dapat.

Jadi sebab itulah kalau kita lihat sahaja untuk tempoh lima bulan terawal ini, 2008 ini, hampir RM8 bilion subsidi untuk minyak sahaja, RM8 bilion. Bukankah RM8 bilion itu lebih baik digunakan untuk dipulangkan kepada rakyat dalam bentuk seperti kemudahan perumahan dan sebagainya. Sebab itulah mana hujah yang mengatakan bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang tidak prihatin, yang tidak ada rasa sayang kepada rakyat sebab kita tidak mahu memberikan janji-janji kosong kepada rakyat...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Minta laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Minta maaf, sekejap lagi saya akan bagi.

Jadi, ini yang saya katakan bahawa saya ingin juga membangkitkan di sini, apakah kita hendak mempertahankan sistem subsidi minyak yang sudah tidak sesuai ini apatah lagi dalam keadaan minyak yang semakin tinggi. Saya minta maaf, saya hendak menyentuh tentang Yang Berhormat Marang tadi yang menyebut bahawa kita ini mengeluarkan minyak berkualiti tinggi, memang betul, tetapi apa salahnya minyak itu dieksport dan kita pula mengimport minyak untuk kegunaan lokal, kalau sekiranya ia boleh menambahkan keuntungan, tujuannya ialah keuntungan.

Keuntungan itu disebut tadi, RM52.3 bilion dipulangkan kepada kerajaan. Sebab itulah bagi saya jangan kita menggunakan dengan izin, *emotional attachment* untuk kita hendak mengelirukan rakyat dalam isu yang berbentuk global, yang sedang kita hadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu kenaikan harga barang api ini kalau kita fikir secara rasional ia sepatutnya tidak boleh dilihat sebagai satu ancaman semata-mata, ia juga dilihat sebagai satu peluang.

Peluang pertama ialah untuk kita melakukan penjimatan. Peluang kedua ialah untuk kita menstrukturkan semula subsidi minyak supaya jangan orang yang tidak berhak pun dapat, rakyat asing, pekerja Indonesia yang berjuta di negara kita pun dapat dan yang ketiga ialah peluang untuk kita mencari bahan alternatif baru supaya kita jangan hanya bergantung pada bahan api fosil untuk mengeluarkan minyak ini.

Maka kita harus melihat peluang ini dan sebab itulah saya ingin mendengar daripada pihak pembangkang sebenarnya, apa dia cadangan tentang bahan alternatif yang perlu kita sediakan, tidak ada.

**■1450**

Habis tinggi hendak mengata sahaja, semua tidak betul dan sebagainya... *[Dewan tepuk]* Terutamanya bagi saya sebagai seorang pencinta alam, semakin tinggi harga minyak semakin tinggi usaha kita untuk mengurangkan penggunaan bahan api untuk mendapatkan minyak yang mana semakin kuranglah penggunaan karbon di dalam pembangunan di negara kita terutamanya karbon dioksida ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang penting tentang tenaga alternatif ini. Terutamanya kita memang perlu kita sudah memerlukan tindakan jangka panjang menyediakan, mencari bahan alternatif untuk industri, untuk sektor perindustrian,

pengangkutan dan juga bekalan elektrik. Kita sudah mendengar tadi bahawa ada cadangan, ada janji iaitu bahawa IPP ini juga perlu kita semak semula supaya ia jangan menjadi anak emas maka keuntungannya itu, jangan ia juga mendapat subsidi maka keuntungan itu juga mesti dipulangkan kepada rakyat yang tidak membebankan TNB. Saya setuju bahawa kita perlu menyemak kembali kedudukan IPP ini, jangan mereka mengambil peluang dengan apa yang ada untuk untung semata-mata.

Oleh sebab itu, selain daripada kita menggunakan tenaga nuklear, bio jisim, biofuel dan sebagainya, kita harus melihat alternatif-alternatif yang lain, saya setuju apabila kerajaan ada menyebut bahawa kemungkinan kita melihat apa yang dilakukan di negara-negara *Scandinavia* ini seperti Sweden dan juga Denmark yang menggunakan bahan tenaga angin sebagai alternatif ini. Mungkin ini sesuai kalau dulu di sana, di negara seperti Denmark dan Sweden 20 tahun lalu, mereka diketawakan tetapi akhirnya terbukti bahawa apa yang mereka lakukan ini adalah cukup baik kerana menyediakan bahan alternatif yang lebih murah dan mesra alam.

Mungkin di negara kita kalau sesuai kita gunakan mungkin tidak sesuai sebab negara kita ini tidak banyak angin, yang banyak kepala-kepala angin ini yang suka naik angin.... *[Dewan ketawa]* Minta maaf ya....

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia naik angin, naik minyak...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Naik harga yang lagi teruk.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Oleh itu saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan lebih fokus kepada kaedah solar ini untuk menjadi bahan alternatif kerana di negara kita ini dalam setahun, setiap hari 12 jam kita ada matahari. Maka kita boleh bangunkan bahan alternatif solar ini tetapi dengan syarat iaitu kita mesti menyediakan teknologi bateri yang tinggi, yang tahan lasak, yang boleh tahan lama dan saya fikir bahawa ini adalah satu perkara yang harus diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penstrukturan semula sistem subsidi ini. Kita tahu seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa penstrukturan semula sistem subsidi ini adalah kesan daripada kenaikan harga minyak ini. Maka sebab itulah, apa yang dilakukan ini adalah baik iaitu sekurang-kurangnya kita boleh memberikan *rebate*, pulangan wang tunai kepada mereka yang menggunakan kemudahan kereta kuasa 2,000cc ke bawah, tetapi kita harus juga lihat mungkin ada orang kaya yang ada lima kereta 2,000cc ke bawah. Maka perlu dilihat sama ada mereka ini akan dapat juga tetapi sekurang-kurangnya ada *rebate* kepada mereka yang menggunakan 2,000cc ke bawah.

Dan ini adalah pulangan kepada rakyat sebenarnya. Sebab itulah penstrukturan semula sistem subsidi ini telah memberi peluang kepada kita untuk berfikir bahawa kita telah mengamalkan satu sistem ekonomi yang salah, yang silap sebenarnya apabila memberikan subsidi terlalu banyak untuk minyak. Jadi oleh sebab itulah bagi saya apa yang penting dengan kita menstrukturkan semula sistem subsidi, kita boleh menjimatkan lebih banyak wang yang boleh digunakan untuk pembangunan di sektor-sektor lain ataupun untuk membantu rakyat yang lebih susah, yang tidak pakai kereta pun, yang tidak pakai motor dan sebagainya. Habis tinggi orang kaya juga yang dapat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itulah, saya tertarik dalam soal subsidi ini kalau kita nak teruskan lagi sikit yang kita berikan subsidi ini kepada orang ramai, subsidi minyak ini. Cadangan oleh seorang pensyarah dari Universiti Sains Islam Malaysia yang mencadangkan bahawa mungkin setiap orang diberikan 100 liter percuma subsidi minyak ini, 100 liter sebulan subsidi minyak yang mana dimasukkan melalui perisian *'Touch n Go'* di dalam MyKadnya ini, maka bila dia mengisi lebih daripada 100 liter, maka dia akan membayar harga semasa dengan tujuan supaya rakyat Malaysia sahaja yang dapat, orang yang ada lesen sahaja yang dapat dan orang yang betul-betul berpendapatan rendah juga dapat 100 liter ini dia kata adalah cukup munasabah untuk sebulan dan kalau lebih dia bayar harga semasa. Dan orang kaya kalau dia guna lebih maka dia kena bayar harga semasa. Saya rasa ini adalah antara perkara yang menarik pendekatan yang baik...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Bukankah Yang Berhormat Batu Pahat kata ini membazir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kena minta izin.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Dulu Selangor nak cuba laksanakan air percuma dikatakan membazir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu, kena minta izin Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat Batu Pahat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya tak bagi laluan, saya dekat nak habis, nanti saya bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya menyokong usul ini, usul ini adalah cukup baik sebenarnya. Sebab itulah saya berharap apabila kita melakukan penjimatan ini, pulangkan subsidi yang berjaya kita selamatkan itu untuk rakyat terutama untuk membangunkan kemudahan pengangkutan awam yang pernah kita sebut sebelum ini sebanyak RM4 bilion itu, buktikan. Kita menyediakan kemudahan, sekurang-kurangnya orang Johor Bahru tidak payah lagi duduk di Kuala Lumpur untuk bekerja, kemudahan pengangkutan awam yang efisien yang dia boleh masuk kerja pukul 8 pagi. Itu maksud saya, jangan fikirkan orang di Wilayah Persekutuan sahaja, maka fikirkan di tempat-tempat lain.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini bahawa apa yang disebut oleh kerajaan itu, kuatkuasakan dengan bersungguh-sungguh, dengan komitmen yang tinggi. Antaranya ialah untuk mengambil balik cukai-cukai perkhidmatan di restoran-restoran di luar hotel ini yang selalu disebut sekarang ini sebagai usaha juga untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak ini sebab mereka untung banyak terutama restoran-restoran mamak, restoran 24 jam, 25 jam dan sebagainya ini.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara-perkara ini diambil dengan serius. Dan di samping itu di antara yang saya sebutkan tadi iaitu peluangnya antaranya ialah penjimatan. Maka sudah sampai masanya kerajaan melalui jabatan-jabatan, kementerian-kementerian dan saya memuji apa yang dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu waktu rehat tutup lampu, *aircond* pun tutup. Ini jalan raya pukul 6, terang benderang, padahal masih terang lagi tapi api sudah dipasang.

Maka sebab itulah, penjimatan ini penting sebenarnya dalam keadaan sekarang ini supaya Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi cabaran ini dengan satu komitmen yang tinggi iaitu bahawa rakyat tidak terbeban dan apa yang kita jimatkan itu sebenarnya dapat kita pulangkan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**2.59 ptg.**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak teman-teman saya, Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini bersama-sama kita mengetepikan ideologi politik dan bersatu hati untuk menentang habis-habisan usul yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Muar ada menyatakan bahawa hanya kerajaan yang beramanah sahaja yang berani mengurangkan subsidi sekali gus mengakibatkan harga minyak menjadi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan bersyarat sebagai anak murid saya satu ketika dahulu, saya bersetuju tetapi saya hendak mengulangi bahawa hanya Kerajaan

Barisan Nasional sahaja yang sanggup menggunakan keuntungan Petronas untuk menyelamatkan Bank Bumiputera sebanyak tiga kali.

■ **1500**

Hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang akan menggunakan keuntungan Petronas untuk menyelamatkan konsortium perkapalan milik anak mantan Perdana Menteri. Hanya Kerajaan Barisan Nasional yang beramanah kononnya sahaja akan berbelanja melebihi RM20 bilion untuk Putrajaya dan hanya Kerajaan Barisan Nasional yang beramanah sahaja kononnya akan membelanjakan USD2.5 bilion untuk pembangunan KLCC.

Tuan Yang di-Pertua, alasan kerajaan untuk menaikkan harga bahan bakar memang tidak boleh diterima. Kenyataan Timbalan Perdana Menteri pada 25 Februari 2008 yang menyatakan harga minyak tidak akan naik selepas pilihan raya umum ternyata satu janji meleset Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Kenaikan mendadak harga petrol sebanyak 40.6% dan diesel sebanyak 63.3% membuktikan ketidakupayaan Jemaah Menteri Barisan Nasional untuk mengurus ekonomi dan juga kerajaan tidak mengamalkan dasar kepedulian rakyat....

**Seorang Ahli:** Turun, turun...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Maka Tuan Yang di-Pertua, hujah yang digunakan oleh kerajaan kerana subsidi yang ditanggung oleh kerajaan terlalu besar yang dilaporkan sebanyak RM43 bilion. Saya ingin merujuk kepada sumber analisa Petronas, subsidi minyak dan diesel yang dipam, yang ditanggung oleh kerajaan hanya bermula pada tahun 2004 bagi petrol dan tahun 2000 bagi diesel.

Pada tahun 1990, duti yang dikenakan oleh kerajaan ke atas syarikat-syarikat runcit minyak seperti Petronas Dagangan, Shell, BP, ExxonMobil dan Caltex ialah RM0.23 per liter dan meningkat kepada RM0.43 seliter pada tahun 1998. Berbeza pada tahun 2004, di mana kerajaan membiayai subsidi untuk syarikat runcit minyak sebanyak RM0.04 per liter dan meningkat kepada RM0.55 seliter pada tahun 2008.

Rakyat menyaksikan sandiwara kerajaan dengan memukul gendang bahawa harga bahan bakar di Malaysia masih jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan Singapura dan Thailand. Namun, Kerajaan Barisan Nasional gagal membandingkan dengan harga petrol dengan pengeluar minyak seperti yang berlaku di Qatar hanya RM0.68 satu liter, Kuwait RM0.67 satu liter Venezuela RM0.16 satu liter.

Indonesia sebagai sebuah negara pengeluar minyak yang juga menjadi *nett importer* minyak mempunyai jumlah penduduk seramai 235 juta orang. Namun Kerajaan Indonesia masih lagi mampu mengekalkan harga petrol pada harga RM1.86 seliter. Kalau di Indonesia yang penggunaan petrol melebihi Malaysia kerana jumlah penduduk yang hampir sembilan kali ganda daripada Malaysia dan pastinya subsidi juga jauh lebih besar daripada Malaysia; mampu mengekalkan harga petrol pada tahap RM1.86 seliter. Mengapa Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat mengekalkan harga petrol pada tahap yang munasabah bagi kepentingan rakyat yang terbanyak.

Kerajaan Indonesia juga berlaku adil kepada rakyatnya dengan memberikan royalti di antara 15% hingga 30% kepada daerah dan negeri di mana minyak digali seperti di Riau. Malangnya di Malaysia, rakyat negeri pengeluar minyak yang merupakan negeri-negeri berpendapatan rendah di Malaysia seperti di Sabah, Sarawak dan juga Terengganu memperoleh royalti yang tidak setimpal. Maka, itulah asas bagaimana ramai Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak serta Semenanjung akan berhijrah kepada Pakatan Rakyat.... *[Dewan riuh]*

Hujah yang sering digunakan oleh kerajaan ialah minyak kita berkualiti tinggi dan tidak sesuai untuk diproses sebagai petrol mahupun diesel. Maka, sebahagian besar hasil minyak negara kita di eksport dan kita terpaksa mengimport *refined petrol* dengan izin dan diesel untuk penggunaan tempatan.

Saya ingin menarik perhatian, bahawa minyak mentah yang dihasilkan oleh Malaysia yang disebut oleh Yang Berhormat Marang sebentar tadi iaitu tapis *blend* 44º merupakan minyak mentah yang termahal di dunia. Mengikut rekod harga pasaran minyak dunia sehingga 13 Jun 2008, tapis *blend* 44º yang dihasilkan oleh Malaysia adalah bernilai USD140 satu tong. Harga pasaran dunia hanyalah sekitar USD129 satu tong manakala harga purata bagi negara OPEC adalah sekitar USD130.

Secara puratanya, harga pasaran minyak jenis tapis *blend* 44º melebihi harga pasaran dunia sebanyak USD10 satu tong. Jelas, Petronas mengaut keuntungan yang cukup besar apabila harga minyak dunia melonjak tinggi kerana kualiti tapis *blend* 44º merupakan yang terbaik dan termahal di dunia. Sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional meneruskan retorik usang dengan mengatakan sekiranya harga minyak melambung beban subsidi negara terhadap petrol dan diesel bertambah. Walhal negara mengaut keuntungan yang cukup besar apabila harga minyak mentah melambung tinggi.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, mengapa Malaysia yang mengeluarkan minyak yang berkualiti tinggi pada kuantiti hampir 700 ribu tong sehari bersamaan dengan 255 juta tong setahun terpaksa menanggung beban subsidi yang agak besar. Kenyataan menteri baru-baru ini mengesahkan bahawa tahap penggunaan petrol di Malaysia adalah sebanyak 190 ribu satu tong sehari yang mana 110 ribu diproses di Malaysia dan hanya 80 ribu tong sehari diimport.

Kita tidak nampak bebanan besar yang ditanggung oleh kerajaan berkenaan subsidi petrol, kerana kita mengeluarkan minyak berkualiti tinggi dengan harga yang tertinggi di dunia dalam kuantiti 255 juta tong setahun dan hanya mengimport petrol untuk kegunaan tempatan untuk kuantiti 29 juta tong setahun.

Kalau mengikut perkiraan kerajaan yang harga runcit pasaran bagi petrol sepatutnya pada harga RM3.00 seliter, kerajaan hanya perlu menampung subsidi petrol sebanyak RM5 bilion untuk mengekalkan harga runcit petrol pada RM1.92 seliter. Kenyataan yang dibuat oleh kerajaan yang negara akan menjadi *nett importer of petroleum* dengan izin, pada tahun 2014 turut menimbulkan kesangsian di kalangan rakyat. Seperti yang telah dinyatakan, negara mengeluarkan minyak pada kadar 700 ribu tong sehari. Penggunaan petrol negara hanyalah 190 ribu tong sehari dan hanya 80 ribu tong sehari diimport.

Apakah hujah yang digunakan oleh kerajaan dan Petronas sebagai *nett importer* menjelang tahun 2014. Sekiranya kerajaan meramalkan akan berlaku peningkatan mendadak terhadap permintaan diesel di dalam negara, mengapa tidak ada perancangan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap petrol dan diesel. Kerajaan seharusnya mengetahui yang sebahagian besar permintaan petrol dan diesel adalah untuk kenderaan dan industri. Maka, kerajaan seharusnya merancang sistem pengangkutan yang menyeluruh, berintegrasi dan murah untuk digunakan oleh rakyat sebagai alternatif.

Ini secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan pada petrol dan diesel, mengurangkan kesesakan jalan raya dan memelihara alam sekitar dari pencemaran bahan bakar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, konsep subsidi yang diamalkan oleh kerajaan juga mengundang pelbagai persoalan. Saya difahamkan bahawa kerajaan menerusi Kementerian Kewangan membuat pembayaran subsidi secara bulanan kepada setiap syarikat peruncitan petrol dan diesel iaitu Petronas Dagangan, Shell Trading, BHP, ExxonMobil, Caltex dan lain-lain lagi.

**■1510**

Kerajaan hanya mendapat hasil keuntungan dari Petronas setahun sekali tetapi terpaksa membuat pembayaran kepada syarikat peruncitan petrol tersebut sebulan sekali. Petronas menyumbang 42% kepada pasaran runcit dan selebihnya dikuasai oleh milik syarikat-syarikat peruncitan asing. Berdasarkan jumlah subsidi yang dilaporkan oleh kerajaan iaitu RM43 bilion, maka ini bermakna 58% daripada subsidi tersebut iaitu RM25 bilion adalah dibayar kepada syarikat-syarikat peruncitan petrol yang dikuasai oleh orang-orang asing.

Apakah ini merupakan langkah yang wajar dan mengapa kerajaan membenarkan situasi di mana syarikat peruncitan petrol asing seperti syarikat Shell Trading yang 100% kepentingan saham dimiliki oleh warga negara asing beroperasi di Malaysia tanpa risiko. Melalui pembayaran subsidi sebagai bayaran *top-up* kepada perbezaan harga pasaran petrol dan harga kawalan, Kerajaan Barisan Nasional seolah-olah melindungi syarikat peruncit petrol asing daripada risiko untuk beroperasi di negara ini. Oleh yang demikian, saya menyeru supaya kerajaan segera menggubal dasar komoditi utama seperti petrol, diesel dan bahan makanan asas yang melindungi rakyat dan syarikat kepentingan Malaysia dengan adil dan saksama supaya tiada *leakage* daripada subsidi kepada syarikat kepentingan asing.

Tuan Yang di-Pertua, keuntungan diperoleh oleh Petronas sejak ditubuhkan pada tahun 1974 adalah sebanyak RM556 bilion. Daripada jumlah tersebut, Petronas sudah membuat pembayaran sebanyak RM336 bilion kepada kerajaan dalam bentuk cukai petroleum, dividen, eksport duti dan royalti. Bakinya lebih kurang RM220 bilion digunakan oleh Petronas untuk pelaburan semula. Maka adalah wajar kerajaan menyenaraikan secara terperinci, ke manakah wang RM336 bilion ini telah dibelanjakan? Petronas juga perlu mencerakinkan ke manakah disalurkan hasil keuntungan *retained earnings* dengan izin, sebanyak RM220 bilion.

Apakah Petronas menggunakan wang tersebut untuk pelaburan semula untuk tujuan eksplorasi ataupun hanya dengan izin, *image enhancement* seperi membina Hospital Prince Court yang bertaraf hotel lima bintang, menaja pasukan *F1*, menggaji pemuzik yang berkhidmat di Dewan Filharmonik untuk menghiburkan golongan elit dan bangsawan UMNO. Sepatutnya, Petronas mengambil peranan utama untuk mencari sumber tenaga alternatif baru dan boleh ganti seperti biofuel, tenaga kincir angin dan tenaga solar sebagai menggantikan petrol dan diesel apabila ianya pupus.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan yang tidak bersifat terbuka dalam memberi penerangan berhubung mekanisme penentuan harga petrol dan diesel amatlah mengecewakan. Kerajaan seharusnya mengambil contoh Kerajaan Australia melalui *Australian Institute of Petroleum* atau AIP, yang menjelaskan secara terperinci bagaimana harga petrol dan diesel di stesen minyak di Australia ditentukan. Di dalam laporan tersebut dinyatakan harga pasaran petrol bagi negara Asia Pasifik berkait rapat dengan harga petrol tanpa plumbum di Singapura iaitu MOP S95. Harga pembelian *refined petrol* oleh Australia yang dikenali sebagai *Terminal Gate Prices* atau TGP, merangkumi 95% daripada harga jualan petrol di stesen minyak, 5% lagi melibatkan kos pengangkutan darat, kos pemasaran, kos pengendalian stesen minyak dan sebagainya.

Kita dapat lihat dengan jelas bagaimana penerangan yang terperinci diberikan dalam menentukan harga pasaran petrol di Australia. Malangnya di Malaysia, kerajaan tidak langsung memberikan pecahan secara terperinci berhubung harga minyak yang ditentukan di Malaysia. Sebaliknya kerajaan memberitahu rakyat apabila harga minyak mentah naik maka subsidi kerajaan bertambah untuk membantu rakyat Malaysia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Satu, saya hendak rumuskan Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan Menteri Kewangan bahawa jumlah Dana Warisan ataupun dengan izin, *Heritage Fund* hanya berjumlah RM4 bilion amat mendukacitakan dan mengejutkan. Kalau dibandingkan dengan jumlah keuntungan Petronas yang diperoleh selama ini sebanyak RM556 bilion, ini bermakna kerajaan memperuntukkan hanya 0.7% untuk generasi akan datang sebagai bekalan atau rizab apabila negara sudah kehabisan bekalan bahan bakar. Kerajaan yang selama ini meminta rakyat untuk berkorban demi masa depan generasi akan datang telah berlaku zalim dan hanya mengambil sikap lewa dalam membuat perancangan masa depan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat pada petang ini akan merakamkan siapakah di kalangan kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menyokong usul menekan rakyat dengan menaikkan harga minyak dan siapakah yang akan menolak usul ini demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Oleh itu, ayuh teman-teman saya daripada Barisan Nasional, marilah kita bersama-sama mengetepikan ideologi politik, memberikan perhatian

kepada masalah rakyat sama ada di Sri Gading, di Kinabatangan, di Sabah dan di Sarawak dan kalau kita ada *concerns* yang cukup jelas tentang keperitan masalah rakyat di bawah sama ada orang muda, pemandu teksi, nelayan, petani dan pekebun, marilah kita menolak usul ini habis-habisan pada petang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Rembau.

**3.17 ptg.**

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tampil untuk turut serta membahaskan usul kenaikan harga petrol dan barangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Walaupun pahit diterima dan mengundangkan pelbagai reaksi negatif daripada rakyat jelata, khususnya apabila perkara ini diputar belit oleh pembangkang yang tidak bertanggungjawab. Keputusan kerajaan untuk menstrukturkan semula sistem subsidi seperti mana yang diumumkan pada 4 hari bulan Jun yang lepas, merupakan satu keperluan ekonomi ataupun *economic necessity*, dengan izin, yang tidak dapat dielakkan.

Langkah kerajaan adalah langkah yang berat kerana tentunya ini merupakan keputusan yang tidak popular. Tidak ada sesiapa yang suka membayar harga yang lebih tinggi untuk petrol dan diesel. Keputusan yang bertanggungjawab ini, yang beramanah ini dan jauh memandang ke hadapan, walaupun rakyat terpaksa memikul beban hari ini, penstrukturan semula subsidi ini akan membawa perubahan positif dalam jangka masa panjang. Pertamanya penstrukturan ini membawa sistem yang lebih adil dengan subsidi yang progresif, dengan adanya falsafah *economic justice*, subsidi yang lebih menepati sasaran iaitu golongan berpendapatan rendah melalui rebat dan sebagainya.

Dulu, semua dapat subsidi malah yang membawa kereta besar dapat subsidi yang lebih, justeru sistem yang lama itu sistem yang tidak adil. Kedua penjimatan subsidi ini boleh digunakan untuk dasar keselamatan makanan negara dan juga subsidi untuk barang makanan perlu untuk menampung kos makanan dunia yang meningkat. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita berhadapan dengan dua krisis yang tidak pernah kita alami dalam sejarah dunia, iaitu satunya krisis kenaikan minyak dan satu lagi adalah krisis kenaikan harga makanan, *twin crisis*.

Jadi di sini kerajaan terpaksa buat pilihan di mana perlu diagihkan sumber yang terhad sama ada kepada minyak ataupun kepada makanan dan kerajaan telah buat keputusan untuk menurunkan sedikit subsidi tersebut agar penjimatan tersebut dapat diberi kepada makanan. Tidak pernah dulu ada peningkatan harga minyak dengan peningkatan harga makanan pada masa yang sama, *twin crisis*. Ketiga, penstrukturan ini merupakan satu penstrukturan besar ekonomi negara, penstrukturan semula *economic based* negara dengan izin, di mana kita boleh mengagihkan sumber yang terhad, *allocation of scarce resources*.

Di sini saya tertarik juga dengan ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Bagan, Ahli Yang Berhormat Gombak tadi. Mereka cakap tentang pengagihan sumber sebenarnya, *allocation of scarce resources,* pengagihan sumber-sumber terhad.

**■ 1520**

Ada yang mengatakan tadi bahawa Malaysia ini adalah negara pengeluar minyak. Oleh sebab itu apabila harga minyak di pasaran dunia meningkat, maka sudah tentunya pendapatan Malaysia itu juga meningkat. Memang betul. Daripada tahun 1996 sampailah ke tahun 2008, kita melihat bahawa peningkatan dari segi pendapatan negara pun meningkat, tetapi jangan kita lupa bahawa harga minyak mentah dunia juga naik begitu tinggi dan kos bagi Petronas dan sebagainya juga meningkat.

Ada yang mengatakan bahawa contohnya, ada yang mengatakan bahawa kita tidak prihatin kepada rakyat. Kita naikkan harga minyak dengan kadar yang begitu *unprecedented* seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Bagan tadi. Dia kata *unprecedented* boleh masuk dalam *Guinness Book of Record.* Perli dia kepada Kerajaan Barisan Nasional. Saya hendak bagi contoh bahawa daripada tahun 1996

sampailah ke tahun 2008, peningkatan harga minyak mentah dunia adalah pada kadar 600%, *600%* dengan izin. Kadar kenaikan minyak petrol di Malaysia hanya 145%, *145%* dengan izin. Jadi kadar peningkatan harga minyak mentah dunia cukup besar. Jauh lebih besar daripada peningkatan harga petrol di Malaysia.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita untung lebih.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sebenarnya peningkatan harga petrol di Malaysia hanya 24% daripada peningkatan harga minyak mentah di pasaran dunia. Jadi di sini kita melihat bahawa sebenarnya peningkatan ini tidak *unprecedented.* Peningkatan ini adalah lebih kurang ataupun kurang daripada peningkatan harga minyak mentah pasaran dunia. Jadi di sini kita boleh melihat bahawa sebenarnya kerajaan amat prihatin untuk memastikan bahawa peningkatan petrol itu masih lagi terkawal.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat daripada Bagan minta agar Petronas lebih telus. Saya juga setuju. Saya keluarkan penyataan bahawa Petronas harus lebih telus dalam laporan penyata kewangannya dan sebagainya tetapi saya sebut kerana saya buat sangka baik terhadap Petronas. Saya percaya bahawa Petronas tidak ada apa untuk dilindungi ataupun disembunyikan daripada rakyat Malaysia. Namun saya percaya pembangkang minta kerana mereka buruk sangka terhadap Petronas. Tadi Yang Berhormat Gombak cakap bahawa Petronas ini di bawah kerajaan tidak beramanah Barisan Nasional telah menyelamat Bank Bumiputera sebanyak tiga kali. Telah membina Putrajaya, telah membina KLCC, bukankah mentor Ahli Yang Berhormat Gombak iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim sebahagian daripada Kerajaan Barisan Nasional yang buat keputusan tersebut... *[Tepuk]* Dulu dalam kerajaan tak berani cakap. Bila dah kena pecat daripada kerajaan baru hendak cakap...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Itu hipokrit namanya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak minta laluan. Minta laluan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Hipokrit... *[Tepuk]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sila, sila, sila. Saya beri laluan. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam contoh yang saya berikan tadi, di mana wang keuntungan Petronas digunakan hampir RM2 bilion untuk menyelamatkan anak mantan Perdana Menteri. Ianya mengambil masa hampir satu tahun Menteri Kewangan menangguhkan dan ianya terpaksa membayar harga yang mahal dengan dipecat dan dihina dan diaibkan oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohammed. Ini kenyataan yang harus kita terima.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat daripada Gombak...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia sebahagian daripada itu.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya percaya Yang Berhormat Dato' Seri Anwar tidak dipecat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya setuju dia daripada sebahagian sistem...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tidak dipecat kerana perkara tersebut.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia menggunakan kedudukan dalam....

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Dia sebenarnya dipecat kerana tidak ada moral dan kredibiliti untuk menjadi pemimpin negara ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya faham.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dihina, diaibkan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya faham Yang Berhormat daripada Gombak begitu sensitif dan emosional dalam perkara ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak sensitif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak payah berucap macam ini Yang Berhormat Gombak ya. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...*Saya bangun untuk membuktikan penjelasan kepada Dewan yang mulia ini.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Duduk, duduk, duduk. Tadi Yang Berhormat daripada Bagan juga sebut. Dia buruk sangka kepada Petronas. Dia perli Petronas. Kata Petronas beli jet dan sebagainya, boleh terbang dengan *Malaysia Airlines Systems*.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta laluan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Kalau *Malaysia Airlines* boleh pergi ke Kazakhstan, boleh pergi ke Sudan...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta laluan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Boleh pergi ke negara-negara Iran dan sebagainya di mana ada telaga minyak bolehlah dia naik MAS tetapi ini untuk kegunaan pengurusan Petronas yang cari telaga minyak di seluruh pelosok dunia... *[Tepuk]* Di seantero dunia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Jadi janganlah keluarkan cadangan yang begitu *simplistic*, yang begitu *childish* sehingga tidak ada cadangan yang bernas kepada Petronas.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak beri Yang Berhormat Shah Alam?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Duduk dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, dia tak beri Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tadi dipertikaikan. Kenapa kita tak dapat pendapatan yang lebih. Saya hendak beritahu daripada tahun 2003 sehingga tahun 2007, pembayaran semula Petronas kepada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk dividen, cukai, royalti dan sebagainya telah meningkat daripada RM18 bilion kepada RM52 bilion dan ada yang kata di manakah pergi duit ini, tidak pergi kepada rakyat dan sebagainya. Duit ini sebenarnya...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh dengar gangguan daripada di situ... *[Menunjuk kepada blok pembangkang]* Saya tak tahu siapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau hendak... Yang Berhormat Wangsa Maju tak payahlah buat teguran macam itu Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Wangsa Maju, Wangsa Maju kalau hendak buat teguran, kita jumpa di luar. Saya hendak cakap tentang Petronas. Duit Petronas ini yang dibayar semula kepada kerajaan pada tahun lepas, sebanyak RM52 bilion merupakan 66%, *66%* dengan izin, keuntungan kasar Petronas. Duit ini bukan masuk ke dalam poket kroni seperti mana yang dituduhkan. Duit ini masuk ke dalam *Federal Treasury*. Tadi Yang Berhormat daripada Gombak minta satu cadangan yang begitu *simplistic.* Senaraikan projek-projek kerajaan yang dibiayai oleh duit Petronas. Takkan tak tahu? Dulu Setiausaha Sulit kepada Menteri Kewangan? Duit ini semua masuk dalam *Federal Treasury*, satu akaun dan daripada akaun tersebut macam-macam kita biayai projek kerajaan, subsidi untuk rakyat, subsidi makanan, subsidi minyak masak dan sebagainya, subsidi tepung, kawalan harga, itulah yang digunakan, duit Petronas ini.

Tadi dia sebut juga tentang perbandingan negara Malaysia dengan negara Singapura dan Thailand. Tak setuju kerana bukan perbandingan *apple to apple* dengan izin. Saya setuju bukan perbandingan *apple to apple* tetapi kita harus juga pastikan, tegaskan di sini bahawa perbandingan Malaysia dengan negara-negara pengeluar minyak yang lain seperti Arab Saudi, Venezuela, UAE dan sebagainya bukannya perbandingan *apple to apple*. Saya bagi contoh, rizab simpanan yang ada pada negara-negara tersebut di UAE, *32 times,* 32 ganda daripada Malaysia. Di Saudi Arabia 85 ganda daripada Malaysia. Di Iran 45 kali ganda daripada Malaysia, di Venezuela 26 kali ganda daripada Malaysia. Eksport mereka, eksport minyak mereka, Indonesia tunggu dulu. Tunggu dulu. Eksport minyak mereka UAE empat kali ganda daripada Malaysia. Saudi 15 kali ganda, Venezuela 3.6 kali ganda dan Venezuela dan Saudi tidak langsung ada import minyak untuk kegunaan tempatan.

Jadi kita tak boleh mengambil perbandingan *apple* dengan *carrot* ataupun dengan pisang. Ini perbandingan yang tidak relevan. Indonesia pula Yang Berhormat-Yang Berhormat, ini adalah prioriti kerajaan. Soal keutamaan kerajaan. Kerajaan ada dana. Sama ada Kerajaan Malaysia ataupun Kerajaan Indonesia. Dalam contoh ini Malaysia memberi prioriti ataupun keutamaan kepada pembangunan. Contoh kalau kita bandingkan Malaysia dengan Indonesia dari segi pembangunan, dari segi kemudahan asas...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pembangunan dan korbankan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Shah Alam.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tak ada standard.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri Yang Berhormat Pasir Mas Yang Berhormat?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Okey, tak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat mengenai dengan perbandingan epal dengan *carrot.* Macam Yang Berhormat dengan sayalah. Saya orang kampung, Yang Berhormat menantu Perdana Menteri. Itu bezanya... *[Tepuk]* Cuma saya hendak tanya, apabila disebut perbandingan, apakah Yang Berhormat tidak sedar negara kita rakyatnya bukan ramai, 27 juta sahaja hendak dibandingkan dengan negara Yang Berhormat sebut tadi. Baru 27 juta. Harga minyak naik, kita untung, kita untung USD100 satu tong daripada 30USD dulu.

Kemudian komoditi lain pun naik. Kelapa sawit naik, getah naik, keuntungan cukai bank-bank pun naik. Kalau kita dapat kekangkan, jadi persoalan saya ianya... *[Ketawa]* Persoalan saya, kangkang itu, dengar tak tadi? Hendak bagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan, ringkaskan Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** ...Yang Berhormat tertarik sikit. Boleh dikekangkan kedudukan harga dulu iaitu kenaikan secara berperingkat. Ini naik melampau sangat. Saya hendak tunggu, saya hendak berucap banyak kali dah bangun Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi saya naik atas meja kalau tak dapat berucap.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya ucapkan terima kasih kepada kekanda saya daripada Pasir Mas. Memang bukan *apple to apple*lah perbandingan antara kita. Pembangkang panggil saya monyet, Yang Berhormat Pasir Mas adalah katak... *[Ketawa]* Itu perbandingan. Namun katak sebenarnya, katak sebenarnya itu adalah pelawaan...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tak apa. Tak apa. Tak apa, saya, dia tak tarik balik pun tak apa. Sebabnya saya kenang. Saya memang belum lagi sampai buku dengan ruas. Biar dia bercakap dulu... *[Ketawa]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Katak ini sebenarnya adalah pelawaan untuk kakanda kembali kepada pangkal jalan di Barisan Nasional. Jadi saya hendak sebut di sini bahawa sebenarnya perbandingan ini cukup tidak relevan dan apabila saya sebut tentang Indonesia tadi, kalau kita buat perbandingan antara Malaysia dengan Indonesia, keutamaan Malaysia adalah untuk menggunakan penjimatan dan pendapatan ini untuk pembangunan.

**■1530**

Kita bandingkan kemudahan asas yang ada di Malaysia yang dibandingkan dengan Indonesia, sudah tentunya tidak ada seorang Ahli Dewan Rakyat di sini yang boleh mengatakan bahawa Indonesia mempunyai infrastruktur yang lebih daripada Malaysia. Ini kerana kita guna penjimatan tersebut untuk pembangunan, kemudahan asas dan sebagainya...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Indonesia lebih kurang macam Sabah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Pergi tengok Sabah, Sarawak.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Lebih kurang macam Sarawak. Sabah, Sarawak macam mana. Tanya depa.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Pergi tengok Sabah, Sarawak.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sabah, Sarawak besar. Sabah, Sarawak besar.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sebab itu kita bagi peruntukan yang besar kepada Sabah dan Sarawak.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Indonesia pun besar.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ini menunjukkan keprihatinan Barisan Nasional kepada Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan. Kita ambil contoh.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Masa dah cukup dah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sikit lagi. Kita ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi, *last.* Saya nak sebut tentang bagaimana kerajaan kononnya kerajaan pintu belakang, kerajaan haram pembangkang ini yang akan kononnya ditubuhkan sebelum 16 September ini boleh mengurangkan harga minyak. Kaedah untuk mengurangkan harga minyak dengan meningkatkan semula subsidi ini begitu senang. Sama ada kita meningkatkan hasil kita ataupun kita meningkatkan lagi perbelanjaan kita. Kita semua tahu bahawa kita tak boleh meningkatkan hasil kita lagi. Agak susah untuk kita meningkatkan cukai dan sebagainya. Jadi kita boleh pinjam, untuk kita meningkatkan hasil, kita boleh pinjam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kurangkan rasuah.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ini ekonomi. Kita boleh pinjam. Di sini saya nak sentuh Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada hari ini bajet defisit kita 3.2%. Dalam keadaan kita bukan dalam keadaan kegawatan, *we're not in recession* dengan izin, tetapi bajet defisit kita 3.2%. Kalau kita pinjam, seperti mana yang dikehendaki oleh parti-parti pembangkang ini, kerajaan pintu belakang ini, maka bajet defisit kita akan meningkat. Apabila bajet defisit kita meningkat Tuan Yang di-Pertua, maka *credit rating* kita akan turun. *Credit rating* kita akan jadi BBB ataupun akan jadi *junk bond.* Seperti mana yang kita tahu, negara ini macam manusia juga. Apabila kita punya *credit rating*, apabila...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Gulung. Yang Berhormat Rembau, gulung. Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Gulung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Apabila kita punya *credit rating* dah cukup rendah, bank konvensional tak akan pinjamkan duit kepada kita. Kita terpaksa pergi kepada *Ah Long* untuk pinjam duit. Negara pun sama juga Tuan Yang di-Pertua, negara pun sama juga. *Ah Long* antarabangsa ini adalah IMF dan saya percaya muslihat pembangkang untuk menurunkan harga minyak dengan meningkatkan subsidi, dengan meningkatkan pinjaman negara adalah supaya Datuk Seri Anwar dapat penuhkan ataupun dapat mencapai perjuangannya untuk Malaysia menjadi boneka kepada IMF dan terpaksa pinjam daripada along antarabangsa...

**Seorang Ahli:** Tahu tak apa!.. *[Dewan riuh][Tepuk]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua. Ada banyak lagi cadangan. Saya minta maaf. Itu baru...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sudahlah, masa habis dah. Sudah lah!... *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Bagi orang sebelah sini pula.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** ... saya tak habis cakap lagi. Jadi saya minta sikit sahaja, sikit sahaja saya minta *extra.*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Hoi menantu Perdana Menteri. Kalau bukan menantu pun kamu tak sampai sini. Tarik balik! Tarik balik... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya nak menggulung. Saya nak menggulung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ha gulung Yang Berhormat, gulung.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya nak menggulung. Saya ada satu...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Po, po, po, po!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu cadangan sebelum saya menggulung.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** *Point of order, point of order...*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ini berkenaan dengan IPP ataupun Penjana Tenaga Bebas.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** *Point of order, point of order.*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *Point of order.* Tarik balik!

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, ini dua minit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Di bawah apa Yang Berhormat?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Daripada tadi tak ada order, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** 36(6). Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa. Saya pohon tarik balik ya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ya, tarik balik. Tarik balik!

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Siapa, siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sangkaan jahat atas siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak apa Yang Berhormat Rembau. Sila gulungkan, gulung. Habis masa Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Okey, saya nak gulung dengan satu cadangan. Tadi Yang Berhormat daripada Bagan kata IPP tidak memikul ataupun tidak sama menjinjing, tidak sama memikul beban tersebut tetapi saya ingin....

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *Point of order. Point of Order* 36(6) itu minta Yang Berhormat Rembau tarik balik. Dia kata ada orang boneka kepada Amerika. Ini prasangka ini, sangkaan jahat.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Haji Idris bin Haji Haron]:** Eh dia bukan wakil rakyatlah! Dia bukan Ahli Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, diam.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Sesiapa pun!

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Eh Anwar Ibrahim bukan Ahli Dewanlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah, sudah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ini bukan Yang Berhormat Genting Highlands tahu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah, sudah. Yang Berhormat duduk sana. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai duduk. Yang lain duduk Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Rembau, gulung.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih. Saya cadangan saja. Satu cadangan sebelum saya menggulung. Kerajaan untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Rembau, tolong gulung. Tolonglah.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ya, ini menggulung, ini menggulung. Ini nak menggulung. Macam mana saya nak menggulung Tuan Yang di-Pertua? Dia orang tak diam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya mintalah Yang Berhormat bagi peluang dia gulung sebab bising-bising sangat saya pun tak boleh dengar Yang Berhormat. Saya pun tak boleh dengar. Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat. Gulung ini sikit saja Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Suruh dia gulung di luar. Gulung popia... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Rumusan saya, kerajaan dalam sektor elektrik ini, kerajaan telah mengumumkan levi.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Gulungkan BN sekali.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Levi, *profit windfall tax.* Peruntukan luar biasa sebanyak 30% daripada *return on asset* 9% daripada IPP. Saya nak cadangkan cuma sekarang ini kita dengar, dengar dulu. Dengar dulu. Levi, pendapatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Pendapatan daripada levi tersebut, saya difahamkan bahawa pendapatan daripada levi tersebut pergi terus kepada kerajaan kerana ini cukai. Saya minta kerajaan agar levi tersebut pergi terus kepada *consumer electricity* agar perkara ini ataupun levi tersebut dapat menampung, dapat *compensate* kenaikan harga elektrik. Jadi dapat meringankan sikit beban rakyat. Saya setuju tetapi jangan kita buat secara terus, secara langsung.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Harta Tenaga Nasional pun semua sudah kena jual oleh kroni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik. Baik Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya harap pendapatan daripada *profit windfall* daripada IPP ini dapat terus diberi kepada *consumer* melalui TNB dan kita dapat menurunkan kenaikan tarif *electricity.* Itu cadangan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Minta tolonglah Yang Berhormat ya. Sementara kawan-kawan berucap, berilah peluang dia berucap. Kalau kita tak bagi peluang dia berucap, saya pun macam itu. Biarlah dia cakap kalau semua tak nak berhenti. Yang Berhormat, saya hari ini ceria Yang Berhormat. Saya rasa ceria. Yang Berhormat Ledang.

**3.57 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

**Seorang Ahli:** Kacau, kacau, kacau.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Peraturan mesyuarat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ledang duduk dulu. Dengar peraturan mesyuarat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Peraturan mesyuarat yang kedua. Saya nak minta tempat saya duduk ini ditukar... *[Ketawa]*

Bukan masuk Barisan sebab ada tempat yang kosong lagi. Sebab bila saya bangun banyak kali, dalam peraturan ini. Kalau tidak saya baling buku ini. Dalam peraturan ini mengatakan dengan jelas, bahawa sesiapa yang bangun dulu nak bercakap, orang itu diberi peluang! Sekarang ini saya bangun, lindung. Saya bangun, lindung dan walaupun saya mewakili Bebas, saya pernah menjadi anggota Dewan Rakyat ini dua penggal yang dulu. Dianggap sebagai anggota yang senior.

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Sepatutnya tempat duduk saya ditempatkan di tempat yang sesuai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Cuma saya tak mewakili mana-mana parti, tidak bererti saya dianaktirikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Baik macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Baik apa!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya dah dengar Yang Berhormat, saya dah dengar.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Baling buku, baling buku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya belum habis bercakap lagi. Sila Yang Berhormat Ledang.

**Seorang Ahli:** BN lagi.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk menyokong usul ini. Tuan Yang di-Pertua, dulu ada subsidi gigi, gigi palsu. Sekarang subsidi gigi palsu sudah lagi tidak relevan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** La ni kenyih gigi... *[Ketawa]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekarang ini kita membincangkan subsidi minyak, subsidi makanan dan lain-lain yang telah pun kerajaan berikan kepada seluruh rakyat Malaysia termasuk pihak pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini kerana usul ini bukannya usul naik minyak, naik harga minyak. Usul ini adalah usul menstrukturkan semula subsidi...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Itu kerajaan tahi minyak.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Subsidi minyak dan subsidi barang-barang. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ukur harga minyak sekarang RM2.70 yang katanya petrol naik RM0.78 sen. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kepada saya, petrol cuma naik RM0.08 sen kerana RM0.30 telah pun dipotong daripada RM3.00 berdasarkan kepada harga minyak mentah USD120 dan RM0.70 lagi dibayar semula dalam bentuk rebat tetapi dengan syarat, dua perkara.

■ **1540**

Pertamanya bagi kereta 2000cc ke bawah dan bagi perjalanan kereta tidak melebihi lebih kurang RM50 sebulan. Maksudnya untuk perjalanan yang mustahak sahaja, pergi kuliah, pergi kerja dan sebagainya.

Namun takkanlah Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendak bayar subsidi kepada mat rempit? Kepada mereka yang membawa kereta secara 'gila-gila', *wily* dan sebagainya. Sebab itulah saya pandang 70 sen tadi sebenarnya adalah subsidi, dipulangkan semula dalam bentuk rebat dengan syarat-syarat seperti yang telah disebutkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kerajaan ada langkah untuk strategi membantu rakyat. Sama ada langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang berkaitan dengan subsidi. Saya katakan Tuan Yang di-Pertua bagi langkah jangka masa pendek atau sederhana, kalau boleh kerajaan tambah lagi satu. Setelah diberi subsidi 70 sen dalam bentuk rebat, 30 sen *straight* kepada tuan minyak iaitu kalau boleh Tuan Yang di-Pertua supaya perkhidmatan NGV ini diperluaskan.

Jikalau Petronas sudah berjanji untuk mengadakan stesen NGV, paling tidak pun 200 stesen menjelang 2010 sepatutnya 2008 sebagaimana yang diarahkan oleh kerajaan. Jikalau boleh beri peluang kepada mana-mana syarikat untuk import atau untuk beli dengan Petronas. Walaupun dengan harga dunia sekali pun, saya yakin dengan teknologi terkini NGV boleh dijual dengan harga murah sebenarnya, ada cara-caranya.

Jadi ini saya fikir sebagai satu langkah jangka masa pendek ataupun sederhana. Bagi jangka masa panjang saya yakin dan kalau boleh dipergiatkan lagi usaha-usaha untuk memperbanyakkan lagi R&D.

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, apakah peranan IPP selama ini di dalam membangunkan R&D bagi mendapatkan sumber tenaga yang baru? Sejauh mana IPP

bergantung, sampai bila IPP hendak bergantung kepada gas? Dengan harga yang murah cuma 10% daripada harga pasaran.

Jadi saya menuntut Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili seluruh rakyat Malaysia menuntut supaya IPP mestilah mengadakan satu tabungan khas untuk menyediakan suatu *research and development* dengan izin, bagi mencari sumber-sumber bahan bakar yang lain dan sumber tenaga yang lain. Bukan sahaja *biofuel*, air, angin, solar malahan lain-lain seperti daya magnet dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada kenaikan harga barang ini kita semua sedia maklum. Ini kerana kesan kepada yang katanya harga barang yang telah diputar belitkan ini telah pun menyebabkan harga barangan meningkat. Bukan sahaja harga barangan meningkat, bekalan-bekalan bahan-bahan makanan utama pun meningkat.

Jikalau kita tengok di seluruh negara, pagi tadi saya sebut bukan sahaja di bandar, bukan sahaja di pekan, bukan sahaja di desa, hampir-hampir tiada. Saya menerima banyak aduan Tuan Yang di-Pertua, daripada pengusaha-pengusaha industri kampung, kuih muih dan sebagainya, ini hendak raya. Mereka pergi ke kedai beli tepung tidak ada bekalan, bukan sahaja harganya melepasi daripada harga kawalan malahan bekalan tidak ada, begitu juga gula. Hatta Tuan Yang di-Pertua, hendak beli pisang mentah bagi diproses sebagai kerepek pisang sekarang pun susah kerana katanya tidak ada bekalan. Saya tanya kenapa tidak ada bekalan? Ini kerana tidak ada pengusaha atau petani yang sanggup tanam pisang kerana harga baja meningkat, kerana harga racun meningkat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua ini adalah satu perkara yang serius dan kepada saya mesti ada satu tindakan. Iaitu mungkin pada saya peranan-peranan mengimport ini barang-barang utama termasuklah barang-barang baja dan sebagainya diambil juga dikongsi oleh syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada stesen Petronas di seluruh negara ataupun kita ada kedai-kedai Petronas. Saya nampak supaya kedai-kedai Petronas ini boleh dijadikan salah satu daripada *outlet* dengan izin, menjual barang-barang utama orang ramai, tepung, gula dan sebagainya. Bukan sahaja menjual kerepek pisang, pisau cukur, roti, coklat dan sebagainya tetapi kalau boleh juga menjual barang-barang utama.

Jikalau di kedai Petronas boleh ada ATM untuk ambil duit, mengapa kedai Petronas tidak boleh menjual barang-barang keperluan? Supaya GLC ini begitu juga GLC lain kalau boleh diadakan seperti disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi mungkin PERNAS yang sudah hilang dan sebagainya. Ia boleh membantu kerajaan untuk menjadi pengedar utama kepada barang-barang keperluan tidaklah hanya satu pihak sahaja yang menjual barang-barang keperluan. Akhirnya yang kita nampak sekarang barang-barang susah dan sukar diperoleh. Ini kerana ada satu pihak yang saya yakin mengambil kesempatan daripada situasi kononnya harga minyak yang naik di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan saya faham bahawa harga barang-barang dikawal ada peraturannya, ada undang-undangnya, ada pemantauannya tetapi kepada saya tidak cukup.

Kalau ada pemantauan yang rapi, kalau ada penguatkuasaan yang meluas di seluruh negara, tidak akan berlaku kenaikan harga barang di kawasan-kawasan di seluruh negara termasuk kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan kalau boleh supaya kita menggunakan segala infrastruktur di seluruh negara. Kita ada ketua kampung, kita ada JKKK, kita boleh bayar sedikit elaun kepada mereka untuk membuat pemantauan. Sekurang-kurangnya pemantauan walaupun mereka tidak ada kuasa. Mereka boleh diberikan, katakanlah ketua kampung kita naikkan elaunnya daripada mungkin RM500 kepada RM600 tambah sedikit RM100 tidak banyak pun kalau kita kalikan dengan jumlah ketua kampung dalam Malaysia. Sekurang-kurangnya mereka menjadi pemantau yang efisien dan berkesan. Mereka boleh sampaikan segala maklumat harga barang termasuk bekalan bahan barang-barang yang susah ini di seluruh negara kepada kementerian yang berkenaan. Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua adalah jalan penyelesaian dan

sekurang-kurangnya adalah suatu tindakan secara meluas di seluruh negara kerana kita faham.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa sekarang ini pemantauan umumnya mengatakan bahawa sangat tidak efisien ataupun sangat tidak cekap. Tidak ada kesan yang mendalam, tidak ada kesan yang kita nampak bahawa harga barang boleh dikawal, bahawa bahan-bahan boleh dibekalkan dengan secukupnya di seluruh negara semata-mata kerana kurangnya kawalan dari segi harga yang telah pun ditetapkan dan juga bekalan yang telah disediakan. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyokong, Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sekarang saya sudah nampak Yang Berhormat Pasir Mas. Sila Yang Berhormat. Ini bukan bermakna semua dapat buku atas meja Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat, bagi peluang dengan Yang Berhormat Pasir Mas cakap.

**3.49 ptg.**

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Waktu Yang Berhormat daripada Muar membawa usul ini, Yang Berhormat dari Muar ada berkata, "Kita mestilah berbincang perkara ini dengan hati yang terbuka dan ikhlas".

Oleh itu dalam usul ini, saya bangun sebagai wakil bebas dan saya tidak senada dengan Ahli Parlimen Gombak terutamanya dalam ucapan beliau tadi dalam beberapa perkara. Namun dalam usul ini saya terpaksa menentang habis-habisan.

Saya bercakap Tuan Yang di-Pertua, dalam usul ini apabila disebut ikhlas dan terbuka. Saya mengingatkan diri saya sebagai orang Islam iaitu dalam doa kita sembahyang disebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya iaitu "Sesungguhnya sembahyangku, hidupku dan matiku, adalah kerana Allah Taala".

Walaupun kita bermain politik dan saya percaya dalam isu ataupun usul ini saya percaya di kalangan Ahli Parlimen Barisan Nasional sendiri pun dalam hati mereka tidak bersetuju mengenai dengan kenaikan harga petrol ini.

**■1550**

Mereka terpaksa oleh sebab mereka terikat dengan parti *whip* ataupun bagi pihak yang menentang juga, mereka terikat juga dengan parti *whip* dan parti mereka, parti politik masing-masing. Namun begitu, saya hendak bercakap atas keikhlasan mengenai dengan penderitaan rakyat. Sewaktu kenaikan harga petrol diumumkan baru-baru ini pada 10 Jun, saya sudah hantar usul di bawah 18(1) untuk membincangkan perkara ini tetapi ditolak oleh sebab pihak kerajaan membawa usulnya pada hari ini.

Walaupun begitu, saya beranggapan sepatutnya usul ini dibawa sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana kenaikan harga minyak ini ditentukan oleh Kabinet. Saya tidaklah memperkecilkan Kementerian Hal Ehwal Pengguna, tetapi Kementerian Hal Ehwal Pengguna ini bertanggung jawab memantau mengenai dengan kenaikan harga barang-barang, penguatkuasaan yang sehingga hari ini hendak jaga harga ikan kembung pun, belum lagi berjaya!

Jadi sepatutnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang bawa, sebab ini isu yang besar. Perkara yang besar, yang harus nanti dijawab, digulung sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini isu di hadapan kita ini ialah beban yang terpaksa dipikul oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, tadi pun sudah disebut. Kita negara yang paling tinggi sekali menaikkan harga minyak, baru-baru ini. Walaupun kita negara pengeluar minyak, di kalangan negara pengeluar minyak, kita yang paling tinggi. Saya ada harga negara-negara daripada OPEC, saya ambil daripada *website*. Tidak payah saya baca, buang masa sahaja.

Cukup saya katakan, kita yang tertinggi. Manakala saya tidak mahu retoriklah, tetapi paling tidak kita ambil pandangan. Walaupun kita sudah benci dan jijik terutamanya pihak kerajaan, kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamed, saya baca dalam *blog*nya, *website* chedet.com. Bersabit dengan komen beliau mengenai dengan kenaikan harga minyak, yang hari ini beliau masih lagi menjadi penasihat Petronas, 22 tahun menjadi Perdana Menteri. Saya rasa dia ada autoriti. Sedikit sebanyak apabila mengeluarkan pandangan, dan pandangan beliau ini saya kira boleh diterima pakai ataupun boleh dijadikan rujukan.

Kita terima harga minyak naik di seluruh dunia, tetapi kenapa kita naikkan begitu mendadak? Kenapa tidak berperingkat-peringkat? 650,000 tong sehari Petronas pam. 400,000 dipakai dalam negara kita, 250,000 dijual untuk pasaran antara bangsa. RM130.00, AD130 satu tong, untung AD100 satu tong, kali dengan 365 satu hari, kali dengan tiga, dekat dengan RM28 bilion Petronas dapat untung. Ini belum masuk lagi kenaikan harga kelapa sawit, minyak, getah, timah, cukai-cukai daripada bank yang untung besar!

Jadi bermaknanya, dengan harga minyak yang kita untung, dengan kenaikan komoditi-komoditi lain, walaupun kita terima hakikat, kenaikan minyak di seluruh dunia, kita mampu lagi mengekang kedudukan kita sekarang. Kalau hendak naik pun, naik secara beransur-ansur. Bila naik pula, ada pula subsidi. Subsidi macam-macam. Rebat RM625.00, RM150.00 untuk motosikal, macam-macam yang menimbulkan banyak kerenah pentadbiran, menyusahkan rakyat! Berbaris untuk mendapat RM625.00. Kenapa tidak naikkan 30 sen? Tidak payahlah hendak ubah, hendak pergi ke *post office* untuk berdiri sampai dua, tiga jam. Motosikal-motosikal pula pergi ke pejabat pos untuk dapatkan RM150.00. Ada pula yang tidak bayar *road tax*, balik sahaja. Bukankah ini menyusahkan rakyat? Mudah sahaja. Ini naik, lepas itu kononnya kerajaan prihatin. Prihatin apa? *Simple* sahaja.

Saya tidak hendak ulas panjang-panjang, tetapi itu cukup sudah. Namun begitu, kalau baca pandangan Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir, dia sebut dalam ulasannya, antara lain, "Apabila Ringgit Malaysia yang dahulunya kita ikat dengan Dolar Amerika, RM3.80 sen, kita sudah ubah supaya ditentukan oleh kuasa pasaran". Akibat daripada itu, harga minyak dalam Dolar Amerika. Akhirnya apabila kita import bahan-bahan mentah dan bahan binaan, kos naik sampai 20%. Ini juga merugikan kita yang menyebabkan kenapa kerajaan terpaksa berbelanja besar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tengok apa pun yang diberi alasan, rakyat tidak boleh terima. Saya hendak beritahu ini, kalau Barisan Nasional hendak mendapat sokongan dalam pilihan raya yang akan datang, okeylah, kekalkanlah harga minyak sekarang ini. Sokonglah usul ini. Habis hancur pilihan raya ke-13 ini!... *[Tepuk]* Saya orang Bebas, saya tidak duduk mana-mana. Saya cuma bagi nasihat, nasihat orang tua... *[Ketawa]* Nasihat orang berpengalaman.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selepas itu dinasihatkan pula rakyat supaya berjimat-cermat. Potong gaji 10%, amboi! 10%, tetapi kemudahan menteri, timbalan menteri, setiausaha politik kakitangan kerajaan, minyak *free*, kemudahan-kemudahan lain lagi *free*. Apa sangat 10%? Bukan sahaja untuk pihak kerajaan, pembangkang pun sama juga. Sudah ada empat orang Menteri Besar sekarang ini. Ada yang sudah naik kapal terbang kelas ekonomi. Wah!! Hebat juga. Kalau betullah hendak potong, potonglah biar munasabah. Biar ada kesan betul!

Jika hendak menjimatkan duit kerajaan ini untuk kepentingan rakyat, banyak cara lagi. Saya hendak tanya ini. Ini maklumat yang saya terima. Nombor satu, sekarang ini pihak kerajaan, Kementerian Penerangan menggunakan JASA, mengadakan perjumpaan ketua-ketua cawangan UMNO dengan Perdana Menteri, menggunakan duit Kementerian Penerangan. Adakah ini bukan membazir? Untuk kempen pemilihan UMNO... *[Tepuk] [Dewan riuh]* Bukankah ini duit kerajaan? Yang laporkan kepada saya ini ialah ketua-ketua cawangan sendiri...

**Beberapa Ahli:** Jawab, jawab! Jawab balik!!

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Apa maknanya sangat 10%? Sama juga dengan pihak pembangkang, sama jugalah!... *[Ketawa]* Naik kapal terbang ekonomi. Saya hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh pilihan raya akan datang ini diubah supaya jangan benarkan lagi mana-mana pihak bertanding dua kawasan, Parlimen satu, *state* satu. Membazirkan duit rakyat! Macam mana hendak jaga dua kawasan? Dua kawasan, dua gaji. Tidak cukup dengan potongan, tidak cukup dengan naik kapal terbang ekonomi kelas. Kalau boleh, tolak gaji. Yang Ahli Parlimen, terima gaji peringkat ADUN, ataupun terima gaji Parlimen tolak peringkat ADUN. Baru betul kita ikhlas!! Saya duduk orang tengah ini, saya bebas!

**Beberapa Ahli:** Setuju orang Bebas! Setuju!!

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Kalau betul... Selepas itu, kalau kita boros, kita hendak menegur orang pun, kita pun kenalah betul juga. Sebab saya kenal Tuan Yang di-Pertua, saya kenal ramai ini. Pemimpin-pemimpin dahulu saya kenal, bukan sahaja muka saya kenal, tahi pun saya kenal... *[Ketawa]* Saya kenal... Sebab itu dahulu saya tengok, ada di kalangan mereka-mereka yang pernah, ramai bukan seorang, beberapa orang. Jadi setiausaha sulit kanan, pegang macam-macam jawatan. Duduk dalam rumah-rumah banglo, hebat-hebat kemewahannya, keretanya, ambil duit daripada mana? Ambil duit daripada mana? Semua orang tahu!

Jadi sebab itu, yang boleh menegur orang ini Tuan Yang di-Pertua, yang ikhlasnya Pasir Mas sahaja... *[Ketawa]* Ya, selepas itu Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang seterusnya saya hendak sebutkan pasal masa tidak ada. Keraian-keraian ini, kalau hendak jimat, jimat betul-betul. Ini, belanja keraian, saya tengok cukup mewah. Bila Perdana Menteri melawat, Timbalan Perdana Menteri, hendak tunjuk orang ramai, angkut sana, angkut sini, berapa kos tambang ini? Ini Barisan pula ini, apa tengok-tengok ini... *[Ketawa]* Berapa banyak, berapa banyak habis? Tolong kurangkan ini dan dasar, cara kerajaan mentadbir kewangan. Saya hendak main pukul begitu sahaja. Tidak payah cakap-cakap bersuratlah. Ini satu lagi, dalam keadaan hendak berjimat-cermat.

Kedudukan Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini, bergantung kepada sokongan daripada Sabah dan Sarawak. Orang-orang Barisan Nasional daripada Sabah ini, Sarawak pun satu hal juga. Saya tengok, sekejap-sekejap ugut kerajaan, sekejap-sekejap ugut kerajaan. Sekali Perdana Menteri melawat ke Sabah, RM1 bilion. Dua kali melawat RM2 bilion, pergi Sarawak RM1 bilion, takut mereka ini melompat. Yang ini pula ugut 24 jam... *[Ketawa]*

Saya hendak nasihatkan, kalau tak puas hati dengan Barisan Nasional, masuk pembangkang! *[Tepuk]* Kalau duduk dalam kerajaan, duduk sungguh-sungguh, sokong sungguh-sungguh! Kalau hendak duduk di tengah-tengah, masuk bersama Bebas ini... *[Ketawa][Dewan riuh]* Ini sekejap-sekejap, ugut, sekejap-sekejap ugut, pening rakyat! Saya hendak nasihat, kalau sokong, sokong kerajaanlah. Jangan dok main ugut-ugut, kalau tak hendak, masuk pembangkang. Sekarang tidak... Saya tengok sekarang ini, cara kerajaan mengeluarkan wang, bila timbul tidak puas hati, bunyi hendak lompat, ha nah! RM1 bilion, ha nah! RM2 bilion. Ini dasar kewangan negara. Kena belanja dan hendak umum pun, kena ada peraturannya. Ini ada *effects*nya. Ikut suka hati sahaja.

**■1600**

Saya nasihat ini secara ikhlas. Ini yang Sabah ini, kemudian hendak jimatkan lagi perbelanjaan kerajaan. Dalam menangani masalah kos hidup ini, rakyat di kampung-kampung dia tidak tahu semua. Dia tidak tahu globalisasi, dia tidak tahu semua ini. Hanya yang dia tahu harga barang naik.

Saya hendak beritahu kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, saya hendak beri satu contoh sahaja – penderitaan rakyat. Saya terima beratus-ratus SMS. Pada pukul 11.00 tadi saya terima SMS daripada pengundi di Johor Bahru sendiri. Namanya Encik Din iaitu bekas pegawai *special branch* - DSP. Dia duduk di Johor. Ini yang dia hantar ini.

> *"Yang Berhormat Dato', peniaga jual lebih kurang 50% berbanding dengan harga pasar borong, maknanya naik 50% lebih.*

*Kedua, kebanyakan nelayan pantai Johor seludup ikan terus ke Singapura. Apa pun Singapura yang dapat untungnya".*

Ini Ahli Parlimen Rembau boleh jawab ini, dia kawan baik orang Singapura ni.... *[Ketawa]*

*"Ketiga, pegawai hal ehwal pengguna, rasuah".*

Dia yang katalah. Dia ini bekas pegawai DSP. *"Pegawai Jabatan Hal Ehwal Pengguna, rasuah*", kata dia.

Kalau tidak semua pun mungkin ada. Kalau hendakkan bukti saya tidak bolehlah.

*"Keempat, DO tidak turun buat spot check - gerai pasar malam dan gerai ikan kawasan perumahan.*

*Kelima, peniaga tidak letak harga. Aduh...mahal gila".* Kata dia dalam SMS. "*Ikan kembung RM7.00 tetapi peniaga jual RM12 di kawasan perumahan. Tolonglah Dato', pencen RM1,600 mana nak cukup. Mampuslah anak ini".*

Ini SMS. Ini yang kita bincang, ini yang rakyat hadapi sekarang ini. Ada beratus SMS yang semacam ini. Kita tidak rasa kita boleh bercakaplah sebab kita ada gaji, kita ada elaun, kita Yang Berhormat, kita menteri. Yang pembangkang pun sudah ada menteri besar, ada Ahli Parlimen, ada mewakili dua kawasan lagi. Cakap semua retorik.

Ha, hendak potong ini. Tadi pun ada yang naik basikal datang ke Parlimen... *[Ketawa]* Hendak tunjuk apa ini? Saya hendak cabar yang naik basikal tadi, termasuk Yang Berhormat Padang Serai. Mulai hari ini sampai habis sidang Dewan Rakyat ini, kalau *you* terus naik kereta selepas ini - tidak naik basikal, ini bermakna semuanya hipokrit dan gimik... *[Disorak]* Naik basikal sampai habis sidang Dewan Rakyat ini. Kecuali kalau saya lalu dengan kereta, saya nampak saya boleh ambil, boleh tumpang saya.

Kadang-kadang ini main-main yang banyaknya bukan kerana kepentingan rakyat. Perjuangan yang saya katakan tadi mesti berasaskan kepada... saya ini orang Islam, saya berbalik kepada doa saya tadi. Selama mana pun itulah perjuangan kita, tetapi malangnya sistem kita ini terikat. Saya bercakap perkara yang benar. Saya bukan *side* yang mana-mana, tetapi saya bercakap perkara yang benar.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun fahamkah dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat ini? Sewaktu diumumkan kenaikan harga minyak baru-baru ini, diumumkan pukul berapa? Petang. Pukul lima atau pukul enam. Saya hendak balik ke rumah saya di Taman Melawati habis *traffic jam*, penuh di semua pam minyak sehingga ada rakyat tunggu hendak beli minyak takut harga minyak naik, waktu sembahyang Maghrib pun terlepas dan ada yang tidak sembahyang Isyak hingga ke pukul berapa kerana berebut hendak beli minyak. Ini tidak terfikir dan tidak diambil kira waktu mana hendak diumumkan kenaikan harga minyak. Selepas itu kita katakan kerajaan kita amanah, kerajaan prihatin, kerajaan berwibawa! Saya tidak boleh terimalah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kerajaan tahi minyak!

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Siapa itu?... *[Ketawa]* Itu Yang Berhormat Pokok Senakah? Pokok Sena pun reti juga bercakap... *[Ketawa]* Dia mengusik sahaja tu, sebab dia sahabat saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menyampaikan perkara ini memandangkan ia begitu penting kepada rakyat, sampai sekarang pun ada orang bercakap. Ini saya hendak tolong bersihkan imej kerajaan, ada orang main SMS. Jadi saya hendak bertanya sama ini betul ataupun tidak, bayaran sebanyak RM625 untuk rebat kereta dan RM150 untuk motosikal ini dibuat di pejabat-pejabat pos. Ada orang yang kata pejabat-pejabat pos ini pemegang sahamnya, siapa dia? Orang kata ECM Capital Avenue. Berapa peratus saham mereka pegang dalam Pos Malaysia? Daripada RM625 yang dibayar, RM6 bagi tiap-tiap seorang, betul atau tidak? Kalau tidak betul tidak mengapalah, saya tarik balik. Saya hendak tolong bersihkan sahaja. Saya bawa perkara ini sebab saya hendak tolong bersihkan sahaja sebab SMS ini berlegar setiap hari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Mas, sila gulung.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Gulung dah? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan di sini bahawa saya dalam hal ini tidak terikat dengan sebahagian daripada pandangan Ahli Parlimen Gombak tadi. Kalaulah usul ini dibelah bahagi nanti, Tuan Yang di-Pertua, untuk usul ini, atas perkara ini, saya akan mengundi menentang usul ini. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**4.05 ptg.**

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Rembau yang menyatakan bahawa sekarang ini kita berhadapan dengan dua krisis serentak. Sebenarnya ia bukan dua, tetapi tiga. Selain daripada krisis makanan, krisis minyak, kita juga berhadapan dengan krisis kepimpinan. Apabila krisis kepimpinan ini tidak dapat ditangani dengan baik, maka krisis minyak dan krisis makanan akan pasti ditangani dengan cara yang tidak berkesan dan cara yang tidak bertanggungjawab.

Saya ke depan untuk menolak usul yang dibawa, kerana saya melihat bahawa tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu tindakan yang tidak prihatin, yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab, walaupun usul ini dibawa oleh abang saya sendiri... *[Disorak]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Krisis keluargalah itu.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya bukan kelulusan daripada *Oxford*, tetapi bukan semua yang tidak lulus *Oxford* itu tidak pandai, dan bukan semua yang lulus *Oxford* itu pandai. Saya rasa apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bagan tadi cukup jelas. *Unprecedented* yang dimaksudkan ialah kadar kenaikan harga minyak yang ditetapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional tanpa berbincang dengan secara yang bertanggungjawab dengan rakyat, dan wakil-wakil rakyat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Marang, perbincangan ini sebenarnya agak lewat. Ia menjadi satu perbincangan akademik seperti mana juga soal *Supplementary Budget* yang kita bahas dulu, perkara sudah buat, duit sudah belanja baru hendak dibawa bincang. Keputusan yang diumumkan pada 5 Jun sedangkan sidang Parlimen berakhir pada 29 Mei, seolah-olah satu tindakan yang disengajakan supaya keputusan yang ingin dibawa tidak dapat dibahaskan dengan mantap, dengan menyeluruh oleh wakil-wakil rakyat yang diamanahkan oleh rakyat untuk membela nasib mereka.

Di sini saya hendak ingatkan wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional. Yang Berhormat-Yang Berhormat dipilih untuk membela nasib rakyat, khususnya wakil-wakil rakyat daripada Sabah dan Sarawak yang mana impak kenaikan harga minyak ini paling dirasai di negeri-negeri mereka. Janganlah amanah yang diberikan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk membela nasib rakyat di Sabah dan di Sarawak dikorbankan demi restu daripada pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional.

**■1610**

Jangan ikut contoh Wakil Rakyat Negeri Johor... *[Ketawa]* Yang mana pada hari bila diumumkan keputusan kalahnya kita, Pulau Batu Puteh, semuanya menangis, '*crocodile tears'*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sedihnyalah kami, malangnyalah nasib rakyat kami, datang menangis, melalak, tetapi dua hari kemudian bila datang Yang Berhormat Menteri yang menyatakan sebenarnya bukan kita kalah, kita menang, Wakil Rakyat Barisan Nasional Johor diam, sokong.

Seperti mana sekarang, jangan cakap tentang soal levi IPP. Kita tahu bahawa apa yang dilakukan oleh Wakil Rakyat Barisan Nasional hanya dengan izin, *parroting*, apa yang diucapkan oleh pemimpin-pemimpin mereka. Keuntungan yang telah diperoleh oleh IPP telah berlaku bertahun-tahun tetapi sekarang ini bila pemimpin yang menyatakan hendak kenakan levilah, *windfall tax*lah, maka tiba-tiba semua menyokong, tidak patut, tidak adil.

Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat mengharapkan tindakan dan keputusan yang tegas daripada semua wakil rakyat. Tindakan yang dilakukan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, tuju kepada...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ucapan tuju kepada Speaker.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, baiklah. Saya takut karang kalau berhadapan dengan memandang Speaker, Speaker ingat saya marah Speaker... *[Ketawa]* Saya tidak marah Speaker. Tidak marah abang saya pun, pasal saya tahu ini bukan keputusan dia seorang.... *[Ketawa][Tepuk]* Ini merupakan keputusan Kabinet dan dia sebut hendak naikkan harga bulan Ogos tetapi esoknya tiba-tiba naik. Kita kasihan dia juga... *[Ketawa][Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempertikaikan usul ini. Dia kata fenomena kenaikan harga minyak ini membawa impak negatif kepada negara kita, sedangkan kita semua tahu kita ini pengeksport minyak, naik harga minyak, kita untung banyak, semua sudah setuju. Persoalannya, cara bagaimana kita menentukan bahawa keuntungan yang kita perolehi ini akan dimanfaatkan oleh rakyat jelata. Ianya tidak merupakan satu impak negatif. *We are a nett-exporter*, dengan izin, naik harga minyak, setiap satu USD kenaikan, kita mendapat keuntungan USD250 ribu sehari. *For every 1USD increase*, dengan izin.

Maka bagaimana kita boleh kata ianya merupakan impak yang negatif. Setiap negara pengeksport minyak, bila harga minyak naik, mereka berseronok kecuali Malaysia. Rakyat merana. Mereka diminta untuk menanggung kos kenaikan ini dan wakil rakyat dari Muar mengatakan ini memang patut.... Mana pergi Muar ini?.. *[Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Muar]* Kerana rakyat selama ini hidup mewah. Mungkin dia nampak sahabat-sahabat dia yang hidup mewah, dia tidak tahu keadaan rakyat jelata... *[Tepuk][Disampuk]* Ada yang terpaksa menghentikan menghantar anak-anak mereka pergi tuisyen. Ada yang terpaksa menghentikan perancangan pendidikan dan sebagainya oleh kerana kos kehidupan telah naik dan telah meningkat.

Kita mendapat keuntungan daripada minyak. Kita mendapat keuntungan daripada kelapa sawit. Kita akan mendapat pendapatan yang lebih daripada levi dan *windfall tax* yang akan kita kenakan – akan bertambah, bertambah, bertambah, tetapi bila kita bertambah, tambah keuntungan dengan minyak, tambah keuntungan dengan harga kelapa sawit yang naik, tambah dengan *windfall tax,* kenapa subsidi yang selama ini boleh kita bayar untuk mengekalkan harga minyak *at one ninety two*, dengan izin, RM1.92, kenapa kita tidak boleh kekalkan sedangkan pendapatan kita telah bertambah berlipat kali ganda.

Tadi Yang Berhormat dari Rembau, dia kata harga minyak sudah naik 600% sedangkan kenaikan harga di pam hanya beberapa puluh peratuslah. Itu menunjukkan bahawa kepimpinan sebelum daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini pandai menangani persoalan kenaikan harga minyak dan tidak dilepaskan untuk dikenakan beban seluruhnya ke atas rakyat jelata.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mohon laluan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi saya minta laluan, Yang Berhormat tidak beri, *so* minta maaf... *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, menteri, abang sayalah, senang, dia kata kita tidak mahu mengekalkan satu daya saing yang palsu di dalam industri-industri kita, bagus. Jangan ada daya saing yang palsu. Saya harap kita kenakan dasar yang sama kepada Petronas. Kita boleh dikatakan subsidi Petronas dengan membenarkan mereka mengeluarkan minyak daripada bumi kita dengan hanya membayar royalti yang begitu rendah. *We are subsidizing* Petronas, dengan izin... *[Tepuk]*

Apa salahnya bila kita beri mereka harga yang murah, mereka kembalikan manfaat daripada itu kepada rakyat jelata. Cuba kalau kita tender *out*, dengan izin, satu *oil field*, panggil Petronas, panggil Shell, panggil Esso, buat *bid*, berapa peratus kamu hendak beri kepada Kerajaan Negara Malaysia. Kita nampak sudah pasti Shell akan beri 50%, 60%, 70%, tetapi kita beri kepada Petronas 15%. Kenapa? Supaya kekayaan yang diperoleh oleh Petronas akan dikembalikan kepada rakyat, tetapi rakyat tidak mendapat manfaat.

Kalau kita kata kita tidak hendak subsidi dan kita mahu satu daya saing yang benar, yang bukan palsu, *use the same standard for everybody*, termasuklah IPP, termasuklah Proton, termasuklah Petronas, tetapi sebaliknya syarikat-syarikat yang seperti ini kita membantu, kita memberikan layanan yang istimewa dan kita mohon rakyat jelata tanggung beban. Saya hendak ceritakan satu peristiwa di dalam sejarah umat Islam, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya boleh izin, Yang Berhormat, tetapi...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** ... masa Yang Berhormat ada tiga minit sahaja lagi.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okeylah, tambah dualah. Pada zaman Imam Nawawi Rahimahullah, raja yang memerintah, yang menunggu mendengar berita tentang serangan tentera Tatar, maka Sultan memanggil semua ulama meminta pandangan. Dia hendak minta daripada setiap rakyat jelata dikenakan kenaikan cukai supaya boleh dikumpulkan harta untuk membeli senjata, untuk memerangi tentera-tentera Tatar itu. Semua ulama sokong. Ini ulama UMNOlah... *[Ketawa]*

Yang menolak ialah Imam Nawawi. Dia menolak. Dia kata selagi mana kekayaan dan cara hidup kemewahan raja, emas, gelang-gelang emas yang diberikan kepada hamba-hamba abdi di dalam istana, isteri-isteri Sultan dan sebagainya, tidak diserahkan kepada Khazanah, kepada Baitulmal, selagi mana kekayaan ini tidak dikorbankan oleh pemimpin, jangan suruh rakyat berkorban... *[Tepuk]*

■ **1620**

Ini berdasarkan kepada kefahaman. Apa peranan kerajaan? Kerajaan duduk bukan untuk nak "*lord it over the people".* Untuk nak jadi sebagai raja ke atas rakyat jelata. Kerajaan wujud untuk membela rakyat dan menentukan bahawa suasana yang seperti ini tidak berlaku. Tentukan bahawa kemudahan yang telah dan senang dinikmati oleh rakyat jelata akan diteruskan.

Inilah apa yang kita harap yang akan dilakukan dan sekiranya kita nak korbankan masa sekarang untuk satu masa depan yang tidak tentu, janganlah kita lakukan. Lebih baik untuk pembangunan, kita lakukan dengan satu cara yang tidak menjejas masa sekarang masyarakat dan masa sekarang rakyat jelata. *Don't sacrifice the current for an uncertain future.* Kita kata kita nak koridor-koridor ini, tapi cuba lihatlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang *super corridor,* yang telah menelan belanja berbilion-bilion, apakah hasil daripada itu. Lalu saya mohon menolak dan membangkang usul yang dikemukakan. Terima kasih... *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Orang Sabah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingin turut membahaskan usul mengenai dengan kenaikan harga minyak dan makanan. Saya juga telah mendengar hujah-hujah retorik daripada kumpulan pembangkang... *[Dewan riuh]*

Ucapan yang populis boleh mengelirukan rakyat. Rakyat mana yang tidak marah diapi-apikan. Kita pun rasional, marah juga tetapi kita melihat secara logik akal. Kita melihat bahawa kita tidak boleh korbankan kemakmuran negara kita semata-mata memenuhi tuntutan daripada pembangkang yang tidak bertanggungjawab... *[Tepuk]*

Rakyat harus sedar. Mana ada pembangkang dalam dunia ini boleh menyenangkan rakyat. Kerajaan yang memerintah yang bertanggungjawab menyenangkan masa depan rakyat... *[Tepuk]* Memang tugas kerajaan. Di Israel pun ada kerajaan, di *South Africa* pun ada kerajaan, di Filipina ada kerajaan, di Thailand pun ada kerajaan. Apa tugas dia, bunuh sana sini. Itu tugas kerajaan kah? Kita sedar Tuan Yang di-Pertua, bahawa rakyat menghadapi kesengsaraan. Bahawa rakyat dihimpit oleh masalah kenaikan harga barang-barang ditambah dengan kenaikan harga petrol.

Saya ingin memetik ucapan Raja Saudi Arabia. Raja Abdullah berkata, bahawa Saudi Arabia bersedia untuk mempertingkatkan pengeluaran minyak sehingga 9.7 juta tong sehari. Namun kalau penggunaan dia berlipat ganda, apa juga pendekatan yang dilaksanakan, sudah pasti tidak akan berjaya.

Saya juga ingin menyebut seorang penganalisis ekonomi iaitu Garard Burg, yang menyatakan bahawa apa juga cara untuk mempertingkatkan pengeluaran minyak ini tidak akan berjaya melainkan *stockpile* Amerika hendaklah dilepaskan di pasaran. Ini bermakna Amerikalah hantu besar yang memainkan peranan untuk merosakkan harga minyak di dunia ini.

Saya tidak dengar pun pembangkang mengutuk Amerika. Tidak dengar pun... *[Dewan riuh]* Mungkin dia berkawan, mungkin ada udang di sebalik batu, mungkin ada hubungan sulit... *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Retorik saja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau penganalisis antarabangsa, kalau Raja Abdullah telah menyatakan bahawa harga minyak dunia boleh dibendung dengan syarat...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Amerika melepaskan *stockpile* minyak-minyak yang dia rompak daripada negara orang lain, maka harga minyak ini sudah tentu akan dapat diapungkan dengan yang lebih murah...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Budak sekolah pun keluar habis dah tu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Namun kita tidak dengar Pokok Sena pun. Saya tidak dengar cakap apa ini?

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tunggu lepas ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia putar belit fakta, tetapi dalam Dewan ini tidak boleh putar belit. Semua orang ada akal. Di kampung mungkin boleh. Di sini *don't try my brother*... *[Dewan riuh]*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan cuba-cuba memutar belit fakta di kawasan ini. Ini kawasan orang-orang elit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Nak bagi peluang Yang Berhormat?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor. Nak bagi dia?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sikit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak mahu bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Jangan. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kawasan orang elit la sokong naik harga minyak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan takut. Sebab di sana tidak jelas. Saya mahu perjelaskan sebelum kerajaan yang bertanggungjawab memperjelaskan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya mahu tanya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya percaya.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya mahu tanya Yang Berhormat. Saya mahu tanya perkara yang membangkitkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak beri. Saya tidak beri laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya percaya menteri yang bertanggungjawab boleh meleraikan persoalan dan hujah-hujah yang dilontarkan oleh pembangkang sebentar tadi.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Siapa menteri itu?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab saya dapat mendengar keseluruhan hujah ini merupakan hujah-hujah seperti di alam fantasi... *[Dewan riuh] [Ketawa]* Kita berada dalam alam yang nyata. Kita berdiri di bumi yang sama.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.* Perkara 36(1)(6). Tuan Yang di-Pertua, Perkara 36(1)(6) mengatakan seseorang ahli tidak boleh meluahkan sangkaan jahat kepada mana-mana pihak ahli yang lain... *[Dewan riuh] [Ketawa]* Tetapi apabila...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah, duduk.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Apabila mengatakan bersubahat...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Balik Ipohlah, balik. Ipoh mali kah?

**Beberapa Ahli:** Baliklah, balik. *You are doing it everyday.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ipoh mali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Menyampuk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You* belajar dulu *point of order. If you don't know, you go back to school or you come and see me.* Tidak kena, tidak kena pada tempat dia...

**Seorang Ahli:** *Lesson number one.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak kena. Tidak kena pada tempat dia. Jangan cuba-cuba mengail di laut yang dalam kalau kail hanya sedepa.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Kinabatangan buat fitnah tetapi apakah bukti yang ada?

**Seorang Ahli:** *Lesson number one.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You shut up. You sit down. This is my floor. You shut up. You sit down. This is my floor. You sit down.*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *This is my floor.* Inilah kalau hujah dia kita patahkan, dia jadi liar. Kalau hujah pembohongan dia kita bongkar, dia jadi liar. Tuan Yang di-Pertua, tapi jangan bimbang. Kita bukan liar. Kita seperti kuda berlari untuk memacu...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...kepentingan rakyat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Apa hujah dia?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa yang berdiri ini?

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Bagi hujah dulu. Bagi hujah dulu. Kinabatangan bagi hujah dulu... *[Dewan riuh]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terus, terus. Yang Berhormat Kinabatangan teruskan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Kinabatangan sudah jadi liar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita melihat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ... betapa komitmen, betapa kesungguhan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduk dulu. Saya nak dengar ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nak jadi Gabenor Ipoh tu. Nak jadi Datuk Bandar Ipoh. Alahai.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Kita pohon Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* sama ada fitnah dari Kinabatangan yang katakan pembangkang bersubahat untuk dalam... Adakah benar ataupun tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Saya dah dengar Yang Berhormat. Saya dah lama juga di Dewan Yang Berhormat. Saya duduk kat sini pun saya dengar juga. Jadi saya dengar ucapan-ucapan tadi, tidak payahlah sensitif sangat. Dia bukan kata Yang Berhormat. Dalam 36(6) itu, dia kalau kepada Yang Berhormat yang tertentu kat sini... *[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Apabila Yang Berhormat berucap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** *Lesson number one.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Menyebut apa-apa saja perkara kepada menteri pun, kita dengar juga. Jadi, teruskan Yang Berhormat.

**■1630**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia pun marah. Tuan Yang di-Pertua, selaku wakil rakyat dalam Barisan Nasional kita bukan seperti kerbau dicucuk hidung, kita bukan seperti...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Cuma seperti sapi sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ... dakwaan pembangkang otak kita telah dibasuh.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak. Kita akan membela untung nasib rakyat. Ini tanggungjawab kami. *[Tepuk]* Tugas kami...

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Ini apa hal? Hendak tolong apa?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Duit punya hal.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tugas kami juga memperbetulkan dan memperingatkan kerajaan. Harga minyak kalau sudah tak boleh dibendung perlu dinaikkan tapi dengan syarat kebajikan rakyat yang miskin di luar bandar jangan diabaikan. *[Tepuk]*

Itu jelas. Perjuangan kita jelas bahawa kita benar-benar serius membela untung nasib masyarakat di luar bandar bukan seperti pembangkang lain di bibir lain, di hati lain. Setiap ungkapan ada maknanya, setiap hujah ada tujuannya.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ha, ini naik basikal saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat batu. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu konfrontasi dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hanya ingin dapat sedikit maklumat apakah syarat untuk membela nasib rakyat membantu rakyat yang duduk di kawasan luar bandar ini telah dipatuhi sebelum keputusan menaikkan minyak ini telah dilakukan. Sekarang ini kita lihat harga minyak telah dinaikkan tetapi langkah-langkah untuk membela atau untuk meringankan beban kepada rakyat belum lagi dilaksanakan dan pagi ini apabila kita tanya kepada menteri, kementerian masih mempertimbangkan rancangan dan cadangan. Adakah ini sudah mematuhi syarat dan kalau syarat ini belum dilaksanakan sama ada Yang Berhormat Kinabatangan akan mengambil pendirian menolak usul ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Satu lagi retorik. Tuan Yang di-Pertua, saya ikhlas.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya bertanya kepada kerajaan apakah dengan penstrukturan subsidi, dengan kenaikan harga minyak program untuk pembangunan luar bandar juga akan dikurangkan. Kalau dikurangkan saya kata saya tidak setuju. Ketua kerajaan, Perdana Menteri telah memberi jaminan peruntukan untuk pembangunan luar bandar rakyat termiskin tetap akan diteruskan dan ditambah tanpa dikurangkan. *[Tepuk]*

Memang memerlukan waktu. Ibu yang mengandung pun memerlukan sembilan bulan untuk melahirkan anak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada kahwin hari ini esok dapat anak. Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan. Bukan semua ibu mengandung dia lahir pada masa yang disebut tadi. Ada yang awal ada yang lebih lambat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya memang ada tetapi dia ada waktu Tuan Yang di-Pertua. Bukan hari ini kahwin besok dia ada anak.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Dia sudah mengandung dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kadang-kadang dia sampai mati pun tak ada anak juga tetapi kita bukan ke situ. Itu cuma salah satu contoh yang perlu kita ambil kira. Bermakna kerajaan...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Ada yang belum nikah sudah mengandung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bermakna...*[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana, mana...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu mungkin Yang Berhormat yang tahu. Saya tak tahu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pakatan Rakyat lah itu!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan duduk dahulu. Duduk dahulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pakatan Rakyat lah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat masih jauh lagi kita sebagai Parlimen *first world*. Kalau ada Ahli Yang Berhormat bercakap begitu tolonglah jangan ganggu. Kamu semua tahu peraturan mesyuarat. Saya tidak mahu dengar lagi ada komen-komen seperti yang demikian. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jauh sekali terlintas untuk memikir *first world* Parlimen. Dalam fikiran saya sekarang bagaimana membantu masalah rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan di samping kenaikan harga barang dan minyak lupakan *first world* Parlimen, *first world upcountry*. Fokus untuk membangun masyarakat di luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat, nanti dahulu sekejap. Maksud saya ialah kalau pun Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas, bukankah yang dibahas hari ini adalah untuk rakyat tetapi yang saya dengar tadi semuanya teriak-teriak di antara satu sama lain. Hilang sudah penghormatan di antara Ahli-ahli Yang Berhormat. Malahan ada Ahli Yang Berhormat saya dengar tadi yang apabila bercakap tidak menujukan ucapan itu kepada Tuan Yang di-Pertua. Seolah-olah berceramah dalam balai raya. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah yang saya nasihatkan mereka balik ke sekolah belajar dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, hujah seperti itu pun tidak boleh kerana menjemput... *[Dewan riuh dengan ketawa]* Itu menjemput kekecohan.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Balik belajar sekolah balik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lain kali saya belajar dengan Tuan Yang di-Pertua hujah mana yang boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, hujah yang mahu kita dengar ialah hujah yang tidak menjemput kekecohan. Hujah bernas yang langsung tidak boleh ditegur oleh teman oleh kerana ia bernas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi kalau hujah itu sentiasa provokasi di antara satu sama lain itu bukan lagi menghormati di antara satu sama lain.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hujah saya tidak ada provokasi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** sila, sila Yang Berhormat Kinabatangan. Ada dua minit lagi. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hujah saya untuk memastikan rakyat di luar bandar terbela. Hujah dari pembangkang saya tidak dengar begitu. Walau bagaimanapun, saya terima pandangan Tuan Yang di-Pertua dan pendirian saya meminta kerajaan jangan berlengah. Struktur ini harus dilaksanakan secara bijaksana. Bak kata pepatah jangan yang dikejar tidak dapat, yang dikandung pula berciciran.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kendong!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu bahasa kendong bahasa luar negeri lain. Tempat saya memang itulah bahasanya. Saya guna bahasa saya. *[Ketawa]*

Jadi inilah keadaannya. Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab hendaklah memfokuskan ke arah bagaimana pelaksanaan penstrukturan ini berjalan dengan sempurna. Rakyat tidak sakit, kerajaan dapat memperkukuhkan ekonominya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masa sudah habis Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis sudah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apabila ini dapat kita laksanakan tidak adalah tsunami ini. Tsunami ini retorik. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ramai lagi yang bercakap. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

**4.37 ptg.**

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Singkatkan sahaja Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang tadi daripada rakan-rakan terdahulu pun berucap sudah berapi-api. Yang Berhormat Gombak tadi saya dengar dia berucap begitu.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya membahaskan usul ini. Usul satu lagi projek Barisan Nasional. Pendekatan kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga bahan makanan dan harga bahan bakar di pasaran global amat mengecewakan di semua peringkat. Kerajaan perlu prihatin dan bertimbang rasa dan dalam membuat keputusan yang melibatkan kebajikan rakyat. Keputusan kerajaan menaikkan harga petrol sehingga 40.6%, diesel 63%, tarif elektrik sehingga 26%, menarik balik kawalan harga ke atas bahan binaan utama, simen dan besi hampir serentak menyebabkan semua bahan makanan di luar kawalan. Perkhidmatan, pembinaan, perubatan, pengangkutan, pertanian dan sebagainya naik secara mendadak dan menyeluruh dalam pasaran.

Ini memburukkan lagi dengan kelemahan mata wang ringgit di pasaran pertukaran wang antarabangsa menyebabkan semua harga barangan import meningkat. Kerajaan heboh mengatakan bahawa kos subsidi petrol adalah tidak tertanggung lagi oleh kerajaan tetapi ia adalah satu pengeliruan kerana kerajaan telah mengenakan sejumlah cukai import dan eksais ke atas kereta yang paling tinggi di dunia di antara 100 hingga 200%. Berapakah hasil kerajaan dari cukai-cukai ke atas pembelian kereta ini? Pada jangkaan

saya ia adalah lebih kurang RM10 bilion setahun dan jika dikira dari 1980 sehingga sekarang jumlahnya mungkin sekitar RM280 bilion.

Anggaran ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia telah membayar cukai ke atas penggunaan kereta yang berkali ganda dari subsidi petrol. Untuk keadilan kepada semua rakyat pilihan kerajaan adalah antara dua iaitu menghapuskan langsung cukai ke atas pembelian kereta atau meneruskan subsidi petrol. Sudahlah kereta kita mahal bila kita beli kereta mahal, minyak mahal, tol lagi kena bayar Tuan Yang di-Pertua.

■ **1640**

Apakah kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi membuat keputusan tanpa pertimbangan yang sewajarnya. Mengapa harga petrol dinaikkan dahulu sebelum sistem pengangkutan yang komprehensif, apa jadi yang terdahulunya yang penjimatan yang dikatakan masa dahulunya subsidi petrol ditarik balik dan harga petrol naik, dikatakan untuk pengangkutan awam, perkhidmatan awam, mananya, mananya? Kalau tidak ada alternatif untuk rakyat yang tersepit kerana tiba-tiba Tuan Yang di-Pertua dikenakan kenaikan kos ini.

Mengapa cuma RM625 sahaja diberikan sebagai rebat subsidi petrol sedangkan kos yang meningkat kepada rakyat akibat kenaikan harga petrol ini adalah berkali ganda kerana kos semua bahan pengguna akan naik lebih sekurang-kurangnya 10%.

Kami anggarkan bahawa jumlah rebet sekurang-kurangnya adalah RM2,400. Sistem rebat ini juga lemah kerana jika orang kaya mempunyai lima kereta yang di bawah 1500CC, beliau juga akan mendapat RM3,125 untuk semua keretanya padahal ia tidak memerlukan rebat tersebut.

Seluruh kehidupan rakyat terjejas dengan teruknya dari nelayan yang terpaksa membayar harga diesel yang mahal untuk ke laut, petani yang terpaksa menanggung kos kenaikan baja, racun, benih dan peralatan lainnya untuk bercucuk tanam. Pemaju yang terpaksa menangguhkan atau meninggalkan pembinaan rumah dan ruang pejabat kerana tidak dapat menanggung kenaikan bahan binaan utama, besi dan simen.

Pemandu teksi yang enggan menggunakan meter untuk perkiraan tambang kerana tidak dapat menanggung kenaikan kos petrol dan diesel hinggalah suri rumah yang terpaksa menanggung kenaikan harga barangan kegunaan seharian seperti gula, bawang, daging, ikan, rempah ratus, sayur-sayuran, tepung gandum dan beras di luar kawalan yang naik tanpa kawalan lagi.

Walaupun kerajaan cuba mengaburi mata rakyat kononnya kesan inflasi hanya sekadar 4.2% untuk tahun 2008 dengan menggunakan kaedah perkiraan yang usang dan ketinggalan zaman tetapi hakikatnya rakyat sedang merasai kesan inflasi yang lebih daripada itu.

Daripada laporan yang berautoritatif seperti Pacific Economic Council dengan izin, pakar ekonomi Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Dr. Ismail bin Mohd Salleh dan lain-lain pakar dan badan ekonomi membuat kesimpulan bahawa kadar inflasi sebenarnya di Malaysia sudah melebihi 10%.

Kadar ini semakin meningkat untuk bertahun-tahun ke hadapan. Dengan kata lain kuasa membeli rakyat sudah menurun lebih daripada 10% dan semakin menurun, rakyat semakin miskin kerana perolehan pendapatan berada pada tahap yang abnormal.

Adakah Kerajaan Barisan Nasional rela melihat rakyat sengsara menanggung kenaikan harga dengan menarik balik subsidi ke atas harga petrol dan diesel dan terus membiarkan syarikat-syarikat IPP, *independent power producer* dengan izin menikmati subsidi ke atas gas dan membuat keuntungan yang berterusan ke atas kesengsaraan rakyat.

Cukuplah menzalimi rakyat, sedarilah ada di antara mereka yang bersabung nyawa untuk mengharungi kehidupan harian akibat kenaikan harga barangan. Mereka bertanggungjawab menyuap anak dan cucu mereka dengan harapan melihat mereka mengharungi masa depan yang lebih gemilang.

Hargailah pengorbanan mereka untuk pembangunan negara, mereka telah memberi mandat kepada Barisan Nasional memerintah lebih daripada 50 tahun. Inikah balasannya, pandanglah pula kepada syarikat-syarikat yang memperoleh kekayaan dari poket rakyat seperti syarikat pemegang konsesi tol, IPP dan sebagainya, keuntungan yang diperolehi oleh IPP daripada subsidi gas perlu diagihkan kepada rakyat dengan menurunkan semula harga petrol dan diesel.

Hapuskan tol demi kepentingan rakyat yang sedang menderita untuk mencari sara hidup. Mereka terpaksa menggunakan jalan raya bertol kerana ketiadaan jalan dalam sistem pengangkutan alternatif. Sediakan pengangkutan awam yang lengkap dan efisien bagi mengurangkan pergantungan kepada kenderaan persendirian.

Ini akan menjimatkan kos petrol dan pembayaran tol oleh orang awam. Segerakan perlaksanaan pengeluaran makanan mampu diri atau *self-sufficiency* dengan izin, sediakan *food security* jangan hanya yang dikatakan Yang Berhormat Kinabatangan retorik sebelah sana, retorik, retorik, retorik, kerajaan mampu ini, berapa bilion koridor raya, Yang Berhormat Kinabatangan sendiri mengatakan ini kaki lima, apa yang jadi? Bagaimana, mana duit itu pergi? Negara kita dikatakan negara kaya.

Apakah yang sini, sini semua tidak merasai apa kenaikan subsidi, kita tidak boleh, kita mesti mengolahkan, mengalihkan dan menstruktur semula, tidak terasa tetapi yang di bawah itu. Apakah kita tidak ada rasa hati, tidak ada perasaan untuk mereka, Tuan Yang di-Pertua?

Sediakan subsidi khas kepada rakyat miskin baik di bandar mahupun di luar bandar untuk mengurangkan beban kenakan harga barangan harian sekarang yang tidak tertanggung lagi oleh mereka, bentangkan dalam Dewan yang mulia ini, apa yang kerajaan telah gunakan dan akan gunakan dengan penjimatan RM13 bilion setahun untuk menarik balik subsidi petrol dan diesel baru-baru ini.

Setelah mendengar segala hujah dan perbahasan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai pilihan lain melainkan memihak kepada rakyat untuk menolak usul ini. Kita katakan semua bercakap tentang rakyat, kerajaan sebelah sana membela rakyat, kalau membela rakyat, kenapa dinaikkan, ditarik balik subsidi kepada mereka yang menggunakan petrol, kenapa? Saya tidak faham, satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional ini.

Kepentingan-kepentingan rakyat adalah karamah, saya tidak dapat bersekongkol dengan kehendak kerajaan yang ingin meneruskan agenda menaikkan harga minyak dengan meminta Dewan yang mulia ini meluluskannya, sudah naik dah, apa yang hendak dibahaskan Yang Berhormat Johor Bahru dalam PAC saya memang tabik, saya memang boleh *respect* tetapi apabila masuk menjadi Jemaah Kabinet dia meneruskan cara ini.

Memanglah adiknya mengatakan bukan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, itu adalah tanggungjawab bersama dalam Kabinet tetapi apakah Kabinet tidak merasakan, mungkin Kabinet tidak, sudah terputus akar umbinya kepada rakyat? Ini adalah satu kesedihan yang amat.

Jadi saya menyeru semua Ahli Dewan yang mulia ini menolak usul ini. Marilah kita beri kemenangan kepada rakyat dengan bersama-sama menolak usul ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Kepong. Jangan panjang sangat Yang Berhormat Kepong, 10 minit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh lima minit. Yang Berhormat Kepong bilang tidak panjang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tidak panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, lama sudah tunggu ni, dia orang baru masuk dapat ini. Tunggu daripada pagi lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak akan mendapat bahagian.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ikut peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, sila Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya ikut peraturan. Tuan Yang di-Pertua, dengan usul yang dibentangkan Yang Berhormat Menteri ini memang satu perkara yang mengejutkan semua orang kerana selepas dia naikkan sehingga 63% harganya baru sahaja balik ke Dewan untuk mendapatkan persetujuan memang satu langkah yang bagi saya tidak begitu manislah tu.

Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji semula kerana yang disebutkan Yang Berhormat itu hendak menstruktur semula sistem subsidi ini memang kita semua setuju, kita mesti ada penstrukturan semula kerana kita tidak boleh untuk selama-lamanya memberi subsidi, memang tidak baik.

Walau bagaimanapun cara yang mengejut, yang terperanjat dengan kadar penambahan kenaikan harga itu keterlaluan sangat sehingga menjejaskan rakyat, tambah pula ada bukan sahaja dari Kerajaan Pusat bahkan juga kerajaan tempatan.

**■1650**

Misalnya DBKL tiba-tiba dia hendak naikkan kadar untuk mengutip bayaran letak kereta. Kawasan-kawasan tidak ada meter pun dia akan pasang meter. Pada saat rakyat warga kota mengalami cabaran yang hebat, baru DBKL hendak mengadakan pungutan bayaran letak kereta dan sebagainya. Hal-hal seperti ini tidak sepatutnya wujud pada ketika ini. Saya berharap bukan sahaja kita mesti mengkaji semula kadar kenaikan petrol dan diesel, bahkan kita menghalang semua 144 kerajaan tempatan jangan mengenakan takrif, cukai atau levi yang baru ke atas rakyat Malaysia, itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang mempunyai peranan kerana kita mempunyai persahabatan dengan negara OPEC termasuk Arab Saudi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan inflasi yang kita hadapi walaupun disebutkan 2.9%, saya percaya lebih tinggi daripada itu, mungkin 5%, 6% sekarang. Walau bagaimanapun dengan keadaan sedemikian, selain daripada mempertimbangkan bagaimana kita dapat menggunakan keuntungan perolehan kumpulan Petronas yang setakat ini lebih daripada RM184 bilion. Kalau dengan kenaikan harga minyak, hampir mencecah USD200 mungkin lebih daripada USD200 bilion perolehan kumpulan Petronas sekarang ini dan kita mesti mengkaji macam mana kita boleh menggunakan wang ini. Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Bagan pun mesti dipertimbangkan. Selain daripada itu saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji dari segi mata wang kita kerana inflasi dan sebagainya terlibat dengan mata wang juga.

Adakah masalah wujud dengan mata wang kita kerana kita bergantung sangat dengan mata wang Amerika Syarikat. Sekarang saya nampak pengambilalihan kilang pelincir FL Selinia SPA dengan membayar 1 bilion Euro, baru kita gunakan Euro kerana pihak European Union ada membuat satu tindakan, satu langkah yang wajar kerana diwujudkan Euro dengan EU mempunyai GDP dunia mempunyai hampir 20% atau 25%. Mungkin senator boleh terangkan 20%, 25% dan dengan kestabilan Euro ini memang satu kecabaran kepada dollar Amerika. Bukan sahaja kita ada satu mata wang antarabangsa yang tunggal, kerana kita tambahkan Euro, mungkin kita akan ada Dinar ataupun mata wang Asia saya tidak tahu.

Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji apakah kedudukan mata wang ringgit kita ini di dalam saat yang cemas ini supaya kita dapat mempertahankan kedudukan Malaysia ini. Seterusnya... ada berapa minit? Lima minit lagi ya? Lima minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka kalau Yang Berhormat bagi Kepong bercakap *addressing to me.*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang kita berusahalah untuk memberi cadangan yang bernas kepada pihak kerajaan. Kita haraplah pihak kerajaan dapat

mempertimbangkan dan jangan menampalkan kersik di buluh sahajalah, itu memang tidak baik. Tiba di perut dikempiskan, tiba di mata dipicingkan, tiba di dada dibusungkan. Jangan buat macam itu, kita mesti adil kepada semua pihak.

**Seorang Ahli:** Karam Singh Walia.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Ketawa]* Karam Singh Walia. Dengan ini yang pertama Tuan Yang di-Pertua dengan cepat, mengenai langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan memang hendak kekalkan subsidi gas masak RM1.75 sekilogram bagi mengurangkan beban isi rumah. Saya berharap ini dapat dikekalkan dan ini memang satu langkah yang betul.

Walau bagaimanapun dengan bekalan beras kerana kita kekalkan beras Super Tempatan 15% dan adakah stok penyimpanan cukup kerana pihak Thailand membenarkan 100 ribu tan sahaja. Di mana lagi kita boleh dapat beras? Pihak kerajaan termasuk Yang Berhormat menteri, bagaimana peranan kilang-kilang selain daripada BERNAS, kilang-kilang tempatan apakah peranan mereka di dalam membekalkan beras ini. Adakah mereka masih mengeksploitasikan keadaan? Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil perhatian dan juga saya nampaklah ramai yang beratur untuk mendapatkan potongan rebat bagi kenderaan, motosikal dan sebagainya.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada kita bagaimana wang rebat ini dapat dihulurkan dengan cara yang adil kepada semua pihak. Memanglah begitu ramai untuk beratur berbaris, berebut-rebut untuk wang rebat ini. Selain daripada itu mengenai kuota kemudahan kad *fleet* ini untuk pengusaha pengangkutan awam dan sebagainya. Di sini saya hendak menekankan bahawa kita perlukan pengangkutan awam yang lebih teratur dan lebih efisien seperti yang disebut oleh Yang Berhormat menteri hendak efisien, hendak kompetitif, daya bersaing yang lebih tinggi.

Akan tetapi tiba-tiba kita nampak pada sebelah satu pihak kerajaan tempatan hendak naikkan bayaran letak kereta, pada sebelah yang lain pihak pengangkutan awam tidak meningkatkan *efficiency*, tidak meningkatkan *competitiveness*. Kalau disebutkan rapid KL, kita boleh nampak bukan sahaja tidak rapid, slow KL memang namanya. Ini memang masalah. Bukan *rapid*, memang slow. Jadi kita mesti *rapid*kan KL itu. Begitu juga dengan monorail, komuter, dan LRT. Komuter dia kata 20 minit satu komuter datang. Akan tetapi kelewatan dan tambah pula kalau hendak tambahkan efficiency memang patut di buat satu komuter untuk setiap 5 minit atau 10 minit.

Itulah masalahnya, kerana tidak ada masa, kita tidak boleh meneruskan perbincangan ini dan takrif elektrik. Memang pihak TNB kutip wang kerana ada segelintir orang yang mencuri elektrik, tenaga. Ada orang yang jahat, mesti kita bendungkan. Walau bagaimanapun ada cara-cara untuk mengutip kerana dia ada peraturan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun kadang-kadang tidak munasabah. Kalau Yang Berhormat tidak buat apa-apa, ada meter letak di situ, Yang Berhormat tidak berniat jahat apa pun tidak dan tiba-tiba terima mesti bayar pampasan RM20 ribu kerana meter itu tidak betul. Yang Berhormat kata "Saya tidak buat apa-apa, tidak usik pun". "Tidak boleh kerana Yang Berhormat pemilik rumah, kalau tidak berlaku pun ada meter tidak betul, mesti bayar". Itulah cara.

**■ 1700**

Saya berharap Yang Berhormat dapat menghentikan cara-cara yang kurang adil. Itu mengenai bekalan elektrik.

Mengenai meningkatkan jaringan keselamatan sosial, memang kita mesti kaji. Ini kerana tiap-tiap kali kita nampak sama ada wang ini disampaikan kepada sasaran termasuklah kita hendak ada dua sistem pam di sempadan kita, satu untuk orang tempatan, satu untuk orang asing dan sebagainya. Saya tidak mempertikaikannya cuma adakah sistem seperti ini berkesan? Dua pam di sempadan, dua jenis pam. Ini untuk jaringan keselamatan sosial pun begitu juga, kita mesti ada cara yang berkesan untuk mengesan orang-orang OKU ataupun rakyat kurang upaya yang benar-benar memerlukan bantuan.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji semula kadar kenaikan petrol dan diesel dan juga mengkaji setakat mana mata wang ringgit kita dapat mempertahankan serta memperbaiki kedudukannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Pasir Salak.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan ganggu dia.

**5.01 ptg.**

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kita menghadapi penstrukturan semula subsidi minyak ini, ianya melibatkan kenaikan harga dan juga pengagihan subsidi yang lebih saksama kepada pihak-pihak yang berhak sepatutnya boleh dapat subsidi dan pertolongan daripada kerajaan. Banyak telah diperkatakan jadi saya ingin dulu pergi kepada cadangan untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri iaitu pertama sekali mengawal kenaikan harga barang-barang yang mungkin akan berikutan berlaku akibat kenaikan harga minyak ini.

Suka saya ingatkan bahawa terdapat pihak-pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang-barang yang tidak sepatutnya dinaikkan. Kalau tidak dikawal dengan baik, ianya akan menjurus kepada inflasi bagi negara kita. Pada masa ini, inflasi dikatakan di antara 3% hingga 4% dan dijangkakan akan naik kepada 5% atau 6%. Ini angka rasmi mengikut laporannya tetapi kalau kita pergi kepada sub *sectors*, kita dapati bahawa kadar inflasi ini mungkin lebih tinggi lagi di sektor-sektor tertentu. Jikalau sekiranya inflasi sudah tidak terkawal, ia akan menjejaskan ekonomi negara sebagaimana perindustrian juga mungkin akan terjejas. Sekiranya ini berlaku bahawa ekonomi kita akan menghadapi satu suasana yang kritikal dan mungkin juga melibatkan *cut back* dengan izin dari segi *production* dan daripada itu akan berlaku pengangguran yang mungkin akan menimbulkan masalah kepada negara kita.

Ini akan membawa kepada satu tahap lagi iaitu *stagflation* di mana ekonomi negara akan menjadi tidak berkembang dan mungkin menguncup. Apa yang saya maksudkan di sini ialah jangan biarkan kenaikan harga minyak ini akan digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengambil kesempatan menaikkan harga secara sewenang-wenangnya yang mana akan membawa masalah yang lebih besar kepada ekonomi negara dan rakyat kita.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu penguatkuasaan biar benar-benar berkuat kuasa dan dilaksanakan dengan berkesan.

Walaupun Yang Berhormat Menteri dalam jawapan kepada satu, dua soalan pagi tadi memberikan laporan kepada Dewan ini bahawa satu bentuk organisasi yang hebat dalam penguatkuasaan untuk memastikan harga barang-barang tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Namun semua kita sedia maklum ada kejayaan tetapi pada keseluruhannya tidak begitu berjaya.

Jadi ini perlu diambil perhatian yang serius, kita tidak mahu atas namanya sahaja ada penguat kuasa-penguat kuasa. Akan tetapi penguat kuasa-penguat kuasa ini mungkin bekerja, mungkin bekerja kuat tetapi kerja kuat tidak bermakna menjamin keberkesanan dari segi apa yang mereka lakukan. Apa Yang kita mahu ialah keberkesanannya supaya harga barang-barang tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

Perlu saya ingatkan di sini Tuan Yang di-Pertua, di Amerika umpamanya harga petrol juga naik tetapi kadar inflasinya terkawal. Ini kerana barang-barang yang tidak ada hubung kait dengan kos kenaikan harga petrol yang menaikkan harga barang-barang mereka. Akan tetapi di negara kita ini apabila sebut sahaja harga petrol naik, semua orang ambil kesempatan untuk menaikkan.

Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, budaya masyarakat peniaga Malaysia ini begitu mementingkan diri. Jikalau kita *check financial statement* dengan izin, kebanyakan syarikat-syarikat membuat untung dengan kadar margin yang begitu tinggi, 40%, 50%, 60% *kind of profit* dengan izin. *This is very bad business community we have in this country* Tuan Yang di-Pertua kalau dibandingkan masyarakat berniaga di negeri yang lain. Kita ambil Jepun umpamanya, syarikat kontraktor Jepun yang melaksanakan projek pembangunan *construction* umpamanya, mereka tidak mengambil keuntungan sampai 30%, 40%, mereka sudah cukup dengan kadar 5% ataupun 10%. *Percent* yang lebih itu menjadi kos kepada rakyat.

Saya minta pihak Yang Berhormat Menteri dan Kabinet memikirkan bagaimana masalah ini dapat kita kawal supaya syarikat-syarikat tidak membebankan kos kehidupan rakyat. Saya ambil contoh umpamanya peniaga kereta import. Peniaga kereta import mengambil keuntungan Masya-Allah, satu kereta Mercedes, untung RM100 ribu, RM200 ribu. Ini tidak berpatutan dan membebankan kepada rakyat. Itu yang kedua.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memperingatkan dan mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan penjimatan subsidi daripada langkah menstrukturkan subsidi dan juga menaikkan harga minyak. Wang yang kita gunakan untuk membantu rakyat dalam bentuk subsidi yang lain itu seperti subsidi makanan, beras dan juga untuk tujuan pengangkutan awam, untuk memberi bantuan kepada fakir miskin, untuk memberi itu dan ini semuanya digunakan adalah satu langkah yang amat baik. Memang tidak ada pihak yang sepatutnya menentang. Walau bagaimanapun yang menjadi masalah atau persoalan ialah pelaksanaannya.

**■1710**

Saya minta kepada kerajaan supaya pelaksanaannya benar-benar dilakukan dengan begitu rupa ianya dapat membantu rakyat. Jangan kita ada umpamanya pertolongan, program ini tetapi tidak berkesan dari segi membantu rakyat. Saya ambil contoh, umpamanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diberikan peruntukan RM4 bilion. RM4 bilion diberikan, yang diperoleh daripada penjimatan daripada subsidi yang distrukturkan semula ini. Namun, RM4 bilion ini, kalau tidak diurus dengan betul, tidak dilaksanakan dengan betul ia tidak akan menolong rakyat kerana banyak projek-projek di kampung-kampung yang kononnya untuk penternakan ikan, kambing, lembu. Lembu belum sampai kepada reban, sudah dijual. Di atas lori sudah dijual dan begitu juga bantuan baja.

Sesetengah pihak dalam pelaksanaannya, pegawai-pegawai yang berkenaan akan membawa baja-baja ini kepada petani-petani tidak pada waktu yang sepatutnya. Tidak pada waktu yang perlu digunakan. Akhirnya baja-baja ini tidak digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian tetapi dijual dan wang diambil oleh petani-petani dan dihabiskan begitu sahaja. Banyak contohlah, kalau saya mahu ceritakan ianya akan mengambil masa yang begitu panjang Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, saya pendekkan dengan memberi cadangan jangka panjang iaitu cadangan jangka panjang kepada permasalahan yang timbul kerana masalah yang timbul ini ialah masalah yang besar dan akan berterusan *where there is no end do it*. Tuan Yang di-Pertua *because* harga bahan api ini akan terus naik. Kita melihat kepada sejarahnya, pada tahun 2003 USD25 satu *barrel*, USD25 *two years later*, dengan izin 2005 dia naik kepada USD60 per *barrel* dan pada tahun 2006, naik kepada USD78 kepada satu *barrel*.

Pada 2008, baru-baru ini naik kepada hampir kepada USD140 satu *barrel*. Pada tahun depan, 2009 saya tulis di sini USD200? Maksudnya, pada tahun hadapan kemungkinan harga minyak ini akan terus naik dan terus naik. Dengan sebab itu, kita perlu memahami masalah ini dan mengambil langkah yang panjang, iaitu sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan sebentar tadi mencari punca-punca yang baru dengan membuat penyelidikan dan pembangunan. Pada hemat dan pengamatan saya, sektor kerajaan dan sektor swasta tidak serius dalam komitmen mereka untuk mencari sumber-sumber *energy* yang baru.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan rakan-rakan daripada sebelah sana, atau ingin memberitahu saya sendiri tidak bersetuju kalau sekiranya usul ini adalah menzalimi rakyat atau menindas rakyat. Saya rela keluar kalau sekiranya ini benar-benar menindas rakyat dan menjejaskan masa depan rakyat dan masa depan negara...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Pasir Salak, dok merungut dengan orang sana nu...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Tuan Yang di-Pertua, masalah ini adalah masalah yang besar, di luar kawalan kita masalah apa yang berlaku di Timur Tengah, di Iraq. Kita tidak boleh kutuk Kerajaan Malaysia apabila harga minyak naik disebabkan peperangan di Iraq. Kenapa mesti Kerajaan Malaysia dikutuk apabila masalah ini, masalah yang berlaku ketidakstabilan di Iran. Pengeluaran minyak di Iraq dan berlaku perkara-perkara ketidaktentuan di negeri-negeri lain seperti di Venezuela, Nigeria dan juga di Indonesia yang menjejaskan kestabilan harga minyak ini.

Begitu juga, mengapa Kerajaan Malaysia mesti dikutuk, dihenyak apabila harga minyak ini naik disebabkan oleh spekulator di Amerika Syarikat yang membeli minyak dengan membuat tempahan. Apa yang disebut sini, apa dipanggil *future trading, future contract, whatever it is...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat, sudah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Tuan Yang di-Pertua, jadi kenapa Kerajaan Malaysia yang mesti dihukum? Mengapa kita yang mesti disumpah seranah?

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dah Kerajaan Malaysia yang naikkan harga minyak!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Rakyat yang dihukum, bukan kerajaan!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak, sekarang ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Shah Alam...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, masa Yang Berhormat sudah habis...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sikit sahaja. Ini penutup, supaya jelas. Kita hendak menjaga masa depan rakyat, bukan sahaja kita hendak menjaga rakyat hari ini. Anak cucu tuan-tuan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelaslah itu Yang Berhormat Pasir Salak. Sudah jelas.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudah jelas itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelas, terlampau jelas itu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terlampau jelaslah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis sudah masa.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi, dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas tetapi... *[Ketawa]* pihak pembangkang, dia tidak boleh terima perkara ini. Jadi, walau bagaimanapun, kita boleh jelaskan lagi di luarlah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sila Yang Berhormat Tenggara.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**5.16 ptg.**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]:** Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berani mengejutkan rakyat daripada lena, berani untuk jadi tidak popular, berani berdepan dengan rakyat tanpa muslihat untuk menyatakan yang benar walaupun pahit untuk ditelan.

Tuan Yang di-Pertua, memang isu kenaikan harga petrol dan diesel yang diumumkan oleh kerajaan telah disambut dengan rasa kecewa, rasa marah oleh rakyat. Namun, kita semua tahu dan rakyat sebenarnya pun tahu bahawa kenaikan ini memang sebenarnya tidak dapat dielakkan sama sekali. Kerajaan sudah tidak boleh selama-lamanya menanggung bebanan subsidi sebanyak RM33 bilion setahun seperti apa yang telah pun berlaku sebelum ini.

Gunung pun kalau ditarah, lama-lama landai juga. Tidak usahlah kita pada hari ini, saya perhatikan daripada mula tadi tidak habis-habis dengan pertanyaan mengapa, mengapa, mengapa? Mengapa pengumuman kenaikan harga petrol dan diesel itu dibuat pada bulan ini? Mengapa tidak dibuat pada bulan Ogos seperti mana yang telah dinyatakan? Mengapa naik sampai 40% bagi harga semasa? Mengapa tidak digunakan sahaja keuntungan Petronas untuk mengekalkan subsidi sedia ada? Mengapa tidak di pam lebih banyak lagi minyak yang ada di dasar laut kita, untuk memastikan tambahan beratus ribu tong minyak mentah sehari.

Saya tahu setiap orang daripada kita yang ada di dalam Dewan yang mulia ini bertanggungjawab kepada pengundi dan rakyat kita. Kita semua hendak jadi popular. Ada yang hendak tunjuk yang mereka boleh jadi lebih hebat daripada popular dengan memberikan harapan yang menggunung kepada rakyat, walaupun ia merupakan satu perkara yang mustahil. Namun, pada sesetengah orang mustahil itu tidak penting, yang penting kononnya rakyat dikelirukan agar percaya dengan kemustahilan itu.

Pada yang ikhlas, kita juga membawa mandat daripada rakyat untuk bertanya mengapa semua ini boleh terjadi? Rakyat mahukan jawapan, kita juga mahukan jawapan. Rakyat tidak mahu harga minyak petrol dan diesel naik. Kita juga tidak mahu harga barangan itu naik. Kita boleh berdebat di Dewan yang mulia ini tentang perkara ini sampai bila-bila, tetapi kita juga sayangkan negara kita dan kita tidak mahu rakyat kita menjadi lebih susah daripada sekarang.

Kita boleh sedut sebanyak mana minyak yang kita hendak, jual dengan harga setinggi mana yang ada seperti sekarang. Petronas boleh buat keuntungan mungkin RM150 bilion setahun dan bukan lagi RM86.8 bilion seperti tahun yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, inikah yang kita mahukan? Apa yang hendak kita tinggalkan untuk masa depan? Sanggupkah kita keringkan telaga minyak kita yang sudah tidak seberapa itu, yang kita tahu mungkin akan kering pun pada tahun 2013 atau 2014 dan kering dengan lebih cepat daripada masa yang sepatutnya, hanya kerana hendak jadi popular dan hebat pada masa ini.

Saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat, agar berfikir secara waras dan terbuka dalam soal ini. Memang kita mudah menjadi emosional dalam keadaan-keadaan sekarang kerana desakan daripada rakyat. Namun, kita juga bertanggungjawab untuk membantu kerajaan dalam soal ini.

**■1720**

Bagi saya ini bukan isu politik lagi, ini isu negara dan isu bersama. Ini bukan masanya hendak menangguk di air yang keruh, atau menahan lukah di segentingan. Ini bukan masa untuk melepaskan geram dan beremosi, tetapi berfikir sebagai satu pasukan yang diberikan amanah oleh rakyat secara bersama mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini, demi masa depan negara kita secara bersama. Kita sepatutnya menganggap isu ini melampaui politik kerana kepentingan rakyat terjejas. Ini masanya untuk kita mencari jalan bersama membantu rakyat untuk mengurangkan beban penanggungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya sudah tidak ada pilihan, tidak ada orang yang ada lampu ajaib Aladin untuk menyelesaikan krisis minyak yang serius di dunia pada hari ini. Lagi pun ini bukan isu Malaysia sahaja, ini masalah global, ini masalah dunia. Kita boleh memilih untuk terus memprotes atau terus mendesak hingga boleh menyebabkan ketidakstabilan bagi negara kita. Kita juga boleh memilih untuk menggunakan sentimen semasa membincangkan soal kepentingan politik kita masing-masing tetapi soalan kita, adakah ini yang kita mahukan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harapkan daripada semua pihak ialah kewarasan dan fikiran yang jernih termasuklah kepada pihak kerajaan sendiri. Kita tidak mahu kerajaan nampak lebih panik daripada rakyat. Kenyataan-kenyataan yang penuh dengan nada kerisauan amat merunsingkan rakyat. Kadang-kadang tindakan yang hendak dibuat nampaknya macam *ad hoc* dan kadang-kadang reaksinya bersifat *knee-jerk,* dengan izin. Ada cadangan yang dibuat, rakyat kata tidak begitu rasional. Kata rakyat memang mudah hendak cakap, untuk menjimatkan kita tidak usah makan di luar, kita bawalah bekalan sendiri yang dimasak oleh isteri-isteri yang tercinta.

Ada rakyat yang bertanya, lupakah kita berapa ratus ribu rakyat kita yang menjadi peniaga restoran, yang meniaga di kedai-kedai makan, yang meniaga di warung-warung, yang meniaga di kantin-kantin? Bagaimana mereka hendak hidup kalau kita tidak bantu perniagaan mereka? Ada cadangan hendak suruh rakyat gunakan pengangkutan awam tetapi kata rakyat, sedarkah kita bahawa sistem pengangkutan awam tidak mesra pengguna, tidak boleh diharapkan? Kata rakyat lagi, kerajaan kata hendak tingkatkan sistem pengangkutan, tetapi tidak ada langkah drastik yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, tiap kenyataan yang dibuat oleh kita seharusnya difikir masak-masak. Setiap langkah untuk membantu rakyat jangan dibuat tanpa perancangan yang rapi, kerana itu saya harap apabila kerajaan melaksanakan penstrukturan semula subsidi, setiap aspek harus diteliti. Jangan ada salah guna, jangan ada kebocoran, jangan ada ketirisan, jangan ada lompang yang boleh dijadikan *loophole* untuk pihak-pihak yang tertentu mengambil kesempatan. Pelaksanaan kepada tindakan perlu kemas. Sebagai contoh, pembayaran tunai subsidi petrol dan diesel yang dibuat baru-baru ini nampaknya kurang kemas.

Sepatutnya ada kaedah pembayaran yang sistematik dan berperingkat. Jadi tidak payahlah rakyat berkerumun berbaris sepanjang hari dan pemandangan begini tidak manis bagi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, maka pada hari ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan:

(i) kerajaan mestilah menimbang dan merancang dengan bijaksana apa sahaja cara dan kaedah yang boleh dilakukan bagi tujuan mengurangkan beban rakyat dalam menangani isu ini;

(ii) mengadakan pelan tindakan untuk mereka yang miskin dan berpendapatan rendah terutamanya di bandar iaitu, *urban poor* yang paling teruk terjejas akibat kenaikan harga barangan ekoran kenaikan harga petrol dan diesel;

(iii) memastikan program pembasmian kemiskinan dan rancangan menaik taraf hidup rakyat tidak terjejas ekoran daripada keadaan kewangan semasa;

(iv) menghentikan semua projek mewah yang memakan belanja yang besar, yang kesan langsungnya tidak dapat dimanfaatkan oleh rakyat terbanyak;

(v) mengambil tindakan sekeras-kerasnya kepada mana-mana pihak yang sewenang-wenangnya menaikkan harga barang dengan menggunakan alasan kenaikan harga petrol dan diesel;

(vi) memastikan harga barang makanan dikawal kerana kesannya kepada rakyat akan lebih buruk lagi. Pada waktu yang sama,

import barangan makanan harus dikurangkan, petani dan penternak tempatan harus dibantu dengan modal R&D, dan sokongan lainnya bagi membolehkan mereka terus mengeluarkan barangan makanan yang cukup untuk negara dan mengurangkan import barangan makanan yang mencecah RM12 bilion setahun;

(vii) mengotakan sepenuhnya janji penjimatan yang dikatakan RM13.7 bilion akibat daripada pengurangan subsidi itu yang akan diagihkan semula untuk kepentingan rakyat.

Saya juga ingin mencadangkan supaya satu sistem akaun atau kira-kira penjimatan itu dikemukakan kepada Parlimen setiap enam bulan sekali agar kita akan dapat sama melihat pengagihan sebenar penjimatan itu; dan

(viii) cadangan untuk mewujudkan satu pasukan bertindak atau *task force* yang terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua parti *bipartisan* untuk memantau kesan, dan akibat daripada kenaikan harga minyak dan diesel ini dan *task force* ini harus diwujudkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua ini soal negara, ini soal tanggungjawab kita bersama termasuklah pihak parti pembangkang. Kita semua punyai tugas besar untuk menyokong tindakan untuk membantu rakyat dan negara dalam menangani isu global ini. Berikan keyakinan kepada rakyat, jangan kelirukan rakyat. Sepatah kata Menteri Penerangan kita, "Jangan ambil kesempatan dalam kesempitan". Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Pokok Sena. Pendekkan jangan panjangkan. Sila.

**5.26 ptg.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut terlibat dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hairan di mana janji Kerajaan Barisan Nasional seperti yang disebut oleh rakan saya daripada Gombak tadi. Timbalan Perdana Menteri pada 25 Februari telah pun menyebut bahawa harga minyak tidak akan dinaikkan walaupun selepas daripada pilihan raya. Ini janji yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri. Saya tidak tahu adakah Timbalan Perdana Menteri sekarang ini sudah tidak mempunyai kuku ataupun tidak ada pengaruh dalam Kabinet, sehingga menyebabkan janji yang dibuat bagi mewakili Kerajaan Barisan Nasional sebelum pilihan raya tersebut terpaksa di*overrule* ataupun diambil alih oleh Perdana Menteri sendiri.

Kedua, kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sendiri pada 2 Jun baru-baru ini, harga minyak tidak akan dinaikkan dalam tempoh yang terdekat ini. Ini disebut oleh menteri sendiri. Perdana Menteri pula mengatakan bahawa selepas itu walaupun berlaku kenaikan harga minyak dia tidak membebankan rakyat, tetapi apa yang kita bincang hari ini usul itu dibawa kerana seolah-olah hendak memberitahu bahawa ada langkah-langkah tertentu dan sebagainya.

Hakikatnya bahawa kerajaan terpaksa mengakui, Perdana Menteri sendiri terpaksa mengakui bahawa kenaikan tersebut telah membebankan rakyat lalu beberapa langkah yang diumumkan kemudian daripada itu. Malangnya bagi saya bahawa langkah-langkah yang diumumkan itu sepatutnya adalah langkah-langkah khususnya penjimatan dibuat untuk mengelak daripada berlaku kenaikan harga minyak, tetapi hari ini penjimatan yang dikatakan RM2 bilion yang diumumkan dibuat selepas daripada kenaikan harga minyak diumumkan. Jadi saya lihat bahawa kecelaruan dalam pemikiran pemimpin-pemimpin kerajaan itu sendiri.

Dalam masa yang sama, alasan yang diberikan oleh kerajaan mengatakan bahawa kenaikan harga minyak di negara kita ini terpaksa dibuat kerana ia disebabkan oleh masalah global, kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa. Itu hujah yang diberikan oleh kerajaan, tetapi dalam masa yang sama sebelum daripada itu Menteri Kewangan II

pada 1 November yang lalu, pada waktu itu harga minyak telah pun dilihat ada perkembangan kenaikan. Menteri Kewangan II menyatakan bahawa kenaikan harga minyak global tidak menjejaskan ekonomi negara kita, kerana dia kata bahawa setiap satu dolar kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa, negara mampu menjana pulangan pendapatannya sebanyak RM250 juta satu tahun.

Jadi berasaskan kepada kenyataan Menteri Kewangan II, sepatutnya bahawa kita tidak mempunyai masalah walaupun kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa naik dengan begitu tinggi dan sebagainya, sebab dia berjaya memberikan pulangan keuntungan yang sangat tinggi kepada negara kita. Sebab itu saya katakan tidak ada kewajaran untuk kerajaan menaikkan harga minyak, sebab kenaikan harga minyak dunia itu tidak boleh dilihat sebagai bencana kepada negara kita. Mungkin dia boleh dilihat sebagai bencana kepada negara seperti Thailand yang bukan pengeksport, bukan *nett exporters,* sebaliknya mereka merupakan pengimport minyak, mereka mengimport minyak.

**■1730**

Bagi negara pengeksport seperti mana negara Malaysia ini, kita tidak boleh melihat dia sebagai satu bencana tetapi dia harus dilihat sebagai rahmat seperti mana disebut oleh Menteri Kewangan Yang Kedua kerana dia berjaya membawa pulangan pendapatan tambahan kepada negara kita sebanyak RM250 juta setahun.

Saya lihat bahawa daripada kenaikan harga minyak yang diumumkan oleh kerajaan pada tahun 2006 yang lalu yang terakhir, sehingga baru-baru ini, sudah lebih daripada USD60 kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa telah pun berlaku. Ini bermakna kalau setiap satu dolar kita mendapat pulangan tambahan pendapatan RM250 juta satu tahun, inikan pula pada kadar USD60 lebih kenaikan harga minyak antarabangsa, sudah tentulah 10 ke 15 ataupun hampir RM20 bilion telah berjaya memberikan pulangan keuntungan pendapatan kepada negara kita.

Ini juga telah disokong oleh Gabenor Bank Negara, yang saya pun hairan tiba-tiba meletakkan jawatan dalam Khazanah Holding. Dia juga menyatakan bahawa memang setiap USD1 itu memberikan pulangan seperti mana yang disebutkan oleh Menteri Kewangan Yang Kedua tadi. Jadi sebab itu bagi saya, saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya tidak ada kewajaran alasan global tidak boleh dipakai. Mana dia glokal? Tidak pernah kita fikir soal glokal maknanya glokal dan global. Maknanya berfikir soal global semata-mata kerana bersandarkan kepada kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa kerajaan tidak seharusnya menjadikan alasan-alasan yang saya katakan tadi untuk menaikkan harga minyak di dalam negara kita kerana kita telah berjaya untuk membawa pulangan yang sangat besar.

Yang kedua, sepatutnya kita mesti proaktif, kita mesti positif pemikiran bila berlaku kenaikan harga minyak, kita harus melihat apa peluang yang kita dapat? Ini disebut tadi bahawa, disebutkan kalau tak silap saya Yang Berhormat Batu Pahat, ke mana? Dia kata perlu memberi peluang, peluang untuk berjimat, peluang itu, ya, itu salah satu yang mesti kita lakukan. Berjimat bukan waktu kita tidak ada. Sepatutnya berjimat waktu kita ada. Berjimat mesti bermula dari waktu kita ada. Bila kita dah tak ada hendak berjimat apa? Hendak mentekedarah pun tak ada.

Sebab itu saya katakan bahawa dalam suasana ini, kita mendapat pulangan keuntungan yang besar, harga minyak dunia naik, kita mempunyai lebihan daripada penggunaan dalam negara kita hampir 200,000 tong. Ya 200,000, semuanya 600 ke 700 lebih, 200?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** 250 tong.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** 250 tong satu hari. Maknanya, sepatutnya ini telah memberikan pulangan yang besar kepada negara kita. Sepatutnya kita harus melihat bahawa waktu harga minyak dunia naik ini, bagaimana kita hendak menambahkan lagi pendapatan selain daripada apa yang disebutkan oleh Menteri Kewangan Yang Kedua.

Saya telah menyebut dalam perbahasan Belanjawan Tambahan pada sesi yang lalu, antaranya kita harus tukar transaksi minyak ini daripada dolar kepada euro. Tak tahulah kot kalau kerajaan sendiri yang takut dengan Amerika? Atau kerajaan sendiri yang menjadi alat, menjadi pakyit kepada Amerika? Menjadi budak suruhan kepada Amerika. *[Dewan riuh]*

Dunia sedang menyaksikan bahawa kejatuhan dolar. Kenapa kita masih berpegang kepada transaksi minyak kita ini menggunakan dolar? Sepatutnya kalau kita tukar kepada euro, saya menjangkakan bahawa antara 10% ke 15% kita boleh menambahkan lagi pulangan pendapatan, pertambahan pendapatan kepada negara kita. Kenapa keengganan? Saya persoalkan. Kenapa keengganan Perdana Menteri sendiri, selaku Menteri Kewangan untuk melihat ini merupakan antara perkara yang boleh membawa pulangan kepada negara kita? Saya percaya bahawa kalau dengan kita tukarkan kepada euro, kita bukan sekadar boleh menambahkan pendapatan sebanyak RM14 bilion seperti mana penjimatan daripada pengurangan subsidi baru-baru ini. Sudah tentulah bahawa dengan jumlah yang lebih.

Yang kedua saya sebut dalam Belanjawan Tambahan dalam sesi yang lalu. Iaitu kita seharusnya sudah pun menggunakan *windfall tax* ataupun cukai durian runtuh untuk industri minyak ini khususnya kepada syarikat-syarikat yang cari gali minyak. Sebab mereka pun dapat keuntungan. Syarikat-syarikat Shell daripada Amerika. ExxonMobil, Total, Ludin, banyak lagi syarikat-syarikat, merupakan syarikat-syarikat luar selain daripada syarikat nasional kita iaitu daripada Petronas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jangan lupa masa Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Adakah kita takut dengan syarikat-syarikat Amerika untuk mengenakan cukai durian runtuh? Seolah-olah kerajaan mengizinkan mereka untuk membawa pulang keuntungan-keuntungan yang lumayan daripada harga minyak dunia yang sedang meningkat ini untuk mereka bawa pulang ke negara mereka. Sebab itu saya katakan bahawa, kalau kerajaan boleh mengenakan seperti yang disebutkan *windfall tax* kepada IPP kepada kelapa sawit dan sebagainya, minyak sawit dan sebagainya, kenapa kita tidak boleh mengenakan cukai durian runtuh ini untuk menambahkan pulangan kepada negara kita?

Kalau satu tong saya katakan kita kena cukai durian runtuh, untuk USD10 satu tong, maka sudah tentulah bahawa dengan 600, 700 ribu tong satu hari, pulangan keuntungan yang sangat besar yang lumayan yang akan dapat kita perolehi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya seronok dengar Yang Berhormat tapi jangan lupa masa ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan. Boleh sikit? Sikit sahaja. Boleh. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Jangan, jangan kacau. Sebab itu..

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Menyampuk][Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya tak ganggu Yang Berhormat sebab saya tengok Yang Berhormat tu nampak macam layak menjadi Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tadi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa dia? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, sudahlah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sebab itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata layak menjadi Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu pada masa depan. Sudahlah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya di mana dia belajar ilmu ekonomi dan kewangan ini? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, apa..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, masa. Masa, masa, masa.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa. Jangan lupa masa.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya, ya. Saya belum sampai masa saya lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah saya tengok Yang Berhormat sudah...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Hai, belum baru sahaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Janji tadikan kasi pendek. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya. Sekejap. Sebab itu saya katakan bahawa kerajaan harus mempunyai pemikiran yang proaktif. Saya takut nanti apa yang Perdana Menteri umumkan itu selepas dia bangun tidur. Dak, fasal apa, ini baru tiba-tiba selepas kenaikan harga minyak, hari ini kita akan bayar gaji dua kali sebulan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tak baik cakap begitu. Jangan...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ... untuk hendak meringankan masalah kepada kakitangan kerajaan. Adakah ini satu pengumuman yang dibuat untuk melegakan kakitangan kerajaan sektor awam? Saya kata, tak nampak dan akhirnya kita lihat hari ini bila dibantah sendiri oleh CUEPACS, oleh persatuan, oleh kakitangan sektor awam, kerajaan sendiri pun mungkin akan hendak tarik balik tak jadi pula lepas ini. Sebab kakitangan kerajaan bukan hendak gaji dibayar sebulan dua kali. Hendak gaji lebih daripada yang ada. Itu baru betul, itu baru meringankan.

Sebab itu saya mengatakan bahawa, kerajaan cuba menakutkan Tuan Yang di-Pertua. Kononnya minyak kita akan habis, simpanan minyak kita akan habis 2014. Sedangkan apa yang berlaku sekarang ini dalam tahun 2006 umpamanya, total rizab BOE yang terdapat dalam negara kita ialah 25.85 bilion BOE tahun 2006. Dalam tahun 2007, 26.49 bilion dalam negara kita. Saya katakan bahawa rizab minyak ini habis kalau Petronas tak cari gali. Adakah selepas 2014 ini, bila kita terus beri subsidi, tingkatkan subsidi maka Petronas akan tutup? Sebab dia tak cari gali, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Sebab itu saya katakan bahawa, yang penting sekarang ini bahawa Petronas mesti terus untuk mencari gali dan saya percaya bahawa akan ada hasil penemuan minyak-minyak yang baru. Contohnya di sempadan Sarawak,ada dulu Shell cari gali. Tak ada dia *give-up*. Sekarang masuk satu *company* baru, tiba-tiba di tempat yang sama cari gali, ada minyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya hendak katakan bahawa *replacement ratio* yang terdapat dalam negara kita tahun 2006 ialah1.8 liter.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak kasi laluan. Sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** 1.8 liter, ini menunjukkan bahawa setiap satu liter minyak yang kita sedut maka digantikan dengan tambahan yang baru 1.8 liter. Jadi saya katakan bahawa satu benda yang, rezeki yang, nikmat yang Allah S.W.T. berikan kepada kita. Jadi sebab itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak katakan bahawa penggulungan, saya hendak gulung ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari tadi hendak gulung.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Persoalannya ialah bagaimana kerajaan menguruskan kekayaan dalam negara kita yang dapat dengan lumayan ini? Kita habis, baiki rumah Perdana Menteri RM15 juta! Baiki rumah Perdana Menteri baru duduk RM15 juta. Penyelenggaraan, penyelenggaraan rumah Perdana Menteri RM200,000 sebulan. Rumah Timbalan Perdana Menteri RM100,000 sebulan. Kita boleh habiskan untuk dua orang. Kenapa kita tidak boleh menghabiskan untuk rakyat? Sebab itu saya katakan inilah dia kerajaan tahi minyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Potongan elaun telah pun dibuat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Potongan elaun 10%.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Pembangkang tak buat lagi!

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Elaun kerakyatan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Menteri-menteri besar tak buat lagi.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak tanya, di mana orang-orang besar bila dia pergi, dia rai orang? Meraikan rakyat yang ramai?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah habis.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Mana ada dia meraikan orang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Rakyat yang meraikan dia?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** 10% Tuan Yang di-Pertua. Pendapatan Perdana Menteri, anggota Kabinet hanya kurang 10%. Perbelanjaan rakyat bertambah lebih daripada 40%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Adilkah ini? Adilkah ini?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Jadi sebab itu saya harap, saya minta akhir sekali saya minta, saya rayu kerajaan, kembalikan, turunkan harga minyak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ..dan saya cabar. Kalau mereka beralasan bahawa...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Timbalan Menteri Besar bila nak potong elaun?

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...berhak menerima keputusan ini, saya cabar bahawa kalau rakyat terima keputusan kerajaan menaikkan harga minyak, saya cabar bubarkan Parlimen, adakan pilihan raya dengan segera.

*[Dewan riuh seketika]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian.

■ **1740**

**5.40 ptg.**

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Julai 2008 ini iaitu lapan hari lagi, tarif elektrik akan dinaikkan. Adalah dicadangkan agar kenaikan itu ditangguhkan pelaksanaannya ke suatu tarikh lain. Kita yakin dengan penangguhan itu, beban kenaikan kos terutama kepada industri tidaklah berlipat ganda. Tiba dalam masa hampir serentak umpamakan dua kali dipukul ribut.

Dimaklumkan oleh TNB bahawa hampir 65% pengguna akan terkecuali daripada kenaikan itu. Adalah dicadangkan agar peratusan yang terkecuali kenaikan itu ditambah lagi supaya lebih ramai rakyat yang akan dikecualikan dan tidak dibebani dengan kenaikan tarif elektrik mungkin setinggi 90%. Saya kira TNB masih boleh bertahan, masih boleh meraih keuntungan jika pelaksanaan tarif elektrik ditangguhkan demi untuk mengurangkan pukulan berlipat kali ganda kesan rantaian kenaikan kos produk pembuatan yang akhirnya terpindah kepada pengguna.

Kedua, kita perlu dengan bersungguh-sungguh berusaha untuk mengurangkan bebanan rakyat dengan menambah pendapatan mereka. Kita yakin kerajaan tidak akan membiarkan rakyat menderita, kita yakin kerajaan akan mengelakkan rakyat sengsara, akan memastikan rakyat terus dibela.

Ya, kita faham sekarang ini tribulasi cabaran yang dihadapi adalah getir akibat kenaikan minyak. Antara sebabnya permintaan yang terlalu tinggi di negara China dan juga India. Namun rakyat tidak mahu mendengar alasan dan mereka hanya mengharapkan kerajaan akan dapat membantu mengurangkan bebanan yang ada. Oleh itu dicadangkan agar usaha-usaha menambah pendapatan rakyat ditingkatkan.

(i) pasar tani, pasar minggu, pasar malam, pasar tamu wajar terus menjadi sumber pasaran produk murah dan harga patut dan perlu dibanyakkan jumlahnya. Untuk Kementerian Pembangunan Usahawan, premis niaga tiga atau empat pintu di persimpangan strategik kampung dan desa harap dibina. Kantin rakyat yang menjual makanan harga patut elok dilaksanakan;

(ii) pinjaman mudah TEKUN, Mikro kredit, Amanah Ikhtiar, MARA wajar dilipatgandakan bilangan dan disegerakan prosesnya untuk penjaja dan peniaga kecil khasnya;

(iii) jalan-jalan pertanian yang melibatkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar atau Kementerian Pertanian yang berupa jalan tanah merah atau batu kasaran untuk rizab antara kebun-kebun petani di luar bandar hendaklah dibina segera.

Orang kampung merintih tentang kesukaran mengeluarkan hasil seperti sawit, jagung, nanas terpaksa melalui jalan jerlus, tanah gambut atau jalan bubur tanah liat. Pegawai-pegawai pembuat dasar yang tidak mengerti maksud saya ini, jalan jerlus atau jalan bubur silalah segera melawat kawasan seperti Pontian, kawasan luar bandar yang amat perlukan bantuan seperti ini;

(iv) mereka yang miskin ada pendapatan sederhana hendaklah diberi kebenaran untuk menggunakan tanah rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang begitu luas di seluruh kampung-kampung di seluruh negara. Dibenarkan untuk bercucuk tanam kontan seperti pisang, ubi kayu, keledek, nanas agar diaturkan oleh JKKK, diagihkan dengan adil, diberi kebenaran menanam sementara. Usaha ini diyakini dapat membantu menambah pendapatan orang miskin di kampung yang tidak bertanah dalam saat sukar sebegini;

(v) kempen yang boleh diberi nama sebagai Bumi Subur atau Bumi Tani atau Bumi Ternak yang menggalakkan orang ramai menanam sayur-sayuran di sekitar rumah wajar ditingkatkan. Kepada yang mempunyai halaman rumah, membela, menternak

ayam kampung dan ikan keli misalnya untuk makan sekeluarga adalah tindakan yang praktikal. Pendek kata selagi ini berikhtiar dan berusaha, selagi ingin berdikari, tiada gunung yang terlalu tinggi dan tiada lurah yang terlalu cerun untuk didekati, untuk didaki dan dituruni;

(vi) sementara mendaki bukit-bukit itu, sememangnya padi bukan sahaja boleh ditanam di tanah pamah yang berair tetapi juga boleh ditanam di lereng-lereng bukit di kawasan Sabah dan Sarawak khasnya. Ini wajarlah diberi perhatian oleh Kementerian Pertanian;

(vii) IKS Desa hendaklah dikembangkan. Kita telah ada kempen 'Satu Kampung Satu Produk' namun ini sebenarnya tidak tepat. Dalam sesebuah kampung ada berpuluh malahan beratus rumah. Maka bila hanya satu produk untuk satu kampung, pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk memastikan IKS, untuk membina IKS biasanya akan ambil jalan mudah. Tamat kerja dengan hanya memilih sebuah rumah untuk membuat kerepek kentang misalnya; sedangkan kerepek sahaja ada pisang, ubi kayu, sukun, keladi, jenis biasa, manis, masin, pedas.

Jadi satu kampung boleh sepuluh produk atau lebih. Barulah usaha menambah pendapatan rakyat akan lebih bermakna lagi. IKS yang dibina akan mengambil jiran tetangga, ibu tunggal, anak yatim untuk bekerja yang akan menjadikan desa itu makmur dan rakyat yang mempunyai poket dan dompet yang agak tebal isinya di waktu kos meningkat kini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, hikmah waktu sukar menjadikan manusia bertambah pintar. Sumber tenaga boleh didapati daripada pelbagai jenis dan kaedah. Pulau Kapas di Terengganu misalnya menjana elektrik dengan tenaga solar. Rumah Api di Pulau Pisang yang mana Menteri Luar Dato' Seri Dr. Rais berjanji untuk berbincang dengan Menteri Luar Singapura bulan Julai ini untuk Malaysia mengambil alih rumah api itu juga menggunakan tenaga solar, tenaga suria.

Selain itu, ombak, air, angin, sampah, biomass juga boleh membekalkan tenaga. Tebu, jagung, jatropha dan sawit boleh menghasilkan biodiesel. Dalam jawapan sidang Parlimen yang lalu pada soalan saya, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komuniti menyatakan ladang jatropha di Sabah adalah dalam percubaan. Segerakanlah R&D itu. Di Pontian juga terdapat usaha oleh Syarikat Bionas untuk menanam benih jatropha walaupun belum berjaya tetapi ianya telah dimulakan.

Oleh itu, minyak bahan bakar bukan hanya diperolehi di perut bumi tetapi sumber bahan api juga boleh didapati dari atas bumi. Usaha-usaha jangka panjang untuk mengatasi krisis petroleum hendaklah diambil segera secara bersepadu mulai sekarang. Usaha menjana tenaga elektrik dari kuasa nuklear yang telah dimulakan wajar diteruskan.

Tenaga nuklear bukan milik mutlak Amerika, bukan milik mutlak negara maju. Kita mesti ada keberanian yang melampaui batas kerdil untuk berfikiran jauh dan besar bagi menjadikan nuklear sebagai bahan alternatif yang terbukti amat berpotensi untuk dijadikan sumber tenaga yang selamat, kompetitif dan tanpa had masa lupus seperti petroleum.

Saya juga ingin mengutarakan cadangan keempat selepas usaha menangguhkan kenaikan tarif elektrik, usaha menambah pendapatan rakyat selepas membina sumber tenaga alternatif iaitu tentang senarai barang kawalan. Terdapat 12 jenis barang kawalan berjadual. 9 jenis kawalan secara pentadbiran dan 25 jenis barang kawalan musim perayaan.

Pertama, senarai barang kawalan itu wajar dikembangkan dan disemak semula sama ada praktikal ataupun tidak dan setakat mana keberkesanan kawalannya. Termasuk dalam senarai kawalan ini ialah baja kimia tetapi realitinya harga baja naik contohnya baja urea di beberapa tempat. Dari RM68 se beg 50 kilo awal tahun ini telah naik mendadak kepada RM150 se beg 50 kilo, kenaikan 134%. Mengapa ini berlaku dan ia membebankan

petani, kerana urea adalah ibu campuran baja yang menyebabkan baja-baja lain turut naik. Ia perlu dikawal dengan lebih berkesan.

Kedua, racun rumpai lalang yang paling rendah harganya, RM39 untuk 4 liter pada awal tahun ini sekarang naik RM78 untuk 4 liter. Kenaikan sebanyak 50%. Oleh itu dicadangkan agar segala jenis racun untuk pertanian hendaklah dijadikan barang kawalan kerana ianya masih belum disenaraikan. Sementara itu, penstrukturan untuk peruntukan subsidi input pertanian bagi baja dan racun yang telah diumumkan berjumlah RM800 juta oleh Menteri Pertanian dapat kiranya segera dimulakan.

Perlu juga dimasukkan dalam subsidi input pertanian ialah makanan ternakan untuk penternak kecil. Contohnya makanan anak ayam dulu RM66.50 se beg 50 kilo, sekarang naik kepada RM77, kenaikan 16%. Oleh itu, hendaklah kawal dulu kenaikannya dan berikan subsidi kemudiannya kepada yang layak khasnya penternak kecil di kampung-kampung. Mengapakah harga ayam dikawal tetapi harga makanan ayam belum lagi dikawal.

Cadangan ketiga ialah tentang status kenderaan kereta dan motosikal di negara ini. Pembuatan motosikal pada bulan April 2008 ialah sebanyak 47,670 unit dan jualannya 46,918 unit. Jualan kereta pula pada bulan April 2008 ialah 45,723 unit dan kenderaan lain, data jualan Mac 2008 ialah 38,279 unit. Cadangannya ialah agar ada galakan ataupun insentif dari segi harga supaya penduduk memiliki motosikal buatan tempatan bukan yang diimport bagi penjimatan penggunaan petrol dibanding memiliki kereta.

Kemungkinan rebet tunai untuk motosikal perlu ditambah dari RM150 sekarang ini kepada RM250 umpamanya kerana ia adalah kenderaan untuk mereka yang berpendapatan rendah. Tempat parkir motosikal yang selamat di pekan dan bandar perlu ditambah tanpa sebarang caj. Sementara itu, kereta baru mestilah dipasang dengan tong gas NGV dengan peratusan tertentu daripada unit pengeluaran. Mungkin 30% untuk fasa pertama.

**■1750**

Petronas menjanjikan 200 stesen NGV akan disiapkan di seluruh negara menjelang 2010. Saya tidak faham mengapa hanya 200 stesen. Mengapa lambat sangat hingga 2010 baru selesai dan mengapa hanya Petronas yang menyatakan komitmen untuk membina stesen NGV sedangkan stesen petrol dimiliki syarikat selain Petronas seperti Shell, BHP, Esso, Mobil, Caltex adalah 58% daripada jumlah keseluruhan stesen minyak. Mengapa kerajaan belum mengarahkan syarikat-syarikat ini untuk membuka stesen NGV. Mengapa Petronas yang kita arah itu dan ini sehingga melupakan fakta bahawa syarikat lain lebih banyak stesen minyak di negara ini. Saya ingin mengulangi kenyataan Yang Berhormat Batu Pahat bahawa keuntungan Petronas pada 2007 adalah sebanyak RM86.8 bilion, daripada jumlah itu RM52.3 bilion dikembalikan kepada rakyat melalui kerajaan iaitu sebanyak 60%.

Sementara 40% selebihnya digunakan RM7.8 bilion untuk bayaran saham serta cukai asing dan RM26.7 bilion dilaburkan semula. Untuk apa pelaburan itu? Untuk mencari sumber telaga minyak, untuk mencari *world exploration* dengan izin di negara-negara lain demi bekalan minyak untuk masa depan generasi akan datang demi untuk anak, cucu, cicit kita juga. Demi untuk anak, cucu, cicit pembangkang juga. Sementara RM52.3 bilion itu adalah 35.4% daripada pendapatan kerajaan untuk digunakan bagi pelbagai tujuan pembangunan rakyat. Terima kasih Petronas atas usaha luar biasa itu. Kembali kepada faktor iaitu stesen minyak, stesen minyak Petronas sebanyak 903 buah dan jumlah ini hanya 42% daripada keseluruhan stesen minyak di Malaysia. Kita mengalu-alukan tentang inisiatif kerajaan agar di*reserve*kan satu pam untuk kenderaan asing khasnya Singapura dan Thailand supaya kenderaan membayar minyak mengikut harga pasaran. Tunjukkan harga pasaran itu dengan papan tanda yang besar. Tindakan ini dapat memberi tahu dan mengingatkan rakyat bahawa subsidi sedang mereka nikmati setiap kali mengisi minyak di banding dengan harga sebenar pasaran.

Subsidi daripada Kerajaan Barisan Nasional sedang dinikmati oleh semua rakyat setiap kali kita menggunakan kenderaan dan tidak perlu rakyat keluar untuk mengecap hasil mahsul subsidi negara yang bertuah ini. Akhirnya saya memohon menyokong asalkan

rakyat bawahan, rakyat marhaen, rakyat miskin terus kita perjuangkan, terus kita bantu terutama kepada yang daif dan memerlukan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat setakat ini yang telah bercakap 17 orang. Sembilan dari Barisan Nasional, lapan dari pembangkang. Jadi saya mahu menjemput seorang lagi daripada pembangkang supaya kedua belah pihak dapat bercakap bermakna sembilan, sembilan. Selepas seorang nanti saya jemput ini saya jemput menteri untuk gulung perbahasan. Saya rasa sudahlah cukup kita bincang soal ini dan hujah-hujah daripada kedua belah pihak pun sudah kita dengar. Jadi saya mohon kerjasama Yang Berhormat selepas ini. Saya panggil seorang supaya sembilan, sembilan sudah bercakap daripada kedua pihak lepas itu saya menjemput menteri untuk menggulung. Yang Berhormat Kubang Kerian, *last* jangan panjangkan Yang Berhormat.

**5.53 ptg.**

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan usul yang dibentangkan Dewan Rakyat pada hari ini. Saya cukup kesal dan kecewa dengan sikap kerajaan yang membawa usul ini. Setelah kenaikan harga bahan api ini dinaikkan rakyat merasakan penderitaan dan kesusahannya selepas beban dan malapetaka ini dilemparkan kepada rakyat, maka kita terpaksa berbahas tentang rasionalnya kerajaan menaikkan harga bahan api ini. Saya boleh memberikan tabik hormat kepada kerajaan sekiranya usul ini di bentang dalam sesi Parlimen yang sebelum harga minyak dinaikkan. Kalau betul perkataan ikhlas, kalau betul perkataan apa yang dikatakan kerajaan bersedia bermuafakat demi kebaikan rakyat kenapa tidak dipanggil satu sidang khas Parlimen ataupun dalam sesi yang lalu kerajaan membawa usul ini dengan tanggungjawab dan semua Ahli-ahli Parlimen yang mewakili rakyat ini boleh membahaskan tentang perkara yang sangat penting ini.

Akan tetapi hari ini setelah rakyat menderita menanggung segala penderitaan dan kesusahan harga barangan naik di pasaran, barang-barang keperluan terpaksa ditagih oleh rakyat dan pada minggu lepas Tuan Yang di-Pertua, seorang amah pekerja am di Hospital Besar Kuala Lumpur yang makan beras hancur yang harganya dulu RM18 untuk sepuluh kilo hari ini harga beras itu di pasaran adalah paling murah RM28. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kalau betul niat kerajaan ikhlas untuk bersama-sama dengan rakyat bagi membincangkan perkara ini saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa kenapa tidak ditubuhkan satu majlis tindakan. Krisis tenaga yang dalam majlis ini boleh dipanggil semua pakar-pakar sama ada daripada pihak kerajaan atau pihak pembangkang yang ada pada hari ini. majlis ini bertanggungjawab kepada Parlimen ataupun kepada Perdana Menteri untuk membincangkan bagaimana kita boleh memikirkan menurunkan harga minyak untuk kebaikan rakyat.

Ini sepatutnya dipanggil, ini sepatutnya dicadangkan kalau kerajaan benar-benar ikhlas apa yang mereka lakukan pada hari ini untuk kepentingan rakyat. Namun setelah harga barangan naik melambung di pasaran cuba kita tanya kepada rakyat pada hari ini jangan kita berfikir pada perimeter kita iaitu gaji yang puluhan ribu sebulan. Jangan kita berfikir pada hari ini yang pendapatan kita sebagai Ahli Parlimen, wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat kita lupa apa yang berlaku di bawah sana. Rakyat sedang menderita, rakyat ditimpa dengan pelbagai kesusahan akibat daripada kenaikan harga barang. Tadi sewaktu Yang Berhormat Menteri membentang usul ini, dengan nada bersahaja menasihati para-para peniaga supaya jangan menaikkan harga barang. Jangan menaikkan harga barang-barang keperluan rakyat dalam pasaran, berjimat cermat dan seumpamanya. Serupalah dengan seorang bapa yang mengatakan kepada anaknya, “Kamu boleh berkahwin, kamu boleh bernikah tetapi jangan mengandung” ataupun seorang suami yang mengatakan kepada isterinya, “ kamu boleh mengandung tapi jangan beranak”. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua barangan-barangan keperluan rakyat di luar sana melambung dan semakin hari semakin tidak terkawal yang rakyat terpaksa menanggung kesan langsung daripada kenaikan harga minyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wangsa Maju bangun di belakang Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa merayu kepada rakyat supaya berjimat *tighten the belt, so to speak* tetapi kerajaan sendiri, menteri-menterinya sendiri hidup dalam mewah seperti Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa baru-baru ini bahawa 29 Mei, Menteri Wilayah Persekutuan Yang Berhormat Zulhasnan ada pergi ke London dengan lebih kurang 20 orang. Katanya untuk lawatan kerja tapi...

**Seorang Ahli:** Tugas rasmi.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tugas rasmi ya, anak-anak dia juga pergi. Siti Nooriah Ab Razak iaitu bini dia, Muhammad Suhail, Syaira Leana Zulhasnan termasuk pembantu rumahnya Ms Cosmiano Enesacuadrasal, ini Filipina dan mereka duduk di London empat hari daripada 5 hingga 9 Jun 2008.

■ **1800**

Mereka ini semua membuat penerbangan *business class* dan *first class*, dan, ada lagi, jangan bimbang, ada lagi.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ahmad Faisal Talib...

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tidak benar.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...termasuk Datuk Bandar dan isterinya dan...

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** *Point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Let him finish first*. Yang Berhormat,Yang Berhormat *point of order.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nanti, nanti.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Jaga *boss.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia *raised point of order*. Duduk dahulu.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Dia tidak faham *point of order* apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Dia kata *point of order*. Saya mahu dengar ucapan *point of order*.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu maklumat yang tidak benar, memfitnah! Mana bukti?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu tidak ada *point of order*, duduk dahululah. Dia sedikit tidak ada kena mengena. Dia kena pergi belajar bukan jaga *boss* sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua kena belajar dahulu. Duduk dahulu dua-dua. Sebetulnya tadi Yang Berhormat Wangsa Maju, saya mendengar apa yang dihujah tadi. Apabila kita mencelah kepada sesuatu hujah yang sedang dikemukakan oleh Yang Berhormat yang sedang berhujah, yang harus kita tanya adalah perkara-perkara yang ditimbulkan sewaktu berhujah itu.

Bukan menyelitkan perkara-perkara yang menimbulkan lagi satu perdebatan. Seperti tadi Yang Berhormat berdiri. Walaupun dia tidak sebut *point of order*, yang disebut oleh Yang Berhormat itu menimbulkan perdebatan di mana, saya tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat cakap itu yang bayar kerajaankah tidak?

Kedua, yang dia pergi itu lebih banyak manfaat atau tidak? Jadi, soal-soal seperti begitu menimbulkan perbahasan. Jadi lain kali, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang mencelah ini bukan sewenang-wenangnya berdiri, selepas itu memberi masuk hujah lain yang tidak ada kena-mengena dengan hujah yang sedang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang kita minta laluan itu. Oleh sebab itu masa dia, dan apabila dia memberi laluan, masa dia telah terbazir dan kemungkinan yang duduk di sini tidak lagi membenarkan beliau untuk berucap. Sila.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan. Yang lain tidak ada kena-mengena dengan perbahasan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kubang Kerian, sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini, dia cakap tidak serupa bikin dan menteri-menterinya hidup di dalam hidupan mewah. Pergi keluar negeri untuk lawatan kerja, bawa anak-anaknya, konco-konconya termasuk pembantu rumahnya. Itu yang saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kubang Kerian, sama ada itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, Yang Berhormat Wangsa Maju. Ada orang yang umpama...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya, tidak jimat, tidak jimat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, nanti dahulu. Nanti dahulu. Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu kalau Speaker sedang bercakap. Ada orang walaupun dalam kegawatan, dia mampu untuk terbang *first class* dan *business class*. Jadi itu makanya apabila mencelah bertanya, tanya perkara-perkara yang ada hubung kait dengan ucapan yang Ahli Yang Berhormat sedang bercakap itu tahu.

Jangan tanya perkara yang dia bukan *expert* dengan soal itu, kerana itu akan menimbulkan perdebatan. Itulah kadang-kadang kita menghabiskan banyak masa. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak berniat sama sekali untuk menghabiskan masa kamu. Untuk memberi *lecture* tentang peraturan mesyuarat. Kadang-kadang kita membazirkan masa dengan perkara-perkara seperti begitu, menimbulkan kekecohan. Jadi perkara penting terabai. Perkara politik sering kali dimasukkan dan itu bukan kepentingan rakyat pada pendapat saya. Terima kasih. Sudahlah itu, Yang Berhormat Wangsa Maju sudahlah itu.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Jadi itu. Sedikit sahaja, itu yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat daripada Kubang Kerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Itu pun sama juga, dua kali lima itu di sana, dia kacau. *[Menunjukkan kepada seorang Ahli]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wangsa Maju, tidak mengapalah, sudahlah itu, sudahlah itu, cukup.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *So,* saya hendak bertanya Yang Berhormat Kubang Kerian, sama ada puas hati atau tidak mengenai dengan apa yang berlaku? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kubang Kerian, sila. Jangan lagi Yang Berhormat Kubang Kerian beri laluan, jika tidak menghabiskan masa Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Wangsa Maju. Saya faham roh daripada apa yang disebut oleh Wangsa Maju adalah kalau kita mahu mengajak rakyat berjimat, kerajaan mesti memberikan contoh yang baik. *[Tepuk]* Sayyidina Umar Al-Khattab, seorang khalifah Islam yang kedua. Dia adalah seorang yang *walk the talk*. Cakap serupa bikin, rumah dia,

kehidupan dia. Mungkin kalau kita melihat pada hari ini kerajaan bersedia untuk mengajak rakyat berjimat-cermat. Kerajaan mengajak rakyat hidup secara sederhana.

Adakah kita macam Fidel Castro? Adakah kita bersedia untuk hidup seperti itu? Adakah kita bersedia macam Ahmadinejad, sebagai contoh? Kepada saya, kalau ini hasrat kerajaan untuk mengajak rakyat berjimat-cermat, rakyat di bawah hendak jimat macam mana lagi? Rakyat yang terpaksa mengira sen demi sen, ringgit demi ringgit untuk membeli susu anak. Rakyat yang terpaksa berkira duit hasil torehan getah mereka, tanaman sayur mereka untuk menghantar anak masuk universiti pada hujung bulan ini. Orang kampung yang terpaksa mengira helai demi helai, ringgit-ringgit mereka untuk mereka hidup makan kais pagi, makan pagi, kais petang, makan petang.

Adakah jenis ini pun hendak diajak rakyat berjimat, sedangkan kerajaan hanya bersedia untuk memotong elaun 10%? Tidak boleh terbang keluar negara, tidak boleh melancong ke Europe, tetapi boleh ke negara ASEAN. Apa bezanya? Tahun lepas melancong ke Europe, kali ini ke Jakarta. Apa bezanya? Apa maknanya kepada rakyat? Ini yang rakyat mahu melihat. Kalau kita ikhlas, kalau kita betul, kita mahu mengajak rakyat berjimat-cermat, pada masa bulan Februari tahun 2006, waktu itu kerajaan telah menaikkan minyak 30 sen, waktu itulah kerajaan memberikan contoh terbaik untuk mengajak rakyat berjimat-cermat. Apa yang terjadi? Rakyat hari ini mempersoalkan ke mana perginya duit RM4 bilion untuk pengangkutan awam? Rakyat mempersoalkan!

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah penumpang bas ekspres yang setia. Saya balik ke Kota Bharu, kebanyakannya saya naik bas ekspres. Waktu kerajaan menaikkan harga minyak 41%, diesel naik sampai 61%. Harga tambang yang rakyat bayar daripada Kuala Lumpur ke Alor Star adalah RM68.00 untuk satu hala perjalanan. RM4 bilion telah diambil, mana dia?

Buktikan RM4 bilion ini digunakan untuk meningkatkan pengangkutan awam. Yang kita mahu jadi *first class* dari segi memberikan kemudahan kepada rakyat. Mana dia? Ini yang rakyat tunggu. Rakyat kena bayar satu hala perjalanan daripada Pudu Raya ke Johor Bahru dengan harga RM60.00 satu perjalanan.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Inilah merupakan rakyat...

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Titiwangsa.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Rakyat yang mahu melihat ke mana perginya wang yang diambil dari poket mereka dan hari ini dipaksa lagi membayar 41% kenaikan harga petrol dan 60% lebih daripada harga diesel. Sekejap, 2 minit lagi *[Memandang kepada Yang Berhormat Titiwangsa]*. Saya hendak merujuk kepada Yang Berhormat Mulia Gua Musang yang pernah menjadi Menteri Kewangan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Yang di-Pertua, yang beliau telah *foresee* perkara ini. Beliau telah melontarkan satu pemikiran yang pro aktif yang pada waktu itu kalau tidak silap saya, ucapan beliau tahun 2006 yang mengajak kerajaan membuat suatu *master plan*, suatu *blue print* untuk kerajaan mengkaji bagaimana kita harus ada suatu pelan jangka panjang bagi menghadapi krisis kenaikan harga minyak di pasaran dunia pada waktu itu? Tidak ada, kita hadapi dengan tindakan yang *ad hoc*, yang *flip flop, touch n go*. Dua hari sebelum kenaikan harga minyak, warga negara asing tidak boleh beli minyak di sempadan. Selepas naik dua hari, boleh pula. Ini apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Kalau kita bertanggung jawab, kalau kita ada rasa tanggung jawab kepada rakyat, kita harus sedar pada hari ini. Kalau negara lain boleh, kenapa kita mempandirkan idea kita? Di mana perginya para-para pakar ekonomi di sebelah sana? Pakar-pakar Bank Negara di sebelah sana? Adakah mereka tersalah nasihat Perdana Menteri? Kalau Venezuela boleh, kalau Arab Saudi boleh, kenapa

Malaysia tidak boleh mengekalkan subsidi ini untuk kepentingan rakyat? Kenapa tidak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Kita jual minyak. Kalau Malaysia boleh, kenapa kita tidak mengkaji? Kenapa Arab Saudi boleh? Kerajaan mereka boleh, mereka ada pakar ekonomi.

**■1810**

Kalau Hugo Chaves boleh mengekalkan harga minyaknya untuk kepentingan rakyat, adakah Hugo Chaves lebih Hadhari pemikirannya daripada kita yang ada pada hari ini?

Kita boleh membentuk ekonomi dalam acuan kita. Walaupun kita bukan negara OPEC, tetapi dengan anugerah Allah kita *nett exporter*, kita boleh meraikan rakyat kita. Kita boleh untuk memberikan manfaat kepada rakyat kita dalam acuan kita sendiri. Ini yang kita harapkan supaya walaupun agak terlambat, tetapi bagi saya nasi belum menjadi bubur. Kalau ikhlas demi rakyat, mari kita berbincang bersama. Semua pihak iaitu NGOs, pembangkang dan kerajaan, kita duduk semeja. Kerajaan bagi tempoh enam bulan kita boleh berbincang untuk turunkan harga minyak demi kepentingan rakyat. *[Tepuk]*

Ini yang saya harapkan dan mengharapkan kerajaan jangan cakap sahaja. *We walk the talk* kalau kita benar-benar ikhlas. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Ertinya, serahkan amanah ini kepada mereka yang boleh melaksanakannya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membuat penggulungan.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tadi sudah dibuat keputusan bahawa 19 orang sudah berucap sejak daripada pagi tadi. Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**6.11 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, izinkan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai dengan usul yang di hadapan kita ini. Saya telah berusaha untuk mendengar hampir semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap sama ada daripada sebelah sana ataupun daripada kalangan di sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menarik sekali ialah bagaimana begitu jauh perbezaannya walaupun di baris yang sama, tetapi ada pendapat umpamanya untuk menjemput syarikat cari gali asing masuk ke negara secara opsyen, secara *bidding* kerana menyatakan bahawa Petronas sebenarnya mendapat subsidi. Yang sebaliknya pula ada pendapat yang sebagai sebuah syarikat nasional harus juga segala-gala keuntungan dan pendapatan Petronas itu harus dikongsi bersama dengan rakyat, diperhabiskan bersama-sama oleh rakyat melalui pelbagai cara pengagihan keuntungan yang berkenaan.

Saya tertarik dengan hujah yang begitu *free flowing* dari satu sudut kepada satu sudut, daripada satu sudut *collectivism*. Umpamanya satu ketika dahulu ketika fahaman Mao begitu *fashionable*, semasa itu diwujudkan *collective farm* umpamanya di mana kita semua berusaha di sebuah ladang dan segala pendapatan dan keuntungan itu dibahagi sama ataupun konsep Kibbutz yang berlaku di Israel di mana juga konsep *collectivism* itu dijadikan asas sistem ekonomi. Petronas menjadi sasaran.

Kepada pihak yang menyatakan bahawa *collectivisim* dan Kibbutzim, cara Israel itu mungkin boleh dipraktikkan sebagai satu sistem ekonomi, saya faham bahawa ia

berhadapan dengan masalah bagaimana hendak mengedarkan bantuan RM100 kepada 100,000 keluarga miskin sedang difikirkan mekanisme yang dicadangkan kepada Petronas untung itu dibahagikan kepada semua. Mengapa tidak syarikat milik negeri umpamanya yang untung - ada sebuah syarikat yang untung pada tahun 2006 untung RM34 juta, tahun 2007 untung RM43.6 juta. Perlu RM10 juta sahaja, ambil untung bagi kepada rakyat di Pulau Pinang.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** *Collectivism, Kibbutzim, sosialism* - ini satu pandangan yang menunjukkan ideologi yang berbeza. Dalam keadaan ini, pada satu sudut lagi kita kata, mengapa tidak kita buangkan sahaja *economic nationalism* umpamanya seperti di negara Belanda mempunyai syarikat minyak yang nombor dua iaitu Shell.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Kuala Selangor, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya minta maaf, Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Bersangkutan dengan *point* Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Berkenaan dengan Yang Berhormat Menteri bercakap tentang 'ism-ism' ini.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya mendengar dengan tekun, dengan baik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ya, tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang perkara yang disebutnya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Jangan takutlah, Yang Berhormat Menteri, bagi laluan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Bukan soal takut.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Jangan takut. Saya tidak dapat berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Saya tidak dapat berucap. Kita hendak bertanya perkara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sila duduk dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Perkara yang Yang Berhormat Menteri sebutkan ini saya hendak tanya bersangkutan *collectivism.*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, nanti di luar kita boleh berbincang.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Dewan perlu dengar, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini pemikiran Perdana Menteri.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tidak mengapalah.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *Free market political initiative.*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kalau hendak bincang di luar, tidak payah bincanglah.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Bagi jawapan di luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat contoh umpamanya, sebuah syarikat minyak yang nombor dua terbesar di dunia. Syarikat Shell sebuah syarikat Belanda, tetapi kerana konsep kapitalismenya yang memang begitu tebal, negara *Holland, Netherlands* yang baru kalah bermain bola, harga minyaknya yang paling tinggi di Eropah.

Ini gambaran yang datang daripada satu barisan yang sama. Tidak ada persamaan pemikiran dan asas perjuangan menggunakan fakta, menggunakan hujah yang pelbagai dan oleh sebab hujah dan asasnya yang pelbagai, tuntutan dan perjuangan mereka tidaklah begitu kuat. Harus kita melihat kepada beberapa perkara yang telah ditimbulkan. Umpamanya dikatakan mengapa diberikan subsidi yang begitu besar kepada IPP kerana ini hendak tolong kroni dan sebagainya. Diberikan subsidi gas kepada IPP kerana kita ini hendak tolong kroni, tetapi pada Parlimen Ke-11 dulu pun yang bersuara menentang tentang soal keuntungan terlalu besar oleh IPP sebenarnya datangnya daripada Barisan Nasional. Akan tetapi maklumlah pada ketika itu cara kita bercakap mungkin tidak diterima begitu mudah kerana ketika itu kita menguasai Dewan.

■ **1820**

Semua tahu sebenarnya bahawa IPP dari segi harga dan kos gasnya telah ditentukan di dalam perjanjian konsesinya bahawa ia akan merupakan kos yang akan ditanggung oleh TNB dan tidak ditanggung oleh IPP. Saya tidak berada dalam kerajaan dan rakan-rakan saya juga ramai yang tidak berada dalam kerajaan ketika itu. Ini kerana ketika itu zamannya ialah untuk mewujudkan IPP dan takut pada kerajaan untuk menanggung hutang yang berlebihan, maka digalakkan kepada penswastaan, digalakkan kepada cara seperti IPP. Sebab itu apabila kita berhujah, harus kita menerima fakta...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Menteri, minta laluan, menteri.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ...dan tidak memutar belit fakta.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Laluan. *[Disampuk]* Kalau berani, beri laluan. Jangan berhujah sorang-sorang.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya suka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kuala Selangor, ini bukan berani, tidak berani, Kuala Selangor. Dia tidak bagi jalan. Itu sahaja.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya suka berhujah berseorangan, melihat kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya tidak lihat kepada sesiapa. Jangan sesiapa rasa perasan. Saya bercakap hanya kepada Tuan Yang di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini setelah saya dengar dengan taat, dengan baik, tidak bangun, tidak kacau orang. Baiknya, tidak kasihan ke? *[Disampuk]* Ini bunyi cicak itu.

**Perdana Menteri:** *[Masuk ke dalam Dewan]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Perdana Menteri mai, bagi Perdana Menteri jawab.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tidak payahlah. Saya boleh jawab. *[Disampuk]* Tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau setiap perkara kita putar belitkan untuk menjadikan satu hujah yang popular, yang manis, sedangkan fakta itu tidak betul. Umpamanya daripada satu sudut, satu suara katakan kerana USD1 naik, bukan untung, bertambah pendapatan. Ada pihak kata untung. Bukan sahaja itu, daripada untung boleh jadi pendapatan. Pendapatan bertambah, yang sedap satu pihak kata pendapatan bertambah USD250 juta daripada parti yang sama, pihak yang lain pula mengatakan bertambah RM250 juta. Inilah kita suka main-main begitu. Cakap lepas, cakap buang. Kalaulah, memang berbelit-belit satu parti.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Satu parti.

**Seorang Ahli:** Adik bangun, adik bangun.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Bagi laluan kepada adik pula bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tolong diam Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya pun kena adil, Tuan Yang di-Pertua. Kalau yang lain minta, saya tidak bagi apatah lagi adik. *[Disampuk]* Kat rumah sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya tidak tengok. Saya hanya tengok kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak nampak.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Dia jarang balik rumah, banyak berceramah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, dia tidak bagi jalan, Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Langsung tidak mahu bagi jalan ke? Kalau semua tidak bagi, kita hendak balik.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kita baliklah, kita balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Baliklah.

**Beberapa Ahli:** Baliklah, balik.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Cakap sorang-sorang buat apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Menteri jangan syok sendirilah, menteri.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Secara kebiasaannya...

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tengah bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya hendak berhujah dengan...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kalau menteri tidak bersedia menjawab, bagi Perdana Menteri menjawab. Kita boleh berhujah. Perdana Menteri sangat-sangat... *[Disampuk]*

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Minta Perdana Menteri jawablah, Perdana Menteri jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk, Yang Berhormat Pokok Sena, Shah Alam, sila duduk.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Duduklah.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini cukup tidak *gentleman*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, hormatlah sedikit, Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, sila duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduklah, Pokok Sena. Menteri sudah jawab serupalah.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Sudahlah dari segi ringgit, dari segi untung boleh jadi pendapatan, pendapatan boleh jadi untung, ringgit boleh menjadi US Dollar, US Dollar boleh menjadi ringgit.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau pendapatan tambahan, maknanya untunglah.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Hei, tidak semestinya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Belajar ekonomi dengan adik ke? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tidak percaya, mari kita berhujah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam sila duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Semenjak bila? Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan hujah yang mengatakan bahawa USD1 itu boleh membawa pendapatan tambahan RM250 juta. Jadi saya fikir kalau USD1 itu boleh bawa RM250 juta, maknanya USD130 itu boleh menghasilkan sebenarnya satu pendapatan yang sungguh besar kepada negara, pendapatan kepada negara.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Menteri tidak faham. Itu apabila *fixed cost* telah diambil kira...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Kuala Selangor.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, kita kena ikut peraturan, Yang Berhormat. Shah Alam, sila duduk, Shah Alam.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Kita kiralah. Kenaikan USD1...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan *mislead*, jangan *mislead*.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ...membawa RM250 juta. USD130, hasilnya RM42.5 bilion, besar! Tetapi lagi besar sumbangan Petronas kepada negara dan melalui kerajaan. Sumbangan Petronas...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Menteri ini tidak boleh jawab macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah ganggu, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tidak ada. Saya ingat Perdana Menteri kena ambil alih jawapan ini. Kalau tidak, memalukan kerajaan ini, memalukan kerajaan! Bila menteri menjawab macam ini, *debate*, tergagap-gagap macam itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Pokok Sena, sila duduk, Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...saya rasa memalukan kerajaan. Sebab itu saya cadang Perdana Menteri ambil alih untuk jaga imej ini.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Sudahlah naik harga minyak, orang marah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ini mai jawab dalam Parlimen pun 'loklak' macam ini buat apa!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Dalam tahun 2008, akaun Petronas sehingga Mac 2008, keuntungannya RM95.5 bilion, *profit before tax*. Sumbangan kepada Kerajaan Persekutuan, RM56.8 bilion dalam bentuk dividen, royalti dan cukai. Yang dibayar kepada kerajaan-kerajaan negeri RM4.7 bilion. Ini bermakna..

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terengganu tidak dapat duit.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Alamak, kasihan pasal tidak menguasai Terengganu, mana hendak rasa. Minta maaflah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Menteri Besar Terengganu kata ada lagi RM3 bilion tidak masuk dalam akaun.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Hei, ini tahun inilah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kerajaan umum kata RM7.4...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Apa pasal, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau saya menyatakan untuk tahun 2008, yang dia hendak cakap pasal yang lain. Saya cakap untuk tahun ini, Mac 2008.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Jadi sebab itu...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang mana satu, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** 36(12). Kenyataan yang mengelirukan Dewan kerana tadi dalam ucapan saya, saya telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah buang masalah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, saya hendak jelaskan benda ini pasal ini mengelirukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi saya telah sebut USD1, kenaikan USD250 ribu keuntungan sehari. Yang Berhormat Pokok Sena menyebut RM250 *million* setahun. Walaupun ianya bercanggah, tetapi hakikatnya *in principle* dengan izin, hakikatnya kenaikan USD1 mendatangkan keuntungan, bukan pendapatan semata-mata tetapi keuntungan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Fakta salah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah *abuse point of order* dalam pertikaian ini, Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Inilah saya kata kadang-kadang kita ini keliru tentang soal pendapatan dan keuntungan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ada yang mengelirukan.

**■1830**

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa abang yang keliru kot dalam kes ini... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, ini bagi Ahli Parlimen...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Abang kena jawab, abang kena jawab.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ...Ahli Parlimen yang baru ini dia suka sampuk-sampuk. Kita masa dulu cara kita bukan kita sampuk. Kita berdiri dulu. Ini adab. Adab dalam Parlimen, dalam Dewan Rakyat, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia anggap macam di rumah ni, Yang Berhormat... *[Dewan riuh] [Tepuk]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ... yalah, bukan salah saya, bukan salah ibu dan bapa... *[Dewan riuh] [Ketawa] [Tepuk]* Setelah dewasa kita tanggung sendirilah... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa cadangan yang telah dikemukakan untuk melihat kepada masalah yang dihadapi oleh negara apabila masalah kenaikan harga bukan saja harga minyak tetapi harga barangan berlaku, bertembung dalam satu kadar.

Di dalam hujah-hujah yang saya dengar, di dalam perbahasan ini, ada juga berbagai-bagai hujah yang membawa kepada satu tindakan untuk mencari jalan alternatif untuk mengubahkan cara kita melihat kepada minyak. Bukan melihat kepada minyak semata-mata sebagai satu bahan yang harus kita perhabiskan, tetapi sebagai seperti mana yang dikatakan satu pemberian Allah. Satu nikmat kepada negara kita ini. Bukan untuk dibazirkan oleh mereka yang suka membawa laju atau suka berfoya-foya dengan kereta yang mewah.

Akan tetapi satu hasil sumber negara yang boleh kita gunakan dengan baik dan satu caranya ialah untuk melihat kepada sumber-sumber yang alternatif. Ini merupakan satu penghargaan kepada sumber dan nikmat yang ada kepada negara kita. Bahawa kita ingin melihat agar sumber ini digunakan dengan sebaik-baiknya. Ada juga yang

menyatakan negara ini merupakan sebuah negara pengeksport minyak. Oleh itu, mengapa tidak segala apa yang digunakan dalam negara ini harus disubsidikan kerana kita merupakan sebuah negara pengeksport minyak. Kita diletakkan sebagai sebuah negara yang begitu besar dan kuat dari segi kedudukan pengeksportannya, dari segi kedudukan rizab minyaknya.

Jadi sebab itu saya telah melihat kepada angka-angka yang boleh dijadikan sebagai asas pertimbangan kita, sama ada kita benar-benar sebuah negara yang sebagai pengeksport minyak ini. Pengeksport bersih, *non-exporter ini*, Tuan Yang di-Pertua. Bahawa sama ada kedudukan itu betul-betul suatu yang begitu kuat. Saya mengambil angka-angka daripada tahun 2007, umpamanya. Pengeluaran minyak mentah Malaysia sebanyak 661 ribu tong sehari. Yang diproses di Malaysia 319 ribu tong sehari, yang dieksport 350 ribu tong sehari. Yang tidak di cakap, yang diimport, 237 ribu tong. Yang kita menjadi *net importer* ini, *netter exporter* ini bukan kita tolak 661 ribu kita tolak 300, kita tolak apa yang diproses daripada apa yang kita keluar untuk menjadi kita sebuah *net exporter*. Kita kena tolak dulu apa yang kita import, kerana kalau kita nak pakai hanya tapis sahaja keluaran negara kita, kita mungkin tidak dapat menghasilkan produk-produk yang diperlukan.

Jadi, *net export* kita ini ialah 118 ribu tong sehari. 118 ribu tong sehari kalau kita kali 365 hari agaknya besar juga. Semua ada kalkulator, kan? Dia jadi 43,070,000 tong. 43 juta tong ini. Besar bilangannya. Setahun! Kita kali sajalah USD140. Kali lagi dengan RM3.30 sen. Akhirnya? Dapat RM20 bilion. RM20 bilion saja daripada yang dikatakan bahawa kita ini sebagai sebuah negara *net exporter* RM20 bilion. Besar betul. Sedangkan pada tahun ini Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ... tahun ini Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekejap Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita nak penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, nak masuk penjelasan pun, kita kena tunggu *sentence* dia habis Yang Berhormat. Baru kita tanya.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ...Tuan Yang di-Pertua, kalau RM20 bilion itu dianggapkan besar, anggaran kita bagi subsidi untuk minyak, untuk bahan api bagi tahun ini ialah RM26 bilion. RM6 bilion itu ditambah. Bermakna sebenarnya *simple* maksudnya. Kalaulah daripada eksport yang kita katakan *non-exporter* ini, kita eksport ini hanya RM20 bilion, untung Petronas itu macam mana boleh begitu besar? Yang saya baru bacakan tadi keuntungan Petronas RM95.5 bilion yang disampaikan kepada kerajaan RM56 perpuluhan bilion. Bagaimana yang Petronas mampu memberi balik kepada Kerajaan Persekutuan begitu banyak? Kerana Petronas bukan hanya terlibat dalam cari galian di dalam negara ini semata-mata.

Keuntungan dan pendapatannya bukan berhasil daripada kegiatan cari galiannya dan pembangunannya dan eksploitasinya di dalam negara ini sahaja. Ia bukan saja datangnya daripada kegiatan *business* minyak. Ia juga terlibat di dalam perusahaan perkapalan*, LNG tankers,* dengan izin. Terlibat dalam peruncitan, bukan besar tetapi hanya 42%, tetapi ia juga berada dalam satu keadaan di mana hari ini dah hampir, tidak silap sayalah 39% daripada pendapatannya... Oh! 36.7%, bermakna 37% hasilnya daripada luar negara.

Dari segi pelaburan kegiatan cari galiannya dan pembangunannya, kegiatan-kegiatan yang lain, ia sudah menjadi sebuah syarikat Malaysia yang patut kita banggakan. Dan kita tidak boleh menyatakan, "Ah! Ini kononnya mereka menggunakan kapal terbang, *private jet."*

**■1840**

Betulkah dia pakai *private jet*? Saya diberitahu bahawa disewa apabila perlu, iaitu kapal terbang atau jet yang diperlukan untuk penerbangan kepada 33 buah negara yang menjadi negara operasinya, dan ianya menjadi amalan yang biasa kerana bukan mudah untuk kita melihat rakyat kita berjaya, begitu baik membina sebuah syarikat yang bermula sebagai kontraktor yang menjadi kontraktor yang mewakili kerajaan. Hari ini merupakan syarikat yang nombor 18 di dalam kalangan syarikat-syarikat minyak dunia. *[Tepuk]*

Tapi kerana sikap ideologi...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ... *collectivism* ini...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ... ideologi ini...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Penjelasan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ... haruskah kita lapahkan semua? Perhabiskan semua keuntungan yang menjadi tanda kejayaan dan kemajuan sesebuah syarikat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Adakah patut kita lakukan begitu? Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat dan berhadapan kepada satu yang berjaya kita janganlah pula kata ianya memang sepatutnya sudah berjaya. Banyak usaha kita walaupun dengan tujuan yang baik, dengan niat yang baik, tetapi banyak usaha di belakang itu yang telah habis tak tercapai kejayaan dan kemajuan, tetapi bagi Petronas ia sudah berjaya dan ia sudah menyumbangkan kepada kita, kepada negara hasil keuntungannya untuk membantu negara bukan sahaja dari segi subsidi minyak, kerana seperti mana yang pernah dinyatakan subsidi kepada minyak ini hanya merupakan satu perkara yang baru. Satu ketika dahulu kita tidak pernah memerlukan subsidi minyak.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan, Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tetapi dari segi pulangan kepada kerajaan segala apa yang dipulangkan oleh Petronas kepada kerajaan telah kita gunakan untuk membangunkan negara ini.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Bagan?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita berhadapan dengan satu masa yang memangnya memerlukan kebijaksanaan. Sebab itu usul ini memang pihak kami tak fikir, bahawa akan mendapat sokongan daripada sebelah sana kerana begitu banyak, begitu berbeza kepentingan dan pendekatan politik. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Minta jalan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ... saya ada ingin mengambil sedikit masa untuk penjelasan yang telah ditimbulkan oleh rakan saya Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ... daripada Pasir Mas umpamanya yang minta pun juga mendapat penjelasan, kerana niatnya baik seperti sesuatu fitnah itu tidak membawa dosa kepada pihak yang menyampai-nyampaikannya tanpa meneliti dan menilai sama ada ia benar atau tidak. Jadi rakan saya di Pasir Mas dia bertanya betul atau tidak bahawa pos ini digunakan Pos Malaysia untuk membayar rebat ini, kerana adanya pihak tertentu yang

untung. Umpamanya ada komisen yang dibayar berlebihan tetapi saya telah tanya Menteri Kewangan II dia kata, "Hanya bayar mengikut *actual cost* pembayaran rebat ini." Yang kedua soalnya sama ada...

**Seorang Ahli:** ECM Libra!

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Ha, nantilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tolong diam Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Ini sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya kasihan juga Tuan Yang di-Pertua pasal sambil memerhatikan saya hendak memberikan penjelasan, bercakap dengan beradab, cakap dengan tertib sebagai Ahli Parlimen ada suara-suara yang datang di sebelah sana, tapi tak apa. Saya memang sudah dijelaskan dalam PAC bahawa apabila disusun semula syarikat Avenue Capital dan ada hubungannya dengan ECM Libra, bahawa Pos Malaysia balik menjadi sebuah GLC.

Jadi inilah sindiran-sindiran yang kita dengar kadangkala perkara yang tak betul dan kerana saya tak ada tali persaudaraan dengan Ahli Yang Berhormat daripada Rembau, saya tak bolehlah dikata mempunyai *conflict of interest* bila membela tuduhan terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang lain yang saya hendak terangkan tetapi kita sudah...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Apa pun.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** ... lama membahas perkara ini dan saya percaya walau apa pun jawapan yang saya beri, dan apa jawapan yang kerajaan beri kita tidak akan dapat kepuasan hati, kerana ideologi dan pandangan yang berbeza-beza di sebelah sana.

Jadi sebab itu lebih baiklah saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua pihak yang mengambil bahagian, dan kita menyeru untuk Dewan membuat keputusan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kena halalkan tindakan sahaja.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu tadi hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju kata setuju.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Usul, usul!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *division* kena datang sebelum kita membuat keputusan. *You can make earlier.*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan tidak. Lebih suara yang bersetuju, usul disetujukan. *[Tepuk]*

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Kita mahu buat *division*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** 14 Yang Berhormat, jika ada permintaan untuk belah bahagi dia harus datang sebelum keputusan dibuat. Saya sudah baca perlahan-lahan tadi untuk melihat sama ada Yang Berhormat hendak minta belah bahagi, tetapi tidak ada pun seorang bangun...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya bangun masa membuat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ... untuk belah bahagi. Setelah keputusan dibuat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, setelah keputusan dibuat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya ada bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ... baru Yang Berhormat bangun untuk meminta belah bahagi. Jadi ianya harus datang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya, sebelum...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah bagi ruang Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua minta yang setuju kata setuju, tapi sebelum daripada kami tak bersetuju Yang Berhormat sudah bangun daripada Ipoh Barat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu keputusan yang dibuat Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ia harus datang...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Itu menunjukkan sebelum keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ia harus datang sebelum keputusan dibuat. Itu sudah dalam proses membuat keputusan. Jadi tidak boleh lagi Yang Berhormat. Saya sudah bagi ruang kepada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Mana aci macam ini. Mana aci.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak ada. Kita harus ikut peraturan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tak ada jalan yang senang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ikut peraturan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tak, sekarang apa masalahnya kalau kita hendak buat belah bahagi.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengambil belah bahagi sebelum ini. Prosesnya sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak ada proses.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Kita telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita telah bagi ruang kepada Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Kita tidak setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya bagi ruang kepada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Setiausaha.

**Seorang Ahli:** Macam mana hendak tahu apa yang kurang dengan suara sahaja? Tak adil. Tak munasabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita mempunyai proses yang sedemikian Yang Berhormat. Sama ada kita bersetuju dalam bentuk suara yang sebegini ataupun kita melakukan proses belah bahagi.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tapi proses ini tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebelum keputusan dibuat kita minta proses belah bahagi. Yang itu kita akan bagi belah bahagi Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Teruskan Tuan Yang di-Pertua!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tadi Yang Berhormat lambat untuk...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, proses tak adil.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Keputusan sudah dibuat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Keputusan sudah dibuat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Peraturan Mesyuarat 46(4)...

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** *Check Hansard*, *check Hansard* memang tak ada.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Peraturan Mesyuarat 46(4)...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, Parlimen *become a joke*.

**Beberapa Ahli:** Woo!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** .. seluruh negara menonton…

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Bangun semua!

**Seorang Ahli:** Tak bersetuju!

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kami minta belah bahagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang telah dibuat diteruskan. Keputusan telah pun ada dan keputusan muktamad.

**■1850**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Keputusan muktamad Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]:** Keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad, tiada lagi peraturan kita ubah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah buat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sudah buat keputusan Yang Berhormat. Buat keputusan.

*[Dewan riuh]*

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk dulu Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila duduk. Saya nampak semua sedang berdiri. Sila duduk. Duduk dulu Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas itu saya jemput satu orang apa permasalahan Mesyuarat. Duduk dulu, sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Tuan Yang di-Pertua tadi minta untuk diputuskan tentang usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, sahabat saya Yang Berhormat Ipoh Barat telah bangun untuk menuntut. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat senyap dulu. Macam mana kita buat keputusan kalau saya tidak dengar, sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Ipoh Barat telah bangun, saya juga bangun untuk meminta supaya dirujuk kepada 46(4) supaya diadakan belahbahagian dalam memutuskan perkara ini tetapi Tuan Yang di-Pertua sebelum ini meneruskan dengan tidak memberikan peluang kepada Yang Berhormat Ipoh Barat ataupun saya untuk memilih Perkara 46(4) dalam menentukan keputusan usul yang dibawa oleh kerajaan pada hari ini.

Jadi saya mewakili seluruh Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat dan mungkin juga sahabat daripada Barisan Nasional supaya..

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Woo!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Pimpinan daripada Barisan Nasional takut kalau diadakan belahbahagian kerana akan terakam dan akan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak timbul soal takutlah. Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Siapa yang membawa usul dan menyokong usul untuk menekan rakyat dalam isu kenaikan harga minyak ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, okey, sekarang ini yang saya mahu dengar peraturan mesyuarat yang mana saya terpaksa timbang balik.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, Perkara 46(4) kita ada lebih daripada 15 wakil yang bangun untuk menuntut supaya diadakan belahbahagian.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh saya tambah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah faham. Yang Berhormat Ipoh Timur sudah saya faham 46(4). Sekarang ini saya mahu membuat *rulling*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh sebelum itu mengenai 46(3) dan 46(4).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oleh sebab apabila 46 kita ada tunjuk menunjukkan bahawa kita masuk *division* dan lepas 46(4) tidak ada cabar, lawan itu *opinion*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat Ipoh Timur, sudah saya faham. Bertenang Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita ini cuma berbahas untuk kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan kita. Kalau ianya dibenarkan oleh peraturan mesyuarat apa tindakan kita pun boleh kita tarik balik, itu juga yang saya mahu dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Patuhi peraturan mesyuarat sepanjang masa. Okey, sekarang ini saya bersetuju bahawa mesti ada belahbahagian oleh sebab ada bantahan lebih daripada 15 ahli. *[Tepuk]*

Sila Setiausaha bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

■ **1900**

**7.05 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Semasa menunggu keputusan dibuat, boleh saya merujuk kepada *Standing Order 47*. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa *secret ballot* yang dikatakan yang dibuat di

mana-mana Parlimen tidak wujud di sini, kerana saya difahamkan ada ramai antara Ahli Parlimen Barisan Nasional yang ingin mengundi menentang kepada *motion* hari ini.

**Beberapa Ahli:** Bohong.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Namun, nampaknya *standing order* kita tidak ada sedemikian. Saya rasa perkara ini patut dikaji dan menghapuskan yang tidak ada kerana ramai di antara kawan-kawan saya yang duduk di sebelah sana yang... *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ... yang ingin undi dengan *conscious* mereka. Namun, *conscious* mereka terikat kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, terima kasih. Nanti bingung orang mengira.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ... ada di sini mereka takut, mereka diugut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sudah, nanti bingung pegawai-pegawai yang mengira ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ...jadi ini perkara yang harus diambil kira...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih, terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini adalah satu perkara yang penting kerana seluruh negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya faham.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ... menunggu kepada satu keputusan yang boleh dibuat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah saya faham.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Adakah satu keputusan yang *conscious* rakyat, *conscious* wakil rakyat dibuat dengan betul-betul.

**Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad [Mukah]:** Bohonglah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini bukan kongsi gelaplah. Ipoh balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan oleh kerana kita sekarang ini adakan belahbahagian, semua sewenang-wenangnya berdiri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K Devamany]:** Dia dahulu.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Tuan S.K Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat, 36(12).

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Itu bukan sangkaan jahat. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, kalau dah tak betul itu bukan sangkaan jahat. Memang sebahagian besar daripada mereka ini hari ini buat usul untuk tindas rakyat. Depa sokong. Kita tengok bilangan lagi, bilangan Ahli Parlimen tindas rakyat.

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sudah, duduklah. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ... dengan kita. Ada hasrat jahat dengan parti kita, ini sangkaan jahat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya ikut perasaan saya dan saya pun ikut peraturan mesyuarat, lengang Dewan ini. *[Dewan riuh] [Ketawa]* Yang tinggal hanya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. *[Dewan riuh] [Ketawa]* Jadi sama-samalah kita semua bersabar.

**■1910**

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini keputusan yang saya terima tadi iaitu:

Ahli-ahli yang bersetuju 129. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 78. *[Dewan tepuk]*

**YANG BERSETUJU:**

1. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
2. Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
3. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
4. Dato' Seri Syed Hamid Albar
5. Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin
6. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz
7. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
8. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim
9. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
10. Datuk Peter Chin Fah Kui
11. Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal
12. Dato' Mustapha Mohamed
13. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili
14. Datuk Seri Azalina binti Othman Said
15. Datuk Douglas Uggah Embas
16. Datuk Ong Tee Keat
17. Dato' Dr. Ng Yen Yen
18. Dato' Haji Noh bin Haji Omar
19. Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed
20. Dato' Shaziman bin Abu Mansor
21. Dato' Liow Tion Lai
22. Dato' Ahmad Shabery Cheek
23. Datuk Dr. S. Subramaniam
24. Dato' Shahrir Abdul Samad
25. Dato' Seri Ong Ka Chuan
26. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
27. Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar
28. Datuk Ronald Kiandee
29. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup
30. Datuk Liew Vui Keong
31. Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad
32. Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah
33. Datuk Robert Lau Hoi Chew
34. Dato' Joseph Salang anak Gandum
35. Dato' Kong Cho Ha
36. Tuan Joseph Entulu anak Belaun
37. Dato' Mohd. Johari bin Baharum
38. Datuk Wira Abu Seman Yusop
39. Dato' Yong Khoon Seng
40. Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim
41. Puan Noriah Kasnon
42. Dato' Chor Chee Heung
43. Dato' Jacob Dungau Sagan

44. Tuan Teng Boon Soon
45. Ir. Dr. Wee Ka Siong
46. Tuan Jejaling anak Mersat
47. Tuan Haji Fadillah bin Yusof
48. Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron
49. Dato' Razali bin Ismail
50. Dato' Tan Lian Hoe
51. Tuan S.K. Devamany
52. Datuk Saravanan a/l Murugan
53. Dato' Noraini binti Ahmad
54. Tuan Wee Jeck Seng
55. Dr. Hou Kok Chung
56. Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib
57. Dato' Hamzah bin Zainudin
58. Dato' Saifuddin bin Abdullah
59. Dato' Haji Hasan bin Malek
60. Datuk Abdul Rahim bin Bakri
61. Datuk Seri Panglima Lajim Ukin
62. Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin
63. Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah
64. Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman
65. Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri
66. Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman
67. Dato' Abdul Manan bin Ismail
68. Tuan Razali bin Haji Ibrahim
69. Datuk Juslie Ajirol
70. Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib
71. Puan Hajah Nancy binti Shukri
72. Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi
73. Dato' Abdul Rahman Dahlan
74. Tuan Henry Sum Agong
75. Tuan Alexander Nanta Linggi
76. Tuan Aaron Ago Dagang
77. Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir
78. Datuk Md. Sirat Abu
79. Datuk Abdul Wahab bin Dolah
80. Dato' Haji Lilah Yasin
81. Datuk Dr. Tiki anak Lafe
82. Tuan Ding Kuong Hiing
83. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang
84. Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah
85. Datuk Siringan Gubat
86. Datuk Haji Yusof bin Haji Mahal
87. Tuan Abd. Rahman Bakri
88. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar
89. Dato' Lee Chee Leong
90. Tuan Liang Teck Meng
91. Tuan Chua Tee Yong
92. Puan Tan Ah Eng
93. Tuan Masir Kujat
94. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad
95. Datuk Wilfred Mojilip Bumburing
96. Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria
97. Tengku Razaleigh Hamzah
98. Dato' Seri Ong Ka Ting
99. Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn
100. Dato' Seri Azmi bin Khalid
101. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis
102. Datuk Bung Moktar bin Radin
103. Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz

104. Dato' Seri Tiong King Sing
105. Datuk Anifah bin Haji Aman
106. Pro. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin
107. Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad
108. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan
109. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor
110. Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib
111. Ir. Haji Hamim bin Samuri
112. Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed
113. Datuk Richard Riot anak Jaem
114. Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said
115. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh
116. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi
117. Dato' Ismail Kasim
118. Tuan William Nyallau
119. Tuan Billy Abit Joo
120. Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan
121. Datuk Dr. Marcus Makin Mojingoh
122. Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman
123. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
124. Dato' Mohd. Jidin bin Shafee
125. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
126. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique
127. Tuan Matulidi bin Jusoh
128. Datuk Wira Ahmad Hamzah
129. Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

1. Datin Sri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
2. Tan Sri Dato Abd. Khalid bin Ibrahim
3. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
4. Dr. Lee Boon Chye
5. Tuan R. Sivarasa
6. Tuan William Leong Jee Keen
7. Tuan Chua Tian Chang
8. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin
9. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail
10. Tuan Johari bin Abdul
11. Tuan N. Gobalakrishnan
12. Puan Hajah Fuziah Salleh
13. Tuan S. Manikavasagam
14. Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad
15. Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim
16. Dato' Kamarul Baharin Abbas
17. Tuan R. Karpal Singh
18. Puan Fong Po Kuan
19. Puan Teo Nie Ching
20. Tuan Chong Chieng Jen
21. Tuan Lim Kit Siang
22. Tuan Lim Guan Eng
23. Dr. Tan Seng Giaw
24. Puan Chong Eng
25. Tuan K. Kula Segaran
26. Tuan Fong Kui Lun
27. Tuan Tan Kok Wai
28. Puan Teresa Kok Suh Sim
29. Prof. Dr. P. Ramasamy

30. Dato' Ngeh Koo Ham
31. Tuan Nga Kor Ming
32. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid
33. Tuan Gwo-Burne Loh
34. Tuan Wee Choo Keong
35. Tuan Zulkifli bin Noordin
36. Tuan Haji Ab. Aziz bin Ab. Kadir
37. Tuan Amran bin Ab. Ghani
38. Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri
39. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
40. Tuan Haji Nasharudin Mat Isa
41. Dato' Kamarudin bin Jaffar
42. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman
43. Tuan Salahuddin Ayub
44. Tuan Haji Mahfuz bin Omar
45. Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli
46. Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah
47. Dr. Dzulkefly Ahmad
48. Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali
49. Dr. Siti Mariah binti Mahmud
50. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff
51. Tuan Hee Loy Sian
52. Tuan Haji Ahmad Kassim
53. Tuan Azan Ismail
54. Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman
55. Dr. M. Jeyakumar Devaraj
56. Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff
57. Tuan Tan Tee Beng
58. Dato' Rashid Din
59. Tuan Loke Siew Fook
60. Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad
61. Tuan Pua Kiam Wee
62. Tuan Ooi Chuan Aun
63. Tuan Charles Santiago
64. Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib
65. Tuan M. Manogaran
66. Tuan Sim Tong Him
67. Tuan John Fernandez
68. Dr. Che Rosli bin Che Mat
69. Dr. Mujahid Yusof Rawa
70. Dr. Hiew King Cheu
71. Tuan Lim Lip Eng
72. Tuan Er Teck Hwa
73. Tuan Muhammad bin Haji Husain
74. Tuan Haji Roslan Shaharum
75. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria
76. Tuan Mohd. Firdaus Jaafar
77. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik
78. Dato' Ibrahim Ali

**YANG TIDAK MENGUNDI:**

1. Tuan Liew Chin Tong

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang."

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### Kes Kemalangan Jalan Raya Melibatkan Kenderaan PDRM dan Chan Kam Weng (Simati)

**7.11 mlm.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 41 apabila keluar dan masuk Dewan dengan tertib. *[Dewan riuh]* Sila.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin membetulkan kesilapan kepada tajuk. Ia adalah berbunyi kedudukan kes kemalangan jalan raya melibatkan Chan Kam Weng (simati) dan kenderaan peronda polis. Pada bulan Oktober 2006 yang lalu, satu kemalangan jalan raya telah berlaku di Jalan Lahat Farlim yang melibatkan seorang pejalan kaki, Chan Kam Weng (simati) dan sebuah kenderaan peronda polis. Ekoran daripada kemalangan tersebut, pejalan kaki telah meninggal dunia.

Saya pernah mengemukakan pertanyaan di Parlimen berkenaan kedudukan perkara ini dan dimaklumkan bahawa kes ini telah dirujukkan kepada Majistret. Akan tetapi sehingga hari ini masih tiada sebarang maklumat diberi kepada ahli keluarga mangsa berkenaan perkembangannya. Saya ingin ambil kesempatan memaklumkan bahawa baru-baru ini telah menerima surat selepas saya mengemukakan usul ini bahawa inkues telah dijalankan. Ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati oleh isterinya yang berpendapat apakah dengan sekadar bayaran ganti rugi kes ini dianggap telah selesai.

Kes ini melibatkan sebuah kenderaan peronda polis dan bukannya satu kemalangan jalan raya biasa. Menurut maklumat saksi-saksi kemalangan jalan raya, semasa kemalangan jalan raya berlaku, mangsa bukan berada di tengah jalan tetapi telah sampai ke tepi jalan di mana kenderaannya diletak. Selain itu, kesan-kesan brek yang panjang di atas jalan turut menimbulkan persoalan bahawa pemandu kenderaan peronda polis turut menyumbang kepada kemalangan tersebut. Oleh itu, ia telah menimbulkan persoalan bahawa kes kemalangan jalan raya tidak boleh diklasifikasikan sebagai satu kemalangan jalan raya biasa, pelanggaran semasa mangsa melintas jalan raya dan ia adalah kecuaian mangsa semata-mata.

Adalah diharap Jabatan Peguam Negara, *AG's office* dengan izin dapat meneliti semula kes ini yang melibatkan kepentingan orang awam, orang umum dan keyakinan orang ramai terhadap pegawai penyiasat dan pendakwa raya. Apakah kedudukan kes ini? Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai yang terlibat di dalam kemalangan

tersebut? Apakah keterangan-keterangan yang diterima selain daripada pegawai polis terlibat bagi membuat kesimpulan bahawa kemalangan ini adalah kerana kecuaian mangsa si mati? Sekian, terima kasih.

***7.14 mlm.***

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kes kemalangan jalan raya yang berlaku pada bulan Oktober tahun 2006 di Jalan Lahat Farlim yang melibatkan seorang pejalan kaki bernama Chan Kam Weng dengan sebuah kenderaan peronda Polis Diraja Malaysia. Pihak pendakwa raya telah merujuk kes tersebut kepada koroner, seorang Majistret pada 4 April 2007 bagi tujuan diadakan satu inkues iaitu siasatan rasmi mengenai punca sebenar kematian seseorang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Kes tersebut juga telah ditetapkan untuk sebutan pertama di Mahkamah Majistret Ipoh pada 6 Disember 2007. Selanjutnya satu inkues berkaitan dengan kes tersebut telah dimulakan pada 30 Mei 2008 dan akan bersambung pada 23 Julai 2008. Setelah keputusan koroner mengenai inkues tersebut diperoleh sama ada ia merupakan keputusan terbuka atau *open verdict* atau melibatkan unsur jenayah dan orang tertentu, kes akan dirujuk semula kepada pendakwa raya. Pihak pendakwa raya hanya akan membuat keputusan untuk mendakwa pihak yang terlibat berdasarkan kepada keterangan yang mencukupi.

Oleh yang demikian, tiada pendakwaan boleh dibuat terhadap mana-mana orang bagi kes tersebut sehingga keputusan koroner mengenai inkues yang dijalankan itu diperolehi. Berkenaan dengan pemandu kenderaan peronda polis yang terlibat dalam kemalangan tersebut, beliau hanya dibenarkan bertugas sebagai anggota sokongan dan tidak dibenarkan memandu mana-mana kenderaan PDRM kerana lesen pasukan beliau telah digantung oleh cawangan pengangkutan IPK Perak.

**Sistem Infra Untuk Mengatasi Masalah Banjir**

***7.16 mlm.***

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perlunya sistem infra untuk mengatasi masalah banjir. Masalah ini adalah berkenaan dengan perlunya sistem infra yang baru untuk mengatasi masalah banjir sehingga terdedahnya manusia kepada bahaya banjir khasnya di kawasan bandar-bandar besar yang mempunyai taburan penduduk yang padat serta kadar binaan yang tinggi telah meningkat dengan begitu pesat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Hal ini terbukti oleh kejadian-kejadian banjir yang serius di sekitar bandar Ipoh khususnya di Taman Merdeka, Taman Hock Onn, Taman Alkaf dan di kawasan sepanjang Sungai Kinta, Ipoh.

Punca utama banjir di kawasan ini adalah disebabkan aliran permukaan pesat akibat perubahan guna tanah, alur-alur sungai dan longkang yang tersekat yang menyebabkan berkurangan keupayaan sungai melalui pemindahan kelodaknya. Pada masa yang sama pihak kerajaan harus peka dalam menangani masalah banjir di kawasan Ipoh khususnya di Taman Merdeka dan di kawasan sekitarnya. Jika turunnya hujan lebat ataupun hujan tidak berhenti-henti maka ia mengambil masa yang begitu singkat sahaja untuk menenggelamkan Taman Merdeka dan kawasan sekitarnya. Dengan adanya sistem perparitan yang tidak sempurna, maka ia menyebabkan begitu ramai mangsa mengalami kerugian yang besar dan kanak-kanak juga menjadi mangsa dengan penyakit.

Rakyat kini lebih berpendidikan dan lebih sedar akan masalah alam sekitar dan juga mendapat maklumat semasa dengan lebih kerap. Mereka lebih yakin bahawa kejadian banjir ini adalah disebabkan kesilapan manusia dan kegagalan pengurusannya boleh dielakkan jika adanya satu perancangan yang awal daripada pihak kerajaan. Maka dengan itu timbulnya beberapa soalan dalam hal di mana apakah tindakan yang telah pun

dirancang oleh pihak JPS dalam menangani masalah ini. Apakah sistem perparitan yang sempurna akan dilaksanakan pada kawasan-kawasan yang disebut dan bilakah ianya akan diimplementasikan.

Selain daripada itu, berapakah peruntukan yang telah pun diperuntukkan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan ini dan sehingga hari ini berapakah yang telah dibelanjakan. Dalam satu perancangan pembangunan bandar raya, masalah banjir sepatutnya dijadikan agenda utama. Perkara ini tidak boleh lagi dipandang ringan, ditolak dan diketepikan. Ia sudah menjadi lumrah di Taman Merdeka, hujan lebat yang turun sekejap pun boleh menenggelamkan taman ini dan juga kawasan yang rendah sehingga boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas. Masalah banjir di kawasan Taman Merdeka dan sekitarnya bukannya satu fenomena yang baru dan adanya bukti-bukti yang kukuh di mana perlunya satu rancangan yang baru untuk membantu penduduk-penduduk kawasan ini.

■ **1920**

Pihak JPS dan kerajaan masih tidak mencari satu jalan penyelesaian walaupun sudah lalu 40 tahun. Justeru itu, dengan adanya suasana ekonomi yang baik pada tahun-tahun kebelakangan ini, maka kerajaan tidak boleh menjadikan masalah ini kurang penting jika dibandingkan dengan pembangunan infra yang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar jawab.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kajian *National Register of River Basin 2003*, seluas 9% daripada keluasan tanah negara di Malaysia di kenal pasti sebagai kawasan berisiko banjir termasuk kawasan-kawasan sungai di Lembah Kinta.

Bagi menangani masalah banjir ini, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran memberi khidmat kepakaran dalam pengurusan tebatan banjir serta melaksanakan program tebatan banjir untuk melindungi nyawa dan harta benda.

Di bawah Rancangan Tebatan Banjir yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, dua bentuk langkah yang diambil iaitu langkah struktur dan langkah bukan struktur. Antara langkah-langkah struktur termasuklah pembinaan empangan tebatan banjir, pembinaan kolam takungan banjir, pembinaan lencongan, rumah pam, melebarkan dan mendalamkan sungai dan pembinaan ban benteng di tebing sungai.

Sementara langkah-langkah bukan struktur adalah kajian-kajian lembangan sungai dan tebatan banjir, kajian pelan induk saliran, maklumat dan data yang diperlukan untuk kajian, penyediaan garis panduan dan manual saliran mesra alam, kempen kesedaran dan program pendidikan, ramalan dan amaran banjir dan pengurusan kawasan tadahan air.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam perancangan permohonan bandar raya, kementerian melalui JPS telah memperkenalkan manual saliran mesra alam, MSMA. Manual ini telah pun diedarkan kepada pihak berkuasa tempatan di samping memberi taklimat kepada mereka.

MSMA merupakan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh PBT di dalam meluluskan pelan pembangunan supaya isu banjir dapat ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, justeru PBT perlu memainkan peranan dengan menangani isu banjir terutama dalam penyelenggaraan dan penaikan taraf kemudahan-kemudahan perparitan.

Di samping itu, PBT juga perlu meningkatkan penguatkuasaan agar semua pihak mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan bagi mengurangkan kesan banjir tempatan. Berhubung isu banjir di Taman Merdeka dan taman-taman perumahan di sekitarnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taman-taman ini terletak di kawasan tanah rendah di sepanjang Sungai Pari, anak Sungai Kinta juga merupakan kawasan yang berisiko banjir.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, JPS telah membelanjakan RM58.8 juta untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pari. Bagi meningkatkan keupayaan Sungai Pari untuk mengalirkan air bagi mengurangkan masalah banjir di sepanjang sungai ini.

Skop kerja yang telah dilaksanakan termasuk meninggikan baris Sungai Pari bagi mengelakkan limpahan air sungai, membina semula konkrit seksyen yang telah rosak akibat hakisan air sungai dan menempatkan pam untuk mengepam air dari kawasan banjir di Taman Merdeka ke Sungai Pari.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, JPS melaksanakan kerja-kerja RTB Sungai Pari. Skop kerja yang telah dilaksanakan sehingga kini meliputi pembinaan rumah pam termasuk pemasangan pagar keselamatan dan CCTV, pembaikan dan pembinaan semula benteng *L-shape* sepanjang Sungai Pari serta kerja-kerja mendalam anak-anak sungai kepada Sungai Pari.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyelesaikan masalah tersebut dalam jangka masa panjang, JPS telah melantik juru perunding untuk menyediakan reka bentuk kejuruteraan terperinci bagi cadangan kerja-kerja tebatan banjir di Taman Merdeka dan persekitarannya di sepanjang Sungai Pari.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berharap Majlis Bandar Raya Ipoh juga memainkan peranan yang sewajarnya untuk menangani isu banjir di Taman Merdeka, Taman Hock Han dan 'Taman Har Kaf' ke kawasan-kawasan sekitar memandangkan ketiga-tiga taman perumahan ini terletak di bawah kawasan perbandaran MBI. Kerja-kerja penyelenggaraan dan penaik taraf sistem saliran dalaman di kawasan-kawasan tersebut adalah tanggungjawab Majlis Perbandaran Ipoh.

Justeru itu, Ahli Yang Berhormat adalah diminta untuk membangkit isu ini terus kepada Majlis Bandaran Ipoh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi hari Selasa 24 Jun 2008.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.25 malam.***